


Jilid II
Bil. 21



Hari Isnin
27hb Julai, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4533]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) [Ruangan 4643]

Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
[Ruangan 4678]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4723]

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Penyalahgunaan Kuasa oleh Polis—
Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 4723]

Lawatan Dato Bandar Kuala Lumpur dan Rombongan—
Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) [Ruangan 4725]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1994

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Pegawai Penerbitan: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 27hb Julai, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**JUALAN SECARA LANGSUNG—
JAMINAN MUTU DAN HARGA**

1. **Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menerangkan mengenai barangan jualan secara langsung "direct selling":

- (a) berapa pastikah pihak Kementerian bahawa barangan ini terjamin kualitinya dan pada harga yang berpatutan;
- (b) bagaimana pula tentang barang-barang yang tidak diterima "rejected items" daripada pasaran eksport, adakah ianya dilonggok di pasaran tempatan; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian mengenai hal ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Barang-barang yang dijual secara langsung itu ada yang mempunyai jaminan dan ada

yang tidak. Sama ada barangan jualan langsung dijual dengan harga yang berpatutan adalah di luar bidangkuasa Kementerian. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dari semasa ke semasa mengadakan ceramah, seminar dan bengkel untuk mendidik pengguna-pengguna supaya membeli barang yang mempunyai kad waranti dan membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barang supaya dapat membelinya dengan harga yang berpatutan.

- (b) "Rejected items" sekiranya dimaksudkan sebagai tidak boleh digunakan, maka sudah tentu ianya tidak akan dilonggokkan di pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, sekiranya "rejected items" bermakna barangan yang mempunyai mutu dan kualiti yang rendah, maka pengguna-pengguna sentiasa diingatkan supaya berhati-hati dan bijaksana sebelum membuat keputusan untuk membeli apa-apa barangan, sama ada ianya dijual secara langsung ataupun tidak.
- (c) Selain daripada tindakan seperti di atas, Kementerian telahpun membentangkan Rang Undang-undang bagi mengawal jualan secara langsung bagi Bacaan Kali Pertama dalam persidangan Dewan yang mulia ini sekarang. Dengan adanya undang-undang

ini kelak, jualan secara langsung akan dapat dikawal dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang tertentu bagi menjaga kepentingan pengguna.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, sejauhmanakah perniagaan secara direct selling ini telah menyumbang dalam ekonomi negara kita terutama sebagai sumber pendapatan baru bagi rakyat negara ini yang berminat berniaga tetapi tiada kemampuan modal yang besar?

Soalan yang kedua, berapakah jumlah syarikat perniagaan di negara ini yang memasarkan barangan perniagaan mereka secara sistem piramid dan apakah tindakan yang telah Kerajaan lakukan ke atas syarikat-syarikat ini dan berapakah jumlah taksiran kerugian yang dialami oleh rakyat yang terlibat? Terima kasih.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana buat masa sekarang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak ada apa-apa undang-undang ataupun peraturan yang mengawal perdagangan jualan secara langsung ini, maka Kementerian tidak mempunyai perangkaan yang tepat untuk menunjukkan berapa banyak perdagangan jualan langsung memberi sumbangan kepada aktiviti ekonomi, akan tetapi sebagai suatu anggaran adalah dianggarkan bahawa perdagangan jualan secara langsung, jumlah salesnya adalah melebihi sebanyak \$1 billion.

Untuk menjawab soalan yang kedua, berapakah jumlah syarikat-syarikat yang mengamalkan sistem jualan langsung atau sistem piramid, jawapannya adalah serupa, oleh kerana pada masa ini Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak ada angka untuk menunjukkan berapakah jumlah syarikat yang menjalankan atau mengamalkan sistem jualan piramid ataupun sistem jualan langsung.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya tadi, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengatakan bahawa mengenai rejected items itu pihak Kerajaan akan mempunyai rancangan, adakah Kementerian bercadang mengenakan atau memastikan bahawa tiap-tiap barang, dengan izin, rejected items diberi tanda oleh tiap-tiap penjual seperti di England, di Eropah dan di Amerika?

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian boleh menimbangkan cadangan itu.

LETUPAN/KEBAKARAN GEDUNG SIMPANAN MINYAK DI PORT KLANG

2. **Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kenapakah pada 21hb Jun 1992 beliau telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan menubuhkan satu "Royal Commission of Inquiry" untuk menyiasat dalam letupan/kebakaran gedung simpanan minyak di Port Klang di mana lebih daripada lima (5) orang telah terbunuh dan beberapa hari kemudian Menteri Pengangkutan mengumumkan bahawa satu "Royal Commission of Inquiry" tidak akan ditubuhkan;
- (b) apakah sebab-sebab permulaan yang menyebabkan letupan/kebakaran di gedung simpanan

minyak di Port Klang dan sama ada jika keselamatan dan tindakan-tindakan untuk mencegah disediakan untuk mencegah letupan/kebakaran tersebut;

- (c) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Menteri Pengangkutan untuk mencegah tragedi tersebut daripada berlaku pada masa yang akan datang; dan
- (d) adakah Kerajaan bertujuan untuk membayar wang pampasan kepada keluarga simati. Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya kenapa tidak.

20-7-92

20. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya Kabinet telah menolak cadangannya untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyiasat tragedi letupan dan kebakaran kapal Chong Hong III dan loji kimia Shell di Pelabuhan Klang seperti diumumkan oleh beliau sendiri pada 21.6.92 dan adakah Kerajaan bercadang mengumumkan keputusan siasatan.

23-7-92

27. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pemilik kapal yang terbakar kapalnya baru-baru ini di Pelabuhan Klang telah melanggar sebarang peraturan. Jika ada, apakah denda dan kerosakan yang harus dibayar oleh pemilik kapal tersebut.

28. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak bersedia untuk menubuhkan Suruhanjaya DiRaja Penyiasat ke atas tragedi yang meragut 13 nyawa di Pelabuhan Klang bulan lalu.

27-7-92

34. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan secara terperinci mengenai:

- (a) kejadian letupan kapal tangki minyak di Pelabuhan Klang baru-baru ini yang telah mengorbankan banyak nyawa;
- (b) tahap keselamatan di pelabuhan-pelabuhan lain yang ada sekarang; dan
- (c) sekiranya Kementerian belum berpuashati dengan tahap keselamatan di pelabuhan-pelabuhan yang ada sekarang, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil agar kejadian-kejadian yang tidak diingini dapat dihindari.

Dr. Kua Kia Soong: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Dr. Kua Kia Soong: On a point of order 91, "Ahli-ahli yang tiada dapat hadir" dan Standing Order 9(4), "Kewajipan-kewajipan Setiausaha untuk rekodkan nama Ahli-ahli yang hadir".

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh bersabar lagi dengan ketidakhadiran Menteri Pengangkutan. Soalan yang ditanya oleh Ahli dari Bukit Bintang adalah satu soalan yang seluruh negara hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Timbalan Menteri Pengangkutan.....

Dr. Kua Kia Soong: Kenapa Perdana Menteri boleh hadir, Menteri Kehakiman boleh hadir tetapi Menteri Pengangkutan tidak boleh hadir?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat cukuplah. Catatan kehadiran memang kita ada ambil. Timbalan Perdana Menteri atau Setiausaha Parlimen bertanggungjawab untuk menjawab soalan-soalan itu. *(Tepuk)* Silakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya membantah—seolah-olah saya tidak berkemampuan untuk menjawab soalan ini. *(Tepuk)* Saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri sedang mengadakan mesyuarat mengenai KL International Airport.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab sekaligus pertanyaan-pertanyaan mulut yang telah dikemukakan terlebih dahulu yang tidak sempat dijawab bersama-sama iaitu soalan daripada Yang Berhormat Tuan Kerk Kim Hock pada 20hb Julai, Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh pada 23hb Julai, Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew pada 23hb Julai dan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar pada 27hb Julai hari ini dan mengenai kejadian letupan kapal Chong Hong III di Pelabuhan Klang pada 20hb Jun 1992 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini panjang. Saya tidak akan menghuraikan detik-detik peristiwa yang ada dicatatkan di sini. Saya akan terus kepada perkara-perkara yang akan dipersoalkan.

- (a) Pihak Jabatan Laut telah mengambil tindakan untuk membanteras pencemaran air oleh minyak daripada kapal ini dengan memasang oil booms, dengan izin, di sekitar kawasan kejadian untuk mengelakkan minyak di permukaan air daripada mengalir ke tempat lain.

Di samping itu, absorbent sheets, dengan izin, telah diletakkan di permukaan air untuk menyerap dan membersihkan tompok-tompok minyak. Dispersion, dengan izin, juga telah disembur untuk mencegah tompok-tompok minyak ini di sekitar kawasan perairan berhampiran dengan tempat kejadian.

Tragedi letupan dan kebakaran kapal Chong Hong III telah mengorbankan 13 orang. 3 daripada mayat ini telah dijumpai di kawasan darat manakala 10 lagi mayat telah dijumpai di dalam air.

Berkenaan dengan punca kejadian kebakaran pula, pihak Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia sedang menyiasat tentang perkara ini dan setakat ini masih belum ada keputusan mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengambil keputusan tidak menubuhkan Suruhanjaya Siasatan di-Raja demi untuk menjalankan penyiasatan dengan secepat mungkin, dengan mengelakkan dari proses prosedur yang berpanjangan. Kerajaan ingin mengetahui secepat-cepatnya fakta-fakta yang menyebabkan kejadian ini berlaku supaya tindakan remedial, dengan izin, boleh diambil dengan serta merta. Agensi-agensi Kerajaan mempunyai kuasa penuh di bawah akta-akta yang berkaitan untuk menjalankan penyiasatan secara mendalam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu badan penyiasat telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menjalankan penyiasatan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Di samping itu, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia juga sedang men-

jalankan penyiasatan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

- (b) Adalah terlalu awal untuk Kerajaan mengumumkan sebarang hasil siasatan oleh kerana penyiasatan masih lagi sedang berjalan.
- (c) Langkah-langkah awal yang diambil bagi memastikan keselamatan pemunggahan kargo-kargo merbahaya di pelabuhan adalah:
 - (i) memerlukan supaya agen perkapalan membuat pengisytiharan awal, 48 jam sebelum tarikh ketibaan kapal tentang jenis kargo yang diangkut oleh kapal berkenaan bagi membolehkan langkah-langkah keselamatan awal diambil;
 - (ii) Pasukan Bomba Pelabuhan berada di dalam keadaan stand-by, dengan izin, di dermaga semasa pemunggahan kargo-kargo pukal yang merbahaya;
 - (iii) memperketatkan lagi pelaksanaan peraturan-peraturan dan prosedur mengendalikan kargo. Setakat ini, soalan bayaran pampasan oleh Kerajaan tidak timbul. Kejadian ini berlaku di terminal yang dimiliki oleh pihak swasta dan operasinya adalah dikendalikan oleh pihak swasta.

Tuan Wee Choo Keong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada "Kementerian Kemalangan". Kita kena tukarkan nama oleh kerana Kementerian ini dapat berbagai-bagai tragedi. Dari udara di Subang Airport, kita pun ada tragedi, di keretapi pun ada tragedi, sekarang di kapal pun ada tragedi. Jadi, saya mahu tanya kenapa beliau tidak jawab soalan saya, "kenapakah pada 21hb 1992,

Menteri Pengangkutan telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan menubuhkan satu Royal Commission mengenai dengan kebakaran di Port Klang dan dua tiga hari lepas, dia mengumumkan pula bahawa satu Royal Commission tidak akan ditubuhkan. Bagaimana Menteri ini? Sebab dia tidak berapa minat dalam tanggungjawab Kementeriannya. Beliau hanya berminat untuk "char koay teow" di seluruh negara sahaja. (*Ketawa*). Saya rasa dia terus ber"char koay teow" sahaja.

Soalan kedua, kenapa Kerajaan tidak bayar apa-apa pampasan, walaupun kes ini terlibat di tempat swasta oleh kerana ini bidang Kementerian, ini juga kecuaiian Kementerian oleh kerana Kementerian tidak mengeluarkan satu peraturan supaya tragedi sebegini tidak akan berlaku. Kerajaan mesti bertanggungjawab di atas perkara ini dan tidak boleh kata, "Oh, lima orang mati ini bukan tanggungjawab Kerajaan, sudah serah kepada syarikat swasta".

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya agak Yang Berhormat itu keterlaluan mengata-ngata Menteri Pengangkutan dan sehingga menghina Kerajaan Barisan Nasional hendak menukarkan nama Kementerian kepada "Kementerian Kemalangan" hanya kerana Kementerian Pengangkutan menjaga berbagai-bagai mode of transport yang memang ada kemungkinan berlaku tragedi, takkanlah sampai hendak menukar nama Kementerian sampai sebegitu sekali!

Yang Berhormat kata saya tidak jawab. Saya sudah jawab. Jawapan saya mengatakan Kerajaan tidak mengambil keputusan untuk membentuk Suruhanjaya Siasatan di-Raja demi untuk menjalankan penyiasatan dengan lebih cepat kerana kita hendak tahu puncapuncanya dengan secepat mungkin. Saya sudah katakan tadi—secepat-cepat mungkin dan di bawah Jabatan-jabatan yang berkaitan, masing-masing mempunyai akta-akta tertentu untuk melaksanakan tugas-tugas ini iaitu Polis

di-Raja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kimia dan Jabatan Bomba di bawah Akta Bomba 1988. Saya sudah sebut tadi. Begitu juga Jabatan Laut Malaysia di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Jadi, ada lima Jabatan yang boleh mengambil tindakan di bawah akta masing-masing.

Jadi, itulah Kerajaan berpendapat tidak perlu mengadakan Suruhanjaya Siasatan di-Raja dan Yang Berhormat Menteri tidak mengatakan beliau akan menubuhkan Siasatan di-Raja - akan mencadangkan, akan dikaji untuk kalau perlu ditubuhkan dan apabila di bawa ke Kabinet, Kabinet memutuskan tidak perlu ditubuhkan di sebabkan oleh sebab-sebab yang saya kata tadi adanya sampai 5 akta di bawah 5 Jabatan boleh mengendalikan, berkemampuan mengendalikan penyiasatan ini, maka itulah sebabnya tidak diadakan Suruhanjaya tersebut.

Mengenai tidak membayar pampasan. Kenapa Kerajaan mesti dibebankan atas tugas-tugas yang bukan tanggungjawab Kerajaan? Jeti itu adalah kepunyaan swasta, dikendalikan oleh pihak swasta, kapal juga kepunyaan swasta. Kita juga mempunyai prosedur-prosedur untuk peraturan-peraturan, memang ada, tetapi kalau dalam kapal apa dia buat sebelum orang naik, orang yang naik hendak memeriksa, baru hendak memeriksa benda itu sudah meletup, macam mana kita hendak tahu? Itu sebab kita hendak siasat secepat-cepatnya supaya dapat mengetahui punca-puncanya.

KUMPULAN EKONOMI ASIA TIMUR (EAEG)

3. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan sekarang rancangan menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dan namakan negara-negara yang setakat ini menyokong penubuhan:

- (a) dari ASEAN; dan
- (b) dari luar ASEAN.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, konsep EAEC telah pun dirundingkan di kalangan negara-negara ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura pada bulan Januari tahun ini. Di sidang tersebut Ketua-ketua Negara ASEAN telah bersetuju bahawa perbincangan berhubung dengan isu-isu kepentingan bersama apabila perlu seperti yang dihasratkan oleh EAEC akan menyumbang terhadap meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara serantau dan menggalakkan perkembangan sistem perdagangan antarabangsa yang bebas dan terbuka. Sebagai susulan kepada keputusan Sidang Kemuncak ASEAN itu, pegawai-pegawai kanan ASEAN telah bermesyuarat pada 19hb Julai tahun ini dan memutuskan supaya Setiausaha Agung ASEAN menyediakan laporan lengkap yang akan juga menghuraikan pendekatan-pendekatan untuk pelaksanaan EAEC. Pegawai-pegawai kanan ASEAN dijangka akan bermesyuarat pada awal tahun depan untuk membincangkan laporan Setiausaha Agung ASEAN tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama serantau di kalangan sekumpulan negara pada kebiasaannya akan mengambil masa kerana melibatkan negara-negara yang mungkin akan mempunyai keutamaan semasa yang berlainan. Oleh yang demikian, konsep EAEC akan memerlukan masa untuk menjadikannya sebagai kenyataan. Apa yang penting adalah usaha terus dikendalikan ke arah menjadikan konsep itu sebagai kenyataan dan usaha ini sedang giat dikendalikan. Beberapa negara di Asia Timur termasuk Republik Rakyat China dan Vietnam telahpun menyuarakan pendirian positif terhadap konsep EAEC. Bagi Jepun dan Republik Rakyat Korea pula pendirian semasa mereka adalah didorong oleh kepentingan masing-masing dan sikap Amerika Syarikat yang merupakan rakan

perdagangan penting bagi negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sikap Amerika Syarikat terhadap EAEC adalah disebabkan oleh salah tafsiran berhubung dengan konsep EAEC dan oleh yang demikian usaha akan diteruskan untuk menerangkan bahawa EAEC bukan bertujuan untuk menubuhkan blok perdagangan, tetapi sebaliknya bertujuan untuk mengukuhkan sistem perdagangan bebas seperti yang termaktub di dalam, dengan izin, General Agreement on Tariffs and Trade (GATT). Negara-negara yang melaungkan perdagangan bebas tidak sepatutnya mempunyai asas sama sekali untuk meragukan penubuhan EAEC.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apakah halangan yang terbesar sekarang untuk menubuhkan EAEC dan bukannya dalam lebih satu tahun ini pihak Amerika Syarikat dengan terusterang mengatakan kalau mereka dipelawa untuk menyertai EAEC maka mereka akan setuju; kalau tidak, tidak akan setuju. Adakah usaha-usaha selanjutnya akan menukarkan sikap Amerika yang sedemikian? Saya setuju pada dasarnya bahawa kalau Amerika boleh menubuhkan Zon Ekonomi sendiri (North-American Free Trade Area—NAFTA), mengapa kita tak boleh, walhal EAEC bukan satu blok ekonomi, cuma satu Caucus (perundingan) sahaja. Setakat ini dari segi Jepun dan Korea yang dipengaruhi oleh Amerika, apakah usaha untuk menukarkan fikiran mereka? Nampaknya mereka enggan menerima EAEC.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini seperti saya jawabkan tadi dalam jawapan asal, kita sudah masuk ke suatu peringkat yang positif iaitu idea EAEC ini akan dikaji dengan sedalam-dalamnya oleh Setiausaha Agung ASEAN. Ini mencerminkan pendirian ASEAN yang telah tidak pertikaikan lagi konsep ini.

Ini sudah jadi bukan satu cadangan yang ditimbulkan oleh Malaysia kepada ASEAN, tetapi idea atau cadangan ini telah diterima baik oleh ASEAN seluruhnya, itu yang mustahak. Selepas itu, bila Setiausaha Agung telah membuat kajian dan rumusan mengenai cara untuk melaksanakan EAEC, maka lepas itu kita akan memperkembangkan idea ini kepada negara-negara lain seperti Jepun, Korea Selatan dan negara-negara yang ASEAN anggap boleh diterima dalam EAEC.

Mengenai Amerika Syarikat, saya sudah menjawab tadi iaitu mungkin dia salah tafsir matlamat di sebalik idea ini. Asas kepada idea ini adalah bergantung kepada satu sistem perdagangan dunia yang bebas, itu adalah sama dengan matlamat GATT, sama dengan matlamat APEC. Kita hanya hendak meyakinkan Amerika Syarikat terhadap asas idea EAEC itu.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tuntutan-tuntutan oleh negara-negara ASEAN dan luar ASEAN ke atas pulau-pulau seperti Spratly Islands akan menjejaskan penubuhan EAEC ini?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA KOTA BHARU

4. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Menteri Pengangkutan menyatakan program pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, Kelantan yang tanahnya telah diambilkira seluas 611.767 ekar semasa Rancangan Malaysia Keempat dengan jumlah perbelanjaan \$41.1 juta.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, proses mengambil balik tanah yang dijalankan oleh Kerajaan di Lapangan Terbang

Sultan Ismail Petra, Kota Bharu dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah berasaskan keperluan jangka panjang untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan tertentu di Lapangan Terbang ini. Pada masa ini Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra masih berupaya untuk mengendalikan jumlah trafik penumpang, contohnya pada tahun 1991 seramai 339,236 orang. Lapangan Terbang ini adalah bertaraf Boeing 737 dan mampu mengendalikan seramai 500,000 penumpang dalam setahun.

Kerajaan akan menimbang untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan tertentu di Lapangan Terbang ini apabila trafik penumpang telah sampai ke tahap yang memerlukan kemudahan-kemudahan dipertingkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir)

TABUNG KEWANGAN EKONOMI BELIA

6. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah sebabnya seramai 146 orang belia yang terlibat dalam Tabung Kewangan Ekonomi Belia tidak membayar hutang sejumlah \$0.8 juta:

- (a) apakah kriteria pinjaman itu;
- (b) apakah tujuan pinjaman diberikan; dan
- (c) jika untuk perniagaan, adakah Kementerian menyediakan khidmat nasihat kepada mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

(a) terdapat beberapa sebab mengapa seramai 146 orang belia yang terlibat dalam Tabung Kewangan Belia tidak membayar hutang sejumlah \$0.8 juta. Antara sebab-sebab utama ialah:

- (i) kurang kesedaran peminjam mengenai tanggungjawab untuk membayar balik;
- (ii) peminjam bersikap dingin untuk membuat bayaran balik;
- (iii) projek atau perniagaan lewat dimulakan;
- (iv) projek atau perniagaan tidak mencapai target pendapatan atau keuntungan seperti yang dirancang.

Kriteria pinjaman ialah:

- (i) berumur di antara 18 hingga 35 tahun;
- (ii) keutamaan kepada ahli persatuan belia berdaftar;
- (iii) telah mengikuti kursus-kursus kemahiran dan keusahawan;
- (iv) telah mengikuti kursus pengurusan perniagaan dan pertanian;
- (v) tidak mempunyai pekerjaan atau pendapatan tetap;
- (vi) mempunyai dua orang penjamin.

Selain daripada kriteria-kriteria tersebut, aspek-aspek latar belakang pemohon, keluarga, pasaran, keupayaan bersaing, lokasi, ada potensi mendapat keuntungan, keupayaan membuat bayaran balik dan kos projek yang munasabah juga diambilkira.

(b) Tujuan pinjaman diberikan ialah untuk menggalakkan dan membantu para belia men-

ceburkan diri dalam lapangan perniagaan, perusahaan dan pertanian ke arah melahirkan usahawan dan petani moden yang berbudayaniaga dinamik dan kental.

(c) Kementerian ada menyediakan khidmat nasihat kepada peminjam-peminjam sama ada yang menjalankan projek perniagaan atau pertanian. Umumnya, khidmat nasihat dan bimbingan yang diberikan itu merangkumi empat aspek berikut:

- (i) khidmat pengumpulan dan pengeluaran maklumat;
- (ii) khidmat perundingan dan pengurusan perniagaan;
- (iii) khidmat bimbingan dan perundingan teknikal;
- (iv) khidmat pengembangan perniagaan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang memuji tindakan Kementerian memberi bimbingan kepada belia-belia dan seterusnya memberi kemudahan pinjaman untuk perniagaan perusahaan dan memberi latihan yang tertentu. Tetapi apa yang saya pandang menjadi satu sebab juga kenapa pembayaran balik tidak dibuat, adakah Kementerian ataupun Jabatan ada membuat di peringkat negeri ataupun daerah iaitu memberi nasihat, tetapi apa yang menjadi masalah ialah marketing strategy? Umpamanya kalau belia itu diberi bimbingan untuk mempelajari membuat perabot, mereka sudah mendirikan kilang, membuat perabot tetapi tidak tahu bagaimana hendak menjual perabot, perabot tidak dapat dijual dan pinjaman tidak dapat dibayar. Adakah Kementerian mempunyai strategi supaya marketing strategy itu mesti dibuat dan diberi kepada pemuda dan belia-belia yang telah menerima latihan sebegini?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupa tadi masalah marketing strategy ialah merupakan salah satu daripada masalah kenapa berlakunya kegagalan projek belianiaga, sebab itulah di akhir-akhir ini Kementerian Belia dan Sukan telahpun mengambil langkah untuk mengadakan usahasama dengan pihak agensi tertentu terutama sekali dengan pihak swasta untuk menjalankan projek secara usahasama, di mana kita dapat meraih faedah daripada masalah pemasaran yang dihadapi oleh peminjam-peminjam belia. Misalnya kita telahpun menandatangani satu memorandum persefahaman dengan salah satu syarikat yang mengusahakan perabot di negara kita ini untuk menjalankan projek secara usahasama.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Apakah benar anggapan setengah pihak yang mengatakan faktor kegagalan projek ini adalah kerana pihak Kementerian telah memilih bulu dalam memberi pinjaman atau memberi bantuan, bolehkah pihak Kementerian membuktikan dalam Dewan yang mulia ini? Kalau 'tidak' bagaimana buktinya, kalau 'ia' apa buktinya, saya ada mempunyai banyak bukti-bukti.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah dari segi kejayaan projek ini semenjak ia ditubuhkan?

Dato' Ismail bin Said: Dakwaan Yang Berhormat sebenar tadi adalah tidak benar. Apa yang pihak pegawai saya hadapi semasa hendak mengutip pinjaman ada di antaranya menyatakan bahawa setengah peminjam daripada kalangan belia tidak hendak bayar hutang kerana dia kata, dia hendak bayar di akhirat, tidak perlu bayar hutang Kerajaan, tetapi akan dibayar di akhirat. Untuk itu, saya telahpun mengarah pegawai saya supaya memberitahu

kepada peminjam yang dikenakan supaya kita tidak halal pinjaman ini kepada mereka kalau tidak bayar, kerana duit yang kita keluarkan adalah duit rakyat, termasuklah duit Yang Berhormat sendiri yang membayar cukai kepada Kerajaan.

Jadi, jika sekiranya Yang Berhormat dapat buktikan ada perbuatan pilih bulu tolong kemukakan kepada kami untuk kami jalankan siasatan lanjut. Dari segi kejayaannya Tuan Yang di-Pertua, memanglah banyak misalnya sehingga sekarang ini kita telah berjaya mewujudkan hampir 1,000 usahawan belia yang menjalankan berbagai-bagai jenis projek merangkumi sebanyak 80 jenis kesemuanya.

**EKSLOTASI PERTUBUHAN
BANGSA-BANGSA BERSATU—
TINDAKAN KERAJAAN
MALAYSIA**

7. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan keputusan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di atas persoalan Iraq, Syria, Palestine, Myanmar dan Bosnia-Herzegovina ternyata sekali keputusan untuk tindakan yang positif dan segera dibuat apabila ada ciri kepentingan negeri-negeri kuasa besar barat, terutama sekali Amerika Syarikat dan Britain perlu dilindungi. Apakah tindakan susulan Kerajaan Malaysia sama ada secara individu atau menerusi pertubuhan serantau di antara negara dengan negara boleh diseimbangkan dikacamata badan dunia itu dan agar PBB tidak menjadi hak monopoli negara-negara besar sahaja.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara kecil yang membangun telah dan masih berusaha untuk mewujudkan satu sistem yang

lebih demokratik agar segala keputusan yang dibuat oleh PBB dapat dilaksanakan dengan adil.

Bagi mencapai tujuan tersebut Malaysia bekerjasama dengan negara-negara membangun yang lain dan berusaha supaya tanggungjawab yang diberikan kepada PBB tidak tertumpu hanya mencapai kepentingan negara-negara tertentu sahaja.

Bagi memperseimbangkan agar PBB tidak menjadi hak monopoli negara-negara besar, Malaysia berpendapat keahlian tetap Majlis Keselamatan perlu dikaji dan diteliti bagi menjamin forum ini dapat memelihara kepentingan semua negara-negara ahli.

Malaysia sedang berusaha dengan ahli-ahli PBB yang lain supaya matlamat ini dapat dicapai.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah keberkesanan kerjasama di antara Malaysia dengan negara-negara anggota OIC, Asean dan lain-lain dalam menangani isu tersebut?

Yang kedua, apakah bentuk tekanan yang pernah dialami oleh Kerajaan daripada kuasa besar atau sebagainya dalam menentukan sikap terhadap sesuatu isu antarabangsa?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kesan kerjasama antara negara-negara kecil dan membangun dan negara-negara ahli OIC, setakat ini pada pendapat Malaysia adalah memuaskan, walaupun tidak sehebat yang kita harapkan, kerana kita sedar bahawasanya dalam dunia diplomasi antarabangsa, hendak mendapat sesuatu tindakan yang baik dengan cepat itu payah sekali dan sesungguhnya mengambil masa?

Pihak Malaysia tidak tergesa-gesa untuk mendapatkan keputusan, malah

kita sanggup menunggu hingga lebih banyak negara-negara yang membangun bersikap seperti Malaysia juga. Yang sebenarnya 'merdeka' daripada ertikata yang sebenarnya dan tidak sanggup membiar negara kita atau mana-mana negara dikongkong oleh negara-negara besar.

Soalan yang kedua, mengenai tekanan yang dibuat oleh kuasa-kuasa besar terhadap Malaysia walaupun ada pada ketika dan keadaan tertentu, tetapi pada pihak Malaysia boleh dikatakan oleh kerana kita agak merdeka dalam serba serbi, dasar kita, maka tekanan-tekanan yang dibuat oleh negara-negara besar itu tidaklah begitu berkesan sangat, khususnya kepada Malaysia kalau dibandingkan dengan negara-negara lain.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa sekurang-kurangnya ada 6 sebab mengapa Bangsa-bangsa Bersatu kelihatan seperti telah dikuasai oleh kuasa besar seperti Amerika Syarikat, antaranya ialah bahawa ibu pejabat Bangsa-bangsa Bersatu itu terletak di Amerika Syarikat.

Keduanya 25% daripada Belanjawan Mengurus Bangsa-bangsa Bersatu disumbangkan oleh Amerika Syarikat. Amerika Syarikat juga menjadi pengasas United Nations dan menjadi ahli sebagai Permanent Member of the Security Council, dengan izin, yang mempunyai kuasa veto. Dan yang pentingnya ialah ramai ahli di PBB itu terdiri daripada negara-negara kecil yang menerima bantuan ekonomi daripada Amerika Syarikat dan dengan sendirinya terletak di bawah obligations Kerajaan Amerika Syarikat terutama apabila hendak membuat sesuatu undian.

Dalam menghadapi 6 perkara besar yang saya sebutkan tadi itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat,

apakah langkah yang boleh kita buat sebagai sebuah negara kecil untuk mengurangkan kesan-kesan pengaruh Kerajaan Amerika Syarikat ini supaya negara-negara kecil seperti Malaysia dan lain-lain boleh sekurang-kurangnya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah bersama-sama dengan negara-negara besar seperti Amerika Syarikat di dalam Bangsa-bangsa Bersatu dalam ertikata yang sebenar-benarnya?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pendapat Yang Berhormat tadi tentang sebab-sebab mengapa kini keadaan PBB tidaklah seadil dan sesaksama yang kita ingini oleh kerana enam sebab-sebab yang telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Maka pendapat Malaysia, caranya kita hendak mengurangkan kesan-kesan negatif yang kini terdapat di Order Dunia Baru ini, seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri semasa beliau berucap di Sidang Kemuncak Rio bahawasanya sistem keahlian Majlis Keselamatan PBB patut dikaji semula sama ada dihapuskan, sebabnya dahulu ianya dibuat oleh kerana selepas Perang Dunia Kedua perlu diadakan kuasa-kuasa veto ataupun Ahli-ahli Majlis Keselamatan Tetap. Kini tidak ada dunia seperti yang dahulu, kita tidak ada lagi "bi-polar world," dengan izin, maka tidak perlulah diadakan lagi Kerusi-kerusi Tetap di PBB.

Ataupun kalau hendak diadakan Kerusi Tetap, tambahkan jumlahnya agar dapat dimasukkan juga wakil-wakil daripada negara-negara yang kecil dan membangun seperti kita ini.

Itulah caranya kita fikir dapat dibuat oleh PBB kalau kita ingin melihat dunia ini lebih adil dan lebih saksama. Proses ini telah dimulakan oleh kita, maka ianya perlu pula kita kembangkan, kita lobilah di peringkat antarabangsa. Ini juga tentu mengambil masa, tetapi pihak Malaysia

akan terus berpendirian sedemikian dan akan terus cuba melobi di peringkat antarabangsa. Mungkin di suatu masa kelak perkara ini akan dapat dilihat dengan kaca mata dan dinampak oleh Malaysia sendiri.

**PELAJAR MALAYSIA DI LUAR
NEGERI—PANDUAN
MENGENAI KESELAMATAN
DIRI**

8. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan dengan adanya kes kehilangan pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Clemson, South Carolina, Amerika Syarikat sama ada psikotic (cara The Silence of the Lambs), apakah khidmat nasihat dan perlindungan yang akan diberi oleh Kementerian ataupun Jabatan-Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri supaya pelajar-pelajar Malaysia dapat diberi gambaran dan nasihat mengenai pantang-larang dan tempat-tempat merbahaya di pekan atau tempat yang mereka akan menuntut dan apa-apa yang patut mereka buat untuk menjaga diri mereka daripada kejadian yang tidak diingini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pendidikan memang sentiasa memberi perhatian terhadap perkara-perkara berkaitan dengan kebajikan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri terutamanya dari aspek keselamatan mereka. Dalam hubungan ini, suka saya menyatakan bahawa di dalam lawatan-lawatan dan majlis-majlis perjumpaan yang diadakan dari masa ke semasa di antara pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia dengan pelajar-pelajar, salah satu aspek dan perkara yang sentiasa ditekankan dan diperingatkan ialah betapa pentingnya mereka menjaga keselamatan diri masing-masing serta mematuhi panduan-panduan keselamatan yang telah diberikan.

Di antara panduan-panduan yang telah dinasihatkan kepada pelajar-pelajar ialah seperti berikut:

- (i) Tidak berjalan-jalan atau bersiar-siar seorang diri.
- (ii) Elakkan dari keluar pada waktu malam. Sekiranya ada urusan-urusan yang benar-benar penting, mereka hendaklah keluar secara berkumpulan dan tidak balik jauh-jauh malam.
- (iii) Elakkan dari pergi ke tempat-tempat yang lengang dan sunyi.
- (iv) Beritahu rakan-rakan yang lain pada setiap masa apabila mereka pergi ke mana-mana tempat supaya mereka mudah dihubungi sekiranya ada keperluan.
- (v) Sentiasa berhati-hati dan berwaspada apabila dihampiri oleh orang-orang yang tidak dikenali.
- (vi) Pelajari cara-cara atau teknik-teknik mempertahankan diri sebagai langkah-langkah berjaga-jaga.

Oleh kerana Jabatan Penuntut Malaysia tidak boleh mengawasi semua pergerakan pelajar di luar negeri, maka pelajar-pelajar sendiri perlu berwaspada. Di samping itu pihak ibu bapa juga perlulah memainkan peranan masing-masing dengan menasihati dan mengingatkan anak-anak mereka supaya sentiasa menjaga keselamatan diri.

Kementerian berharap dengan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak akan dapat mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya begitu gembira melihat peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan kepada penuntut-penuntut kita yang berada di luar negeri.

Soalannya, adakah Kerajaan begitu tegas, begitu juga pegawai-pegawai di Jabatan Penuntut-Penuntut Malaysia di luar negeri tentang disiplin dan juga tentang pergaulan yang bebas oleh penuntut-penuntut Malaysia yang berada di luar negeri? Dan adakah disebabkan oleh kegagalan membendung penuntut-penuntut ini maka berlaku beberapa peristiwa-peristiwa yang tidak diingini? Dan berapa ramai penuntut-penuntut Malaysia yang telah Kementerian mengambil tindakan disiplin ke atas mereka yang telah melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pendidikan selalu menitikberatkan soal-soal disiplin di kalangan pelajar-pelajar terutamanya mereka yang berada di luar negeri. Dan di sini inginlah saya menerangkan bahawa semua pelajar-pelajar yang ditajakan oleh Kementerian kita haruslah mengikuti atau mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil kalau mereka tidak mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan.

Dan di sini, saya ingin juga menerangkan bahawa pegawai-pegawai daripada Jabatan Penuntut Malaysia selalunya mengingatkan kepada pelajar bahawa mereka haruslah mengikut semua syarat yang telah dikenakan. Jika sekiranya pegawai-pegawai tersebut mendapati bahawa ada sesiapa yang tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan maka tindakan disiplin boleh diambil.

Tentang bilangan kes-kes yang dikenakan disciplinary action, dengan izin, oleh kerana itu adalah satu soalan yang spesifik jadi saya bolehlah menjawab secara bertulis.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dikenakan

oleh Kementerian, saya ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang untuk menambah pejabat-pejabat Malaysian Student Department ini, dengan izin, di luar negeri. Kerana sebagai contoh di Amerika Syarikat sahaja saya difahamkan jumlah pelajar begitu ramai tetapi pejabat yang ada untuk menjaga masalah penuntut adalah terlampau kurang iaitu hanya di Washington, di Los Angeles dan di Michigan sedangkan ramai lagi pelajar kita belajar di tempat lain. Ini menimbulkan satu masalah komunikasi dan juga akhirnya akan merugikan kita semua.

Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah pejabat-pejabat MSD di luar negeri?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan selalu mengkaji tentang keperluan untuk kita memperluaskan atau membanyakkan pejabat-pejabat Jabatan Penuntut Malaysia.

Di sini saya ingin menerangkan bahawa menjaga hal-hal peribadi pelajar-pelajar kita khususnya mereka yang berada di luar negeri memerlukan juga kerjasama oleh pelajar-pelajar tersebut. Sungguhpun Kementerian Pendidikan selalu menitikberatkan kebajikan pelajar-pelajar tersebut dan kita ada pegawai-pegawai tertentu di seluruh dunia untuk menjaga hal berkaitan dengan kebajikan pelajar-pelajar itu tetapi di sini saya ingin menerangkan bahawa kita tidak mahu timbulkan satu imej bahawa Jabatan Penuntut Malaysia itu boleh memainkan peranan sebagai policeman untuk menjaga hal-hal mereka. Bukan begitu.

Kita ingin juga menitikberatkan aspek-aspek diri mereka supaya mereka boleh mengambil peranan yang cukup untuk menjaga keselamatan, untuk menjaga kebajikan mereka. Itulah salah satu aspek yang penting untuk mendapatkan pendidikan di luar negeri. Namun demikian cadangan Ahli Yang

Berhormat itu memang Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dalam soalan tambahan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kita dengar syarat-syarat yang dikenakan adalah baik kepada pelajar-pelajar tetapi sejauh mana ianya berkesan dan berapakah nisbah pegawai kepada pelajar? Saya juga ingin tahu adakah Kementerian Pendidikan mendapat sebarang berita mengenai Allah-yarhamah Cik Noorshaadah berkaitan dengan kes kehilangannya. Apakah hasil dari siasatan yang diperolehi setakat ini?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan, memang Kementerian Pendidikan sedar tentang pentingnya pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia memberi perhatian tentang hal kebajikan mereka. Di sini kita selalunya mengadakan forum, kursus supaya semua pelajar itu dapat diingatkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh mereka dan yang akan diambil oleh Jabatan untuk menjaga hal-hal berkaitan dengan kebajikan mereka.

Seperti yang saya terangkan tadi juga, untuk kita semua berjaya dalam hal ini, kita juga perlukan kerjasama daripada ibubapa pelajar-pelajar tersebut dan juga pelajar-pelajar itu sendiri, kerana kita tidak mungkin ada pegawai di semua tempat yang ada pelajarnya. Memang ada tempat-tempat yang kita harus mengingatkan tanggungjawab pelajar-pelajar itu sendiri untuk menjaga kebajikan dan sekiranya perlukan bantuan atau nasihat, berhubunglah dengan pegawai-pegawai tertentu di Pejabat Penuntut Malaysia.

Tentang kes yang telah berlaku baru-baru ini, saya ingin menjelaskan bahawa kes ini masih dalam siasatan oleh pihak-pihak berkaitan dan Jabatan Penuntut Malaysia di Washington memang

memberi kerjasama sepenuhnya supaya kes itu dapat diselesaikan secepat mungkin.

PEKERJA ASING DI SEKTOR PERKILANGAN/RESTORAN/ HOTEL/STESEN MINYAK

9. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan pendirian Kerajaan hasil daripada kajian berhubung dengan pekerja asing yang bekerja di restoran dan bar, stesen-stesen petrol, kilang-kilang dan lain-lain tempat yang tidak diluluskan oleh Kementerian. Adakah tindakan akan diambil terhadap majikan-majikan dan pekerja-pekerja yang terlibat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia ada menjalankan kajian ke atas sektor perkilangan, restoran, hotel dan stesen-stesen minyak, tetapi objektif kajian tersebut ialah untuk mengetahui kedudukan kekurangan tenaga kerja dalam sektor-sektor ekonomi tersebut dan bukan untuk mengenalpasti bilangan pekerja asing yang sedang bekerja dalam sektor-sektor tersebut.

Bagi sektor-sektor perladangan, pembinaan dan pembantu rumah, Kerajaan memang sedar wujudnya kekurangan tenaga pekerja dalam ketiga-tiga sektor ini. Walau bagaimanapun, bagi sektor perkilangan, Kerajaan telah pun membenarkan sektor perkilangan dibuka secara selektif kepada pekerja asing termasuk di peringkat mahir, separuh mahir, teknikal dan profesional mengikut merit sesuatu permohonan dari semasa ke semasa. Di samping itu, perkhidmatan perhotelan dan perkhidmatan tukang masak di restoran-restoran, hotel-hotel dan stesen-stesen minyak yang menghadapi kekurangan pekerja tempatan juga

dibuka kepada pekerja asing mengikut merit sesuatu kes.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan tidak hanya akan menjaga kepentingan sektor-sektor besar sahaja. Kepentingan sektor-sektor kecil juga menerima perhatian Kerajaan. Bukan tujuan Kerajaan untuk membiarkan sektor-sektor kecil mengalami kerugian atau, dengan izin, suffer dari kekurangan tenaga kerja. Dengan mengambilkira bahawa terdapat jenis-jenis pekerjaan yang khusus seperti peraih wang (croupier) dan pencuci tingkap bagi bangunan-bangunan tinggi yang sukar mendapat pekerja tempatan, Kerajaan telah memutuskan untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia meluluskan permohonan bagi jenis-jenis pekerjaan yang khusus dan melaporkan keputusan-keputusannya kepada Jawatankuasa Khas Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Maka saya berharap pihak majikan di sektor-sektor kecil tidak perlu bimbang kerana Kerajaan sentiasa akan memproses semua permohonan secara objektif. Majikan-majikan yang memerlukan pekerja asing dalam sektor-sektor ekonomi boleh mengemukakan permohonan mereka kepada Jawatankuasa Pengkajian Pekerja Asing di Kementerian Sumber Manusia.

Majikan yang menggunakan khidmat pekerja asing secara tidak sah boleh diambil tindakan di bawah Akta Imigresen. Tindakan juga boleh diambil terhadap pekerja asing yang terlibat di bawah Peraturan-peraturan Imigresen.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa kebanyakan perusahaan-perusahaan sektor kecil yang disebutkan tadi telah mengambil kesempatan

disebabkan tindakan Kerajaan memberi kelonggaran kepada kemasukan pekerja-pekerja asing mahupun memberi kelonggaran yang luas tentang pendaftaran pekerja-pekerja asing di negara ini yang telah masuk secara haram atau mereka yang masuk secara tanpa izin?

Yang kedua, adakah Kementerian juga sedar bahawa kemasukan mereka beramai-ramai dalam sektor-sektor kecil ini telah mewujudkan masalah sosial, terutamanya masalah perumahan, dan cara ini menggalakkan lagi pertumbuhan setinggan-setinggan di kawasan-kawasan bandar kerana mereka mendapat pendapatan yang kecil dan tidak mampu menyewa rumah untuk tinggal di tempat yang selesa sedangkan majikan pun tidak akan menyediakan perumahan kepada mereka ini. Adakah ini akan menjadi dasar buruh di negara ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan tidak berkaitan dengan soalan asal dan oleh itu saya tidak hendak menjawab.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa penguatkuasaan penangkapan pekerja asing yang tidak mendaftar telahpun bermula pada 1hb Julai, 1992, tetapi ianya tidak melibatkan negeri Sabah atas sebab bahawa ianya adalah di bawah bidang kuasa Special Task Force, dengan izin. Adakah itu membawa makna bahawa kelulusan yang dimaksudkan dalam soalan asal ini juga tidak melibatkan negeri Sabah? Kalau tidak, mengapa dan siapa yang akan mengambil tahu tentang hal ehwal perkara seperti ini di negeri berkenaan dan kenapa ianya tidak dilibatkan sedangkan kita adalah di dalam satu negara yang sama? Sekian.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Yang Berhormat berkenaan, jawapan saya tadi adalah termasuk negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daing Mariok

(Soalan No. 10 Y.B. Dr. Sanusi bin Daing Mariok tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Joseph Voon.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Joseph Voon tidak hadir)

KEMASUKAN RAKYAT SINGAPURA MELALUI TAMBAK JOHOR

12. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kemasukan rakyat Singapura melalui tambak Johor tiap-tiap bulan pada tahun 1991 dan pada 6 bulan yang pertama pada tahun 1992; dan
- (b) sejauh manakah liputan akhbar Singapura yang membesarkan beberapa isu yang melibatkan rakyat mereka, menjejaskan kemasukan rakyat Singapura ke Malaysia melalui tambak Johor. Apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah kemasukan rakyat Singapura melalui tambak Johor bagi bulan Januari sehingga Disember, 1991 ialah 10,125,889 orang. Bagi bulan Januari hingga Jun, 1992 jumlah kemasukan adalah 3,834,378 orang.
- (b) Bagi tahun 1991, purata kemasukan dari Singapura ialah

843,824 orang sebulan manakala bagi tempoh enam bulan pertama tahun 1992 purata ialah 639,063 orang sebulan. Kementerian Dalam Negeri akan mengkaji perbezaan itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan ramai rakyat Singapura suka datang ke negara kita? Sebab apa yang saya dapat difahamkan bahawa ramai rakyat/warganegara Singapura yang bekerja di Singapura, mereka sewa rumah di Johor iaitu di sebelah Malaysia ini. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau diberi peluang, semua rakyat asing suka datang ke Malaysia (*Ketawa*) sebab negara kita memang satu negara yang begitu baik, begitu aman, begitu makmur dari segi pelancongan, dari segi pelaburan, dari segi duduk semuanya baik. Jadi, faktor-faktor itu sudah jelas. Mengenai ramai mereka datang dari Singapura ke Malaysia untuk bekerja, kita ada undang-undang kita sendiri, iaitu tidak kira siapa, dari Singapura atau dari mana, kalau hendak bekerja di Malaysia, dia mesti terlebih dahulu memohon pas kerja daripada Jabatan Imigresen. Kalau sekiranya tidak, mereka masuk kerja secara tanpa izin, maka kita akan mengambil tindakan seperti apa yang kita lakukan selama ini, iaitu kita usirkan mereka yang masuk kerja tanpa izin. Itu pendirian Kerajaan selama ini tidak berubah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan juga memastikan dari segi keselamatan dalam negeri kita dengan kebebasan yang begitu ramai rakyat Singapura yang memasuki Malaysia melalui Tambak Johor. Kerana kita sedia maklum Singapura kadangkala ada juga begitu rapat dengan negara-negara yang tidak

berapa seronok dengan Kerajaan Malaysia. Boleh saya nyatakan macam Israel dan juga Amerika Syarikat. Jadi, adakah ini juga kalau kita tidak bendung betul-betul akan menjejaskan keselamatan dalam negara kita ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan selama ini mengawal sesiapa yang keluar masuk ke Malaysia ini adalah golongan yang tidak akan mendatangkan sebarang unsur yang akan memudaratkan keselamatan dan ketenteraman. Jadi, mereka yang keluar masuk ini hanya apa yang saya sebut tadi kebanyakannya pelancong ataupun datang makan angin, membeli-belah. Mereka tidak datang dengan senjata, tidak datang dengan apa-apa kesan yang boleh memberi masalah kepada kita. Lebih-lebih lagi Malaysia mempunyai pertalian yang baik dengan Singapura. Jadi, setakat ini kita sentiasa berhati-hati, lagi pun melalui pertalian diplomatik yang baik, saya rasa tidak timbul kesesiamatan kita terjejas setakat ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi kita dapati bahawa kemasukan rakyat Singapura ke Johor Bahru adalah menurun daripada tahun yang lepas. Ini mungkin kerana antaranya liputan akhbar seperti soalan asal kepada soalan ini. Jadi, adakah pihak Kerajaan bersetuju dengan cadangan yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk mewujudkan satu jawatankuasa bagi menyelesaikan segala masalah yang timbul antara rakyat Malaysia daripada Johor dan juga rakyat Singapura.

Yang keduanya, memandangkan pentingnya kemasukan rakyat Singapura ke Johor kerana kita perlukan mereka membelanjakan duit mereka di negara kita, adakah Kerajaan akan memperkenalkan satu sistem yang

mempermudahkan kemasukan mereka ke Malaysia melalui Tambak Johor?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, antara faktor-faktor yang mungkin ada asas yang telah menyebabkan penurunan bilangan pelawat dari Singapura buat masa ini masih kita kaji. Antara faktor-faktor itu ialah kesan negatif daripada liputan akhbar mengheboh-hebohkan sesuatu. Oleh sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telahpun pada satu masa menyatakan kedua-dua pihak kena sensitif dan peka kepada pertalian kedua pihak dari segi liputan akhbar.

Selain daripada itu, faktor seperti nilai ringgit kita sudah naik, itu pun mungkin jadi satu faktor yang boleh menyebabkan sabahagian besar daripada mereka itu kurang sedikit membeli-belah di sini. Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang lain sedang kita kaji.

Mengenai sama ada Kerajaan akan mewujudkan satu jawatankuasa untuk menyelesaikan masalah seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kerajaan Pusat sentiasa adakan perbincangan yang rapat dengan pihak Kerajaan Negeri. Kita akan mengambil langkah-langkah yang mana kita rasa akan dapat membantu kedua-dua pihak. Dan bukan dengan adanya Jawatankuasa seolah-olah macam sudah ada masalah, kita perlu buat sesuatu. Dari segi itu kita kena berhati-hati sebelum sesuatu diumumkan ataupun lebih berkesan kita adakan pelbagai perbincangan secara tidak terbuka.

Mengenai sistem mempermudah keluar masuk rakyat Singapura, memang dari semasa ke semasa pihak-pihak yang berkuasa seperti Imigresen dan Jabatan Kastam telah cuba seboleh-bolehnya mengurangkan apa-apa sahaja yang dianggap sebagai red-tape atau apa-apa sekatan. Kita sentiasa dari semasa ke semasa cuba mempermudah termasuk memperluaskan dan

memperbanyakkan kaunter kita, pemeriksaan Kastam dan pemeriksaan Imigresen termasuk juga kita adakan berbagai arrangement untuk rakyat Singapura keluar masuk. Misalnya, kalau mereka hendak pergi ke Lapangan Terbang Senai, kita adakan sesuatu kemudahan untuk mereka dari segi passport ataupun Kastam. Ini memang telah dimaklumkan dari semasa ke semasa dan kita akan kaji untuk tujuan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk Soal Jawab telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 10, 11, 13 hingga 65 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak)

JAMBATAN NORDIN— MENGANTI YANG BARU

5. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keadaan Jambatan Nordin adalah tidak begitu selamat untuk digunakan. Oleh yang demikian, adakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan jambatan ini dengan jambatan yang baru memandangkan bahawa masih ramai orang menggunakan jambatan ini.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang berhasrat untuk mengganti Jambatan Nordin dengan jambatan yang baru. Oleh itu, bagi maksud tersebut kerja-kerja rekabentuk jambatan berkenaan sedang dijalankan. Tindakan seterusnya akan diambil sebaik sahaja rekabentuk jambatan berkenaan disiapkan.

Bagi memastikan jambatan berkenaan selamat digunakan dan tidak membahayakan pengguna, JKR sentiasa

mengawasi, memeriksa dan menyelenggarakan dengan rapi jambatan berkenaan.

TARAF KERAKYATAN MELAYU DAN ISLAM MENGIKUT PERLEMBAGAAN

10. Dr. Sanusi bin Daing Mariok minta Perdana Menteri menyatakan apakah terdapat dalam negara ini orang-orang Melayu yang hilang taraf Melayu dan Islamnya menurut Perlembagaan Persekutuan kerana memeluk agama lain. Adakah Kerajaan telah membuat kajian mengenai punca-puncunya dan apakah hasilnya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Mengikut Perkara 160(2) Perlembagaan Malaysia, Melayu ditakrifkan sebagai seorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan lahir di Persekutuan atau keturunan orang Melayu. Dengan ini bermakna bahawa mana-mana orang yang berketurunan Melayu akan hilang taraf kemelayuannya sekiranya ia bukan lagi seorang Islam kerana syarat untuk menjadi orang Melayu mestilah beragama Islam.

Setakat ini belum ada lagi orang-orang Melayu yang hilang taraf Melayunya menurut tafsiran perlembagaan. Ini berdasarkan peruntukan perlembagaan bahawa seseorang Melayu akan hilang tarafnya sebagai seorang Melayu apabila ia tidak lagi beragama Islam. Walaupun kedengaran ada orang Melayu yang bertukar agama, dakwaan tersebut tidak sah di segi undang-undang kerana mengikut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri, Mahkamah Syariah sahaja yang berhak mengesahkan seseorang itu keluar daripada agama Islam. Setakat ini belum ada lagi seseorang Melayu Islam melalui proses demikian. Oleh yang demikian secara

kuatkuasa undang-undang negara ini, belum ada lagi orang Melayu hilang taraf Melayunya.

Kerajaan masih membuat kajian mengenai punca, implikasi serta langkah-langkah yang perlu berhubung dengannya.

PESTA KAAMATAN 1992— LIPUTAN RTM

11. Tuan Joseph Voon minta Menteri Penerangan menyatakan kenapakah kemuncak perayaan Pesta Kaamatan yang dirayakan oleh rakyat Malaysia di Sabah pada 29hb hingga 31hb Mei, tidak diberi liputan oleh RTM sedangkan perayaan Pesta Gawai di Sarawak diberi liputan.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): "Pesta Kaamatan 1992" atau Pesta Menuai 1992 telah diadakan pada 30hb dan 31hb Mei, 1992. Pada hari perayaan sebenarnya RTM telah menyiarkan rancangan hiburan khas "Mari ke Pesta" secara langsung dari Hongkod Koisaan, Penampang. Perayaan pesta menuai telah disiarkan melalui "Selamat Pagi Sabah" serta stesen kembar antara RTM Kota Kinabalu dan Radio 3, Kuantan melalui Rangkaian Nasional. Sepanjang pesta, Rangkaian Nasional radio menyiarkan sejumlah 28 rancangan khas dari jangkamasa 3 minit hingga jangkamasa 60 minit.

Rangkaian Biru melalui bahasa-bahasa Inggeris, Kadazan, Dusun, Murut, Bajau dan Cina telah menyiarkan sejumlah 36 rancangan jangkamasa antara 15 minit hingga 2 jam. Rancangan-rancangan tersebut termasuk yang berbentuk "information", permintaan khas, ucapan selamat dari orang ramai, ucapan penuntut-penuntut sebarang laut, rencana, rancangan hiburan pentas dan lain-lain.

Melalui TV, RTM Kota Kinabalu telah menyiarkan satu rancangan khas

dalam siri "Kisah dan Melodi" berbentuk hiburan dengan jangkamasa 30 minit pada 30hb Mei, 1992 melalui TV1 sempena perayaan di peringkat kemuncaknya. Rancangan khas ini adalah eksklusif untuk menyemarakkan semangat Pesta Kaamatan mengandungi lagu-lagu dalam bahasa Malaysia dan bahasa Kadazan, taridra dan temuramah khas. Di samping itu satu lagi rancangan TV dalam siri "Majalah Sabah" telah disiarkan pada 30hb Mei, 1992 bagi menyambut perayaan tersebut yang bertemakan "Integrasi Nasional", antara Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Bahagian Berita dan Ehwat Semasa melalui Berita RTM Kota Kinabalu dan Berita RTM Kuala Lumpur turut juga menyiarkan peristiwa-peristiwa dan aktiviti yang berkaitan dengan perayaan tersebut.

MIDA—SYARAT-SYARAT MENGELUARKAN LESEN

13. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pertanian menyatakan syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh MIDA kepada Charoen Pokphand Sdn. Bhd. sebuah syarikat ternakan di Thailand, adakah Kementerian menerima sebarang pengaduan mengenai menyalahguna lesen.

Setiausaha Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Memang terdapat beberapa aduan mengenai aktiviti ternakan ayam oleh syarikat milik Charoen Pokphand Holdings (M) Sdn. Bhd. Kerajaan sedang menyiasat perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil setelah siasatan dijalankan.

JALAN KAMPUNG/LUAR BANDAR DI SARAWAK— SPESIFIKASI

14. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah spesifikasi yang bermutu ditetapkan untuk jalan kampung

dan jalan luar bandar di negeri Sarawak. Mengapa taraf jalan di luar bandar/kampung begitu sempit/nipis dari jalan-jalan di bandar. Adakah ini mungkin membawa kesan negatif seperti memberi gambaran atau imej antara penduduk luar bandar/kampung bahawa Kerajaan melayan mereka di bandar lebih baik dari yang di luar bandar/kampung;

- (b) adakah pihak Jabatan Kerja Raya bercadang untuk mengadakan sebuah jentera asfal konkrit (asphaltic concrete plant) di Marudi. Berapa jumlah kos untuk pembinaan sebuah jentera seperti ini. Jika tidak, mengapa;
- (c) adakah Jabatan Kerja Raya bercadang untuk menambah kakitangan dan peralatan bagi pembinaan dan pemeliharaan jalan raya di Jabatan Kerja Raya Marudi; dan
- (d) bilakah kerja penurapan Jalan Marudi di Lubok Nibong dijangka siap.

Datuk Leo Moggie anak Irok:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, spesifikasi jalan yang dipakai untuk jalan kampung dan luar bandar di Sarawak adalah mengikut Piawaian JKR R1 iaitu dengan lebar carriageway 14 kaki dan hanya digunakan bagi kerikil untuk permukaan jalan (gravel surface only). Jalan-jalan kampung/luar bandar agak sempit kerana jumlah pengguna (volume of traffic) adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan jumlah pengguna jalan raya di bandar-bandar/pekan besar. Bagaimanapun, apabila jumlah pengguna jalan-jalan tersebut bertambah jalan ini akan dinaikkan taraf dan diperlebarkan. Penggunaan

piawaian JKR R1 tidak langsung mencerminkan layanan yang berbeza di antara penduduk luar bandar dan penduduk bandar;

- (b) Buat masa sekarang JKR tidak mempunyai rancangan untuk mengadakan jentera asfal konkrit di Marudi. Kos bagi sebuah jentera asfal konkrit termasuk pemasangan ialah \$1.5 juta. Oleh kerana kos jentera ini tinggi dan keperluan asfal konkrit di Marudi terlalu kecil, maka tidaklah dapat ditempatkan jentera ini di Marudi;
- (c) JKR Sarawak tidak mempunyai rancangan untuk menambahkan kakitangan dan jentera bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya di JKR Cawangan Marudi. Sebaliknya tender akan dipanggil jika perlu bagi membina dan menyelenggara jalan-jalan berkenaan;
- (d) Jalan raya antara Marudi ke Lubok Nibong ialah sepanjang 35km dan 10km daripadanya telah diturapkan. Kerja penurapan dijalankan secara berperingkat-peringkat bergantung di atas peruntukan yang dapat disediakan. Walau bagaimanapun, untuk menentukan jalan-jalan dapat digunakan dengan selamat pada setiap masa kerja-kerja penyelenggaraan akan dilakukan.

TAMAN LAUT DI PULAU PANGKUR

15. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa Kementerian sedang bercadang untuk membuka sebuah taman laut di Pulau Pangkur.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Perikanan Negeri Perak telah diminta oleh pihak Kerajaan Negeri Perak untuk menjalankan kajian di Pulau Pangkor dan Kepulauan Sembilan bagi maksud penubuhan taman laut. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Perak belum lagi memberi kepastian sama ada kawasan-kawasan yang dicadangkan disetujui dijadikan sebagai taman laut.

Berikutan dengan permintaan tersebut, Jabatan Perikanan melalui Institut Penyelidikan Perikanan dan Unit Taman Laut telah menjalankan kajian taburan batu karang.

Hasil kajian telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Perak di mana kawasan yang meliputi Teluk Nipah sahaja di Pulau Pangkor dan Kepulauan Sembilan didapati sesuai untuk penubuhan taman laut. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Perak belum lagi memberi kepastian sama ada kawasan yang dicadangkan disetujui dijadikan sebagai taman laut.

Penubuhan taman laut di perairan Negeri Perak akan dapat membaikpulih sumber perikanan dan terumbu karang yang mana telah mengalami kemusnahan. Dengan perlindungan kawasan tersebut, sumber laut terjamin dan daya tarikan pelancong ke Pulau Pangkor dikekalkan.

Di bawah peraturan taman laut, nelayan tempatan yang berpangkalan di Pulau yang dikelilingi oleh perairan taman laut boleh diberi pengecualian untuk menangkap ikan dengan menggunakan pukat tradisional (tidak termasuk bubu) di luar kawasan perairan satu batu notika dari pantai. Langkah ini memastikan stok ikan yang membiak di kawasan terumbu karang tidak mengalami kemerosotan dan ini akan memastikan nelayan mendapat faedah dengan adanya stok ikan yang berterusan.

KTM - MEMPERBAIKI PERKHIDMATAN

16. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagi tempoh dari 1.1.92 hingga 1.7.92:

- (a) berapa kali berlakunya kelambatan perkhidmatan tren ekspres, mengikut pecahan sebab; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kejadian tersebut.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Keretapi Tanah Melayu mengadakan sepuluh perkhidmatan tren ekspres setiap hari. Jumlah kelewatan tren ekspres bagi tempoh dari Januari, 1992 hingga Jun, 1992 mengikut pecahan sebab adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak 250 kelewatan berlaku disebabkan perselisihan;
- (ii) sebanyak 590 kelewatan berlaku disebabkan perlu mematuhi perintah awas untuk menjamin keselamatan tren;
- (iii) sebanyak 47 kelewatan berlaku disebabkan kerosakan kepada lokomotif dan koc; dan
- (iv) sebanyak 535 kelewatan berlaku akibat lain-lain sebab seperti tanah runtuh, kegelinciran dan sekatan landasan bagi kerja-kerja membaikpulih atau pembaharuan landasan.

KTM sekarang sedang giat menjalankan beberapa perubahan terhadap infrastrukturnya khususnya ke atas landasan bagi maksud memberi perkhidmatan yang lebih selesa, cepat dan selamat kepada para penumpang serta pelanggan.

Projek-projek yang sedang diselenggarakan ke atas landasan adalah kerja-kerja membaikpulih dan pembaharuan landasan mengikut peringkat di seluruh rangkaian KTM dan

pembinaan landasan berkembar antara Seremban-Kuala Lumpur-Rawang dan Kuala Lumpur-Pelabuhan Kelang.

Kelewatan ke atas tren-tren tidak dapat dielakkan akibat daripada pelaksanaan projek-projek di atas. Namun demikian, KTM berusaha sedaya upaya untuk mengawal serta mengurangkan kelewatan tren, terutama sekali terhadap tren-tren ekspres dan tren penumpang mel/biasa. Dalam hubungan ini, KTM telah menyusun semula jadual waktu tren dengan mengubah waktu bertolak menjadikannya lebih awal.

PENYELUDUPAN PENDATANG TANPA IZIN - PENGLIBATAN WARGANEGARA MALAYSIA

17. **Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan rakyat Malaysia:

- (a) yang telah ditangkap dibicara di Mahkamah; dan
- (b) yang dalam tahanan.

kerana terlibat dengan kegiatan menyeludup pendatang haram ke Malaysia.

Tuan Ong Ka Ting: Setakat ini seramai empat orang warganegara Malaysia yang didapati terlibat dengan kegiatan menyeludup pendatang tanpa izin telah ditangkap dan dikenakan Perintah Sekatan di bawah Enakmen Kediaman Terhad oleh Kementerian Dalam Negeri.

JENAYAH KOLAR PUTIH/ PERDAGANGAN - USAHA MEMBANTERAS

18. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah usaha-usaha "pro-active" yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh pihak Polis sebagai persiapan menangani jenayah kolar

putih dan jenayah komersial yang mungkin meningkat di tahun-tahun akan datang.

Tuan Ong Ka Ting: Usaha-usaha untuk membanteras jenayah kolar putih dan jenayah perdagangan perlu dijalankan oleh semua pihak. Bagi Polis, langkah-langkah yang diambil termasuklah membuat penyiasatan pro-aktif, mengadakan operasi-operasi dari semasa ke semasa untuk mengambil tindakan terutamanya kegiatan kumpulan bersindiket, menggalakkan syarikat-syarikat menubuhkan atau memperbaiki sistem kawalan keselamatan dalaman, menambah bilangan pegawai di Cawangan Jenayah Perdagangan dengan mengambil pegawai-pegawai yang mempunyai kelulusan profesional dan pengalaman yang luas dalam bidang tertentu. Juga melalui kursus-kursus di dalam dan luar negeri, melengkapkan pegawai-pegawai dan anggota Polis Cawangan Siasatan Jenayah Perdagangan dengan berbagai-bagai corak latihan kemahiran dan kepakaran termasuklah pendedahan kepada penggunaan alat-alat automasi perdagangan yang lebih canggih dan moden yang terdapat dalam sistem ekonomi sekarang.

INDUSTRI HIBURAN - GALAKAN DAN INSENTIF

19. **Tuan Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) dasar Kerajaan dalam menggalakkan industri hiburan di negara ini;
- (b) apakah pihak Kementerian sedar bahawa kini industri hiburan kita telah dicemari dengan kebanjiran album Inggeris dari Barat yang bukan sahaja menyelitkan lirik berunsur lucah, malah sudah sampai ke tahap berani menghina Islam serta merendahkan keagungan Tuhan;

- (c) bagaimanakah bentuk tapisan dilakukan sehingga album seumpama ini boleh terlepas dari penapisan pihak berkenaan; dan
- (d) apakah langkah berkesan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini terutama usaha membanteras penjualan album Inggeris dari Barat yang diharamkan oleh RTM, tetapi masih dijual secara bebas di pasaran.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey:

- (a) Kerajaan akan memberi galakan dan insentif yang sewajarnya supaya industri hiburan negara ini dapat mencapai taraf antarabangsa dan mempunyai identiti tersendiri. Kerajaan juga berhasrat melihat ianya menjadi punca hasil yang penting dalam negara tetapi dalam pada itu tidak menyebarkan unsur-unsur negatif yang menjejaskan imej rakyat negara ini dalam aspek sosial dan kebudayaan;
- (b) Kerajaan sedar, tetapi sejauh pengetahuan Kementerian, setiap album Inggeris dari luar negeri yang mempunyai unsur dan kata-kata lucu tidak pernah terlepas dari penapisan Kementerian yang mana disiarkan oleh radio;
- (c) Kementerian ini mempunyai jawatankuasa tersendiri yang menjalankan penapisan setiap album sama ada daripada luar mahupun dalam negeri sebelum diluluskan untuk siaran. Tetapi oleh kerana perkara yang ditimbulkan dalam soalan (b) adalah di luar kuasa Kementerian Penerangan, maka soal tapisan album yang dijual di luar tidak timbul;
- (d) RTM tiada kuasa membanteras penjualan album Inggeris dan barat yang diharamkan olehnya. Bidang kuasa membuat demikian terletak pada Kementerian lain.

**PEMEGANG BIASISWA
PERGURUAN ENGGAN
BERKHIDMAT**

20. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) dalam laporan Ketua Audit Negara 1989 menyebut seramai 241 orang yang tamat pengajian enggan berkhidmat dengan Kerajaan. Sila nyatakan sebab-sebab mereka berbuat demikian dan adakah Kerajaan berpuashati dengan alasan yang diberikan. Sila sebutkan sebarang masalah dari segi perkhidmatan Kerajaan apabila mereka enggan berkhidmat;
- (b) sila nyatakan mengapa sebahagian dari mereka dikenakan tindakan dan yang lain dibebaskan; dan
- (c) antara punca sebahagian dari mereka dikenakan tindakan ada hubungannya dengan kualiti perkhidmatan Kementerian. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan prestasi kualiti perkhidmatan di Kementerian ini.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara sebab-sebab mengapa sebahagian dari pemegang Biasiswa Perguruan enggan berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan adalah seperti berikut:

- (i) tidak mahu berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar atau pedalaman;
- (ii) tidak mahu berkhidmat berjauhan dari kampung halaman, keluarga atau suami/isteri;
- (iii) mendapat kerja lain atau ingin bekerja sendiri;
- (iv) ingin melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi;

- (v) sebab-sebab peribadi yang lain seperti masalah ketiadaan pembantu rumah, ingin menjadi suri rumahtangga sepenuh masa dan sebagainya.
- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semua pemegang Biasiswa Perguruan memang telah sedia mengetahui syarat mereka mesti berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan dan sememangnya menjadi tanggungjawab mereka mematuhi syarat tersebut. Oleh yang demikian, soal sama ada pihak Kementerian berpuashati atau tidak dengan alasan-alasan yang mereka bangkitkan adalah tidak timbul. Dari segi perkhidmatan perguruan, keengganan mereka berkhidmat bukan merupakan masalah yang besar kerana bilangannya adalah kecil dan tempat mereka dapat diganti dengan calon-calon lain.
- (b) Pemegang-pemegang Biasiswa Perguruan yang enggan berkhidmat akan dikenakan tindakan membayar sejumlah wang gantirugi seperti yang ditetapkan di dalam Perjanjian Biasiswa. Hanya mereka yang dilepaskan serta dibenarkan berkhidmat sebagai tenaga pengajar di institusi-institusi pengajian tinggi secara sahaja dikecualikan dari tindakan tersebut. Itu pun perlu dikaji secara kes demi kes.
- (c) Adalah tidak benar kualiti perkhidmatan Kementerian menjadi salah satu punca kepada masalah sebahagian pemegang-pemegang biasiswa enggan berkhidmat dengan Kementerian. Sebab-sebab yang telah diberikan di atas jelas menunjukkan bahawa ianya lebih bersifat peribadi.

Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di Kementerian ini ialah, pegawai-pegawai diberi kursus dalam perkhidmatan dari semasa ke semasa, memberi peluang pegawai-pegawai yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan memberi beberapa ganjaran tertentu, contohnya Pingat Khidmat Cemerlang dan memberikan kenaikan gaji kepada pegawai-pegawai berkenaan. Langkah-langkah yang dijalankan di Kementerian ini adalah sama dengan yang dijalankan di Kementerian-kementerian lain.

TELEKOM MALAYSIA/TENAGA NASIONAL BHD—SAHAM UNTUK MIC

21. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah jumlah unit saham Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia yang dimohon oleh MIC untuk masyarakat India dan berapa banyak pula yang dilulus dan diperuntukkan oleh Kerajaan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Permohonan saham Telekom Malaysia Bhd. bagi kaum India yang diterima oleh Kementerian Kewangan ialah sebanyak 10 juta saham. Permohonan ini telah diluluskan dan daripada jumlah tersebut, 1 juta saham diperuntukkan kepada MAIKA dan 9 juta saham kepada 3 syarikat yang mewakili kepentingan kaum India iaitu Clearway Sdn. Bhd. (3 juta); S.B. Management Services Sdn. Bhd. (3 juta) dan Advance Personal Computer Sdn. Bhd. (3 juta)

Mengenai saham Tenaga Nasional Berhad, agihan yang dibuat hanya kepada pelabur-pelabur institusi dan syarikat-syarikat Bumiputera sahaja.

MARDEC—PERBANDINGAN DENGAN FELDA

22. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kedudukan prestasi MARDEC sepanjang tahun 1989, 1990, 1991 dan 1992 berbanding dengan FELDA dari segi jumlah modal, kakitangan, saiz kilang, jumlah pengeluaran, keuntungan/kerugian tertanggung. Jika prestasi MARDEC menunjukkan merosot atau kerugian, mengapa sebab rugi dan apakah langkah untuk mengatasi.

Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Kedudukan MARDEC adalah berbeza jika dibanding dengan FELDA kerana kedua-duanya mempunyai peranan dan struktur yang berlainan. MARDEC ditubuhkan sebagai sebuah syarikat Berhad dan peranan utamanya ialah meningkatkan pendapatan pekebun kecil dengan:

- (i) memperbaiki sistem pemasaran getah yang dikeluarkan oleh pekebun kecil; dan
- (ii) meningkatkan mutu getah keluaran pekebun kecil kepada getah jenis teknikal TSR.

Jumlah modal MARDEC yang dibayar ialah \$127 juta dan kini mempunyai 11 buah kilang yang memproses getah pekebun kecil di mana pada tahun 1991 mengeluarkan sebanyak 182,000 tan getah, berbanding dengan keupayaan maksimum sebanyak 240,000 tan. Jumlah kakitangan ialah 282 orang dan pekerja 900 orang.

Semenjak penyusunan semula pengurusannya pada tahun 1982, prestasi MARDEC telah meningkat. Ia telah memperolehi keuntungan selama 7 tahun berturut-turut dan pada tahun 1989, keuntungan telah meningkat kepada paras \$12.6 juta. Berikutan dari peningkatan mutu getah keluaran

pekebun kecil, harga di peringkat ladang (farmgate price) yang ditawarkan oleh MARDEC kepada pekebun kecil telah meningkat dari 69% pada tahun 1982 kepada 90.4% pada tahun 1991 berasaskan kepada harga getah RSS 1 FOB. Walaupun pada tahun 1990, prestasi MARDEC telah terjejas sepertimana yang dialami oleh kebanyakan kilang dalam sektor pemprosesan getah, prestasi MARDEC meningkat semula dalam tahun 1991.

Masalah yang dihadapi oleh MARDEC dan industri pemprosesan getah yang lain berpunca dari kapasiti kilang pemprosesan getah yang berlebihan. Kilang-kilang getah di Malaysia pada keseluruhannya beroperasi di paras 50% daripada had maksimum kapasiti kerana kekurangan bahan mentah. Keadaan menjadi lebih buruk semenjak tahun 1990 apabila pengeluaran getah di Malaysia merosot 22% dari 1.6 juta tan pada tahun 1988 kepada 1.25 juta tan pada tahun 1991.

Berikutan dari kesukaran mendapat bekalan getah, MARDEC telah mengambil tindakan menyusun semula operasinya dengan mengambilkira keadaan bekalan getah yang berkurangan.

KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN—PROGRAM PENGAJIAN BAHASA CINA

23. Tuan Wong Wing On minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kolej Tunku Abdul Rahman pernah membuat permohonan untuk menubuhkan fakulti, program, kelas atau unit Pengajian Bahasa Cina. Jika ya, kenapa sehingga kini Kolej Tunku Abdul Rahman masih tidak mempunyai fakulti, kelas, program atau unit tersebut dan kenapa permohonan ditolak.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak Kolej Tunku Abdul Rahman lebih menekankan

kursus-kursus separa profesional dan profesional seperti sastera iktisas, sains gunaan dan teknologi. Program Pengajian Bahasa Cina boleh didapati di Universiti Malaya dan jabatan berkenaan mampu untuk menampung permintaan pelajar-pelajar untuk mengikuti pengajian bahasa Cina di universiti berkenaan.

SEWA HOTEL—CARA MENGATASI

24. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan bahawa beliau sedar kenaikan sewa hotel dan rumah tumpangan, khususnya di Kuala Lumpur, Georgetown dan Johor Bahru amat tertinggi. Adakah Kementerian beliau menjalankan siasatan terhadap sewa hotel dan rumah tumpangan di bandar-bandar tersebut; jika ada, sebutkan berapa peratusan kenaikan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu, khususnya dalam tahun 1989, 1990, 1991 dan 1992; jika tidak, mengapa. Sebutkan langkah-langkah berkesan dan tindakan diambil oleh Kementerian beliau menentukan pelancong tempatan tidak berasa beban berat mengakibatkan kenaikan sewa hotel dan rumah tumpangan yang tidak tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Kementerian sedar tentang kenaikan sewa hotel khususnya di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan bilik pengajian jika dibandingkan dengan permintaan serta juga faktor musim (seasonality) kedatangan pelancong.

Kementerian mendapati bahawa sewa hotel mula meningkat selepas tahun 1990 khususnya apabila Tahun Melawat Malaysia diadakan dengan jayanya.

Dalam pada itu, kita sentiasa mengawasi kadar kenaikan bilik penginapan. Pihak Pelancongan Malaysia menjalankan kajian secara rambang dan adalah didapati bahawa untuk tahun 1991 kenaikannya adalah di antara 10.6% dan 23.17% jika dibandingkan dengan tahun 1990. Bagi tahun 1992, iaitu sehingga bulan Mac, kadar kenaikannya adalah di antara 1.02% dan 38.27% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama dalam tahun 1991. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kajian ini dibuat atas hotel-hotel yang mempunyai 100 bilik dan ke atas yang bertempat di bandar-bandar yang besar sahaja.

Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem 'free enterprise' dan penentuan sewa hotel adalah bergantung kepada 'market forces', Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak mempunyai kuasa untuk mengawal kenaikan sewa hotel tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengadakan dialog dengan pengusaha-pengusaha hotel di mana kerjasama mereka diminta untuk menstabilkan kenaikan kadar sewa hotel. Di samping itu, tindakan-tindakan telah dan sedang diambil untuk memperbanyakkan kemudahan-kemudahan penginapan kos sederhana.

PERINDUSTRIAN KORIDOR KEDUA DI PANTAI TIMUR

25. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah program perindustrian koridor kedua di Pantai Timur yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan dan sama ada program tersebut memberi saingan dengan industri di Pantai Barat:

- (a) berapakah jumlah pelaburan dijangkakan memasuki kawasan koridor kedua itu; dan
- (b) berapakah jumlah peluang pekerjaan yang akan wujud.

Tuan Chua Jui Meng: Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk menempatkan semula industri ke negeri-negeri yang kurang menjadi tumpuan pelabur masa kini. Selain dari meningkatkan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sokongan lain di negeri-negeri ini, Kerajaan juga telah merancang pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di negeri-negeri ini berbandukan kepada konsep koridor-koridor pembangunan. Bagi pembangunan ekonomi masa depan, khususnya pembangunan industri, penekanan akan diberi kepada pembangunan industri di kawasan-kawasan koridor berikut:

- (i) Koridor Pantai Barat — Dari Bukit Kayu Hitam hingga ke Johor Bahru
- (ii) Koridor Timur-Barat — Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Mersing hingga ke Johor Bahru
- (iii) Koridor Timur-Barat — Dari Pelabuhan Kelang-Kuantan
- (iv) Koridor Tengah-Utara — Kota Bharu, Gua Musang, Kuala Lipis, Temerloh, Mentakab, Kuala Pilah, Serting, Bahau, Gemas, Segamat, Kluang hingga Johor Bahru
- (v) Bagi Sarawak, pusat-pusat pertumbuhan ialah di Kuching dan Bintulu dan bagi Sabah di Kota Kinabalu.

Untuk menarik pelabur-pelabur ke kawasan-kawasan tersebut, Kerajaan menawarkan berbagai insentif cukai dan bukan cukai. Di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967, insentif-insentif cukai seperti taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula dan potongan dua kali bagi perbelanjaan latihan disediakan untuk pelabur-pelabur. Dari segi insentif bukan cukai, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan taraf infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain yang diperlukan oleh pelabur di kawasan-kawasan tersebut.

Konsep pembangunan melalui koridor-koridor pembangunan di Pantai Timur tidak akan memberi saingan kepada pembangunan industri di Pantai Barat. Ini adalah kerana tiap-tiap koridor pembangunan akan mempunyai faktor-

faktor tersendiri yang dapat menarik pelaburan. Lagipun, sudah menjadi dasar Kerajaan supaya pembangunan di negara ini lebih menyeluruh dan tidak tertumpu kepada sesuatu kawasan sahaja.

Mengenai jumlah pelaburan dan peluang pekerjaan yang dijangka diwujudkan di koridor Pantai Timur, perkara ini sukar ditentukan. Namun demikian, bagi tahun 1991 sebanyak 26 projek telah diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 di negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu dengan modal pelaburan sebanyak \$5,900 juta dan cadangan bagi mewujudkan 19,100 peluang pekerjaan.

PENGETUA/GURU SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH CINA DI SARAWAK—PENGISIAN JAWATAN

26. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) nama-nama sekolah menengah dan rendah di Sarawak yang masih belum mendapat Pengetua dan bilakah mereka akan dipenuhi sepenuhnya;
- (b) jumlah Pengetua-pengetua dan guru-guru sekolah rendah Cina yang bersara dalam tahun 1991 dan 1992 dan ramaikah di antara mereka telah ditawarkan untuk menyambung perkhidmatan mereka dalam bentuk kontrak;
- (c) jumlah terbaru bagi kekurangan guru di sekolah rendah Cina di Sarawak;
- (d) "racial break-down" yang terbaru bagi kenaikan pangkat Pengetua Sekolah Menengah yang dijalankan di Sarawak; dan
- (e) adakah benar bahawa ada banyak lagi Pengetua Sekolah Menengah yang telah lama berkhidmat (senior) dan berpengalaman tidak dipertimbangkan untuk kenaikan

pangkat seperti yang dilakukan dalam (d) di atas. Kalau benar, siapakah mereka dan mengapa.

Dr. Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah 145 buah sekolah menengah di negeri Sarawak hanya 43 buah sekolah menengah yang jawatan Pengetua masih belum diisi. Bagi sekolah rendah pula, daripada 1,272 buah sekolah, hanya 107 buah sekolah yang jawatan Guru Besar masih belum diisi.

Oleh kerana nama-nama sekolah berkenaan agak panjang, saya minta senarai itu disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Kementerian Pendidikan akan mengisi jawatan-jawatan Pengetua dan Guru Besar yang masih kosong apabila urusan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah yang sedang dijalankan sekarang selesai.

- (b) Jumlah Guru Besar di Sekolah Rendah Cina di Sarawak yang telah bersara pada tahun 1991 ialah seramai 11 orang dan pada tahun 1992 sehingga Julai 7 orang. Jumlah guru-guru di Sekolah Rendah Cina yang bersara pada tahun 1991 ialah seramai 51 orang dan seramai 46 orang sehingga Julai tahun 1992 di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan telah mengiklankan pengambilan guru-guru yang telah bersara wajib itu untuk berkhidmat semula secara kontrak.
- (c) Jumlah kekurangan guru di Sekolah Rendah Cina di negeri Sarawak sehingga Julai ialah seramai 951 orang.

- (d) Seramai 106 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Tingkatan Biasa telah dinaikkan pangkat ke Pegawai Perkhidmatan Siswazah Tingkatan Kanan dan menjawat jawatan Pengetua di Sekolah Menengah Gred B di Sarawak. Daripada jumlah itu, 46 orang terdiri daripada kaum Melayu/Melanau, 41 orang kaum Cina dan 19 orang kaum Bumiputera lain. Seramai 22 orang Pegawai Perkhidmatan Siswazah Tingkatan Kanan telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pengetua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Tingkatan Tertinggi G di Sarawak, iaitu 17 orang terdiri daripada kaum bumiputera dan 5 orang bukan bumiputera.

- (e) Urusan kenaikan pangkat bagi negeri Sarawak dijalankan secara berterusan, sama seperti urusan kenaikan pangkat di negeri-negeri lain, tertakluk kepada kekosongan/keperluan semasa. Semua Pengetua Sekolah yang masih memangku dan mereka yang dilantik sehingga 31-12-85 akan dipertimbangkan. Oleh itu, adalah tidak benar Pengetua yang 'senior' tidak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

PEKERJA ASING TANPA IZIN DI SEKTOR BINAAN/LADANG/ PERKHIDMATAN PEMBANTU RUMAH

27. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa nombor pekerja-pekerja pembantu rumah, pembinaan dan pekerja ladang asing yang telah didaftarkan di seluruh negara dan jumlah pekerja di tiap-tiap pekerjaan di seluruh negara.

Tuan Ong Ka Ting: Jumlah pekerja asing tanpa izin (PATI) yang telah didaftar sehingga 30.6.92 adalah seramai 353,739 orang. Mereka adalah terdiri daripada 205,545 orang dalam sektor binaan, 105,242 orang dalam sektor ladang dan 42,952 orang dalam sektor perkhidmatan pembantu rumah.

**PERSIDANGAN ILO KE 29—
HASIL PENCAPAIAN**

28. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) jumlah anggota rombongan Malaysia ke Persidangan ILO ke 29 dan perbelanjaan yang terlibat;
- (b) apakah hasil yang diperolehi dan adakah Kementerian berpuashati dengan pencapaian Persidangan kali ini; dan
- (c) bagaimanakah kedudukan isu Kesatuan Kebangsaan Pekerja Elektronik selepas Persidangan ILO.

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Seramai 13 orang wakil dan penasihat Kerajaan, majikan dan pekerja yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia telah menganggotai rombongan Malaysia di sesi ke 79 Persidangan Buruh Antarabangsa.
- (b) Kementerian Sumber Manusia memang berpuashati dengan pencapaian Persidangan Buruh Antarabangsa ke 79 di mana Kerajaan Malaysia dapat menerangkan pendiriannya di Persidangan tersebut, di samping menjawab tuduhan dan keterangan palsu International Metalworkers Federation (IMF) yang bertindak untuk mencemar imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak berpuashati dengan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang telah banyak mencemarkan imej negara kita di persidangan antarabangsa ini. Akibat tindakan mereka, Kerajaan terpaksa mengambil beberapa langkah untuk mengatasi halangan-halangan yang ditimbulkan oleh mereka. Kita telah dapat mengatasi segala rintangan-rintangan yang timbul. Kerajaan berharap pemimpin-pemimpin ini akan bertindak secara bertanggungjawab pada masa akan datang demi kepentingan negara.

- (c) Pendirian Kerajaan Malaysia mengenai Dasar Penubuhan Kesatuan Kebangsaan bagi Pekerja-pekerja Elektronik selepas Persidangan ILO tidak berubah. Sehubungan dengan ini pada 21.7.1992, di Dewan yang mulia ini saya telah memberikan jawapan yang panjang lebar menerangkan pendirian Kerajaan berhubung dengan perkara ini.

**KLINIK DESA KAMPUNG
MANGKULAT—PEMBINAAN**

29. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Klinik Desa bagi Kg. Mangkulat dalam daerah Kota Belud akan dibina memandangkan bahawa menurut jawapan yang diberikan oleh bekas Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan Yang Berhormat Encik Chua Jui Meng di suatu masa dahulu cadangan projek tersebut telah pun diluluskan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Projek ini telah dikenalpasti dalam

Rancangan Malaysia Keenam untuk pelaksanaan dengan perolehan tanah dahulu sebelum pembinaan kerana belum mempunyai tapak. Pembinaan Klinik Desa Mangkulat akan dilaksanakan selepas perolehan tanah diselesaikan nanti.

PELARIAN ACHEH—PENDIRIAN KERAJAAN

30. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai orang pelarian Aceh yang berada di dalam penjara Malaysia;
- (b) adakah Kerajaan membezakan antara "penghijrah haram" dengan mencari perlindungan dari Aceh;
- (c) apakah nasib orang pelarian Aceh ini yang telah menawan pejabat UNHCR di Kuala Lumpur baru-baru ini dengan tujuan cuba mendapatkan perlindungan politik di Malaysia.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Di dalam penjara Malaysia tiada terdapat pelarian Aceh. Warganegara Indonesia yang ditahan di penjara Malaysia sebenarnya adalah terdiri daripada mereka yang disabitkan kesalahan kerana melanggar undang-undang negara.
- (b) Kerajaan berpendirian tegas tidak mengiktiraf pendaatang-pendatang tanpa izin Aceh sebagai pelarian sama ada sebagai pelarian haram atau pelarian politik. Pendaatang-pendatang tanpa izin Aceh tetap dianggap sama seperti Pendaatang Tanpa Izin Indonesia (PTII) yang lain.
- (c) Pihak UNHCR telah dimaklumkan mengenai pendirian tegas Kerajaan yang tidak

mengiktiraf orang-orang Aceh sebagai orang pelarian. Terpulanglah kepada UNHCR untuk bertindak seterusnya terhadap mereka ini.

BELIA NIAGA/BELIA TANI—KAJIAN SEMULA

31. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Belia dan Sukan Menyatakan:

- (a) sama ada sistem pinjaman Belia Niaga dan Belia Tani akan disemak semula supaya benar-benar berkesan serta memberi faedah kepada kumpulan sasar; dan
- (b) adakah peruntukan untuk pembangunan belia akan ditambah supaya selaras dengan hasrat melahirkan lebih ramai usahawan belia wujud di masa akan datang;

Dato' Ismail bin Said:

- (a) Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk menyemak semula sistem pinjaman Belia Niaga dan Belia Tani yang dilaksanakan sekarang; kerana program ini baru sahaja dimulakan sepenuhnya dalam bulan Mei, 1988. Walau bagaimanapun, untuk memperbaiki dan memperkemaskan lagi sistem tersebut, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa membuat kajian dan penilaian dari semasa ke semasa.
- (b) Peruntukan pembangunan belia bagi Kementerian Belia dan Sukan sememangnya bertambah dari tahun ke tahun mengikut keperluan pembangunan program belia, berasaskan kedudukan kewangan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan dibawah pinjaman Belia

diteliti oleh Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (JKPPN).

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perakuan-perakuan JKPPN akan diteliti dan dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri. Mana-mana resolusi yang diterima oleh Jemaah Menteri akan dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana yang ditetapkan dan Kerajaan dari masa ke semasa akan membuat penilaian ke atas pelaksanaan resolusi-resolusi tersebut.
- (c) Buat masa ini, adalah terlalu awal untuk Kerajaan menentukan akan kesan KEB3 ke atas masyarakat terutamanya bumiputera kerana Kerajaan belum lagi melaksanakan kesemua resolusi-resolusi KEB3. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hasrat Kerajaan agar objektif dan matlamat KEB3 akan tercapai iaitu mewujudkan suatu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdayatahan dan berdaya saing.

GURU YANG REFLEKTIF SERTA MEMPUNYAI CELIK AKAL— USAHA KERAJAAN

38. Dr. T. Marimuthu minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk menghasilkan guru yang reflektif serta mempunyai celik akal dan kebolehan bagi mengendalikan penyelidikan berasas khususnya penyelidikan yang dijalankan atas sekolah.

Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah menjalankan beberapa usaha untuk menghasilkan guru yang reflektif serta mempunyai celik akal dan kebolehan

bagi mengendalikan penyelidikan khususnya yang berasaskan sekolah. Di antaranya ialah:

- (i) memberi pendedahan kepada guru-guru pelatih kepada kemahiran menjalankan penyelidikan menerusi mata-pelajaran Ilmu Pendidikan serta bidang pengkhususan yang berkaitan.
- (ii) menerusi latihan praktikal pula, dua aspek utama yang ditekankan iaitu aspek renungan dan aspek penulisan jurnal. Ini termasuklah aspek-aspek pemerhatian, pengajaran secara langsung, pengumpulan data dari pemerhatian, penganalisan tingkah laku mengajar dan aktiviti untuk meningkatkan mutu pengajaran.

PELAJAR BEROTAK GELIGA— BIASISWA KERAJAAN

39. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah jenis dan jumlah bantuan yang diberikan kepada seorang penuntut berotak geliga (genius) Chang Ti Ming dan sama ada:

- (a) Kerajaan akan meluluskan biasiswa untuk menampung perbelanjaannya sebanyak US\$22,000 setahun untuk menuntut di Cornell University, New York dan kalau tidak, mengapa;
- (b) Kerajaan akan memberikan biasiswa untuk membolehkannya menuntut di tiga buah universiti terkemuka di dunia seperti Harvard dan Cambridge University dan kalau tidak mengapa; dan
- (c) sama ada pihak Kerajaan bersedia menubuhkan satu Tabung Biasiswa Khas untuk pelajar-pelajar berotak geliga agar mereka boleh mencapai

potensi sepenuhnya dan kalau tidak mengapa.

Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

(a&b) setakat ini Kementerian Pendidikan belum menerima sebarang permohonan untuk mendapat biasiswa dari pelajar yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan hanya me-nawarkan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang di-perlukan untuk tujuan lantikan dalam Per-khidmatan Kerajaan.

(c) Kementerian Pendidikan tidak bercadang buat masa ini untuk menubuhkan satu Tabung Biasiswa Khas untuk pelajar-pelajar berotak geliga. Kementerian berpendapat biasiswa dan pinjaman yang ada sekarang sudah memadai dan oleh itu tidaklah perlu ditubuhkan satu tabung biasiswa lain yang berasingan.

**KERAJAAN BARU
AFGHANISTAN—PENDIRIAN
MALAYSIA**

40. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) apakah sikap Kerajaan terhadap perkembangan terakhir di Afghanistan setelah ianya diambil alih oleh pihak Mujahideen dan mengisytiharkan untuk melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya; dan

(b) apakah perancangan masa depan Malaysia untuk mengadakan

hubungan yang lebih erat dari segi:

(i) Ekonomi;

(ii) Politik;

(iii) Sosial; dan

(iv) Lain-lain bidang.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

(a) Kerajaan Malaysia pada 9hb Mei, 1992 telah pun mengiktiraf Kerajaan baru Afghanistan. Ini adalah sejajar dengan dasar luar kita untuk mengadakan hubungan yang baik dengan negara-negara Islam. Kita juga berharap Kerajaan peralihan Afghanistan dapat bertindak dengan segera untuk mewujudkan satu suasana baru bagi negara Afghanistan di mana pilihanraya umum yang baru diadakan bagi menentukan corak Kerajaan yang mencerminkan hasrat serta kehendak majoriti penduduknya. Kita juga berharap puak-puak Mujahideen yang bersengketa dapat bertolak ansur bagi sama-sama menjayakan Kerajaan baru itu demi keamanan dan kestabilan Afghanistan.

(b) Malaysia berhasrat untuk mengadakan kerjasama yang erat dengan Afghanistan tetapi buat ketika ini mengambil sikap tunggu dan lihat memandangkan situasi politik di Afghanistan masih belum stabil.

Namun demikian, Malaysia telah dan akan terus membantu Afghanistan dalam bidang-bidang tertentu sesuai dengan kemampuan kita. Umpamanya, sejak tahun 1984 Kerajaan telah memberikan sebuah rumah untuk dijadikan pejabat serta kediaman wakil Mujahideen di Kuala Lumpur yang dilengkapi dengan telefon dan telex di samping membiayai sebahagian

daripada perbelanjaan mengurus kelengkapan pejabat dan rumah serta menyediakan sebuah kenderaan untuk kegunaan pejabat tersebut. Pada ketika ini juga terdapat kira-kira 22 orang pelajar dari Afghanistan yang mengikuti kursus di Universiti Islam Antarabangsa. Bantuan yang serupa akan dipertimbangkan dari masa ke semasa.

PERTUBUHAN/PERSATUAN BELIA—BILANGAN

41. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jenis pertubuhan atau persatuan belia beruniform dan tidak beruniform yang terdapat di dalam negara ini. Nyatakan jumlah bilangan keahlian mengikut jenis pertubuhan atau persatuan; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian terhadap resolusi-resolusi Kongres Belia Negara yang telah diadakan baru-baru ini.

Dato' Ismail bin Said:

- (a) Terdapat 18 jenis persatuan belia yang tidak beruniform dan 5 jenis persatuan belia yang beruniform. Jumlah bilangan keahlian pertubuhan-pertubuhan berdasarkan kategori adalah seperti berikut:

A. Kategori Pertubuhan Tidak Beruniform:

(i) Kategori Pertubuhan Sosio-Ekonomi

	Ahli
(a) SABERKAS	96,381
(b) Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM)	97,638

(c) Persatuan Asrama Belia Malaysia	1,172
(d) Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia	275,000
(e) Majlis Belia FELDA	31,258
(f) Gerakan Belia Bersatu	216,843
(g) Kelab Bell Belia Tamil Malaysi	82,000
(h) SANYA	80,000
(i) Gerakan Belia 4B Malaysia	298,000

(ii) Kategori Pertubuhan Pelajar

(a) Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia	35,000
(b) Gabungan Pelajar-pelajar Semenanjung	125,000

(iii) Kategori Pertubuhan Agama

(a) Persatuan Belia Buddhist	81,620
(b) Pergerakan Puteri Islam	34,223
(c) Majlis Belia Hindu Malaysia	53,000
(d) Angkatan Belia Islam Malaysia	42,175
(e) Persatuan Belia Methodist Malaysia	7,425
(f) Young Malaysian Christian Movement	5,771
(g) Young Christian Workers	6,324

B. Kategori Pertubuhan Beruniform

(a) Briged Puteri Malaysia	2,016
(b) Majlis St. John Ambulans Malaysia	43,399
(c) Perskutuan Pengakap Malaysia	175,689
(d) Briged Putera Malaysia	3,126
(e) Persatuan Pandu Puteri Malaysia	85,104
Jumlah ..	<u>1,878,164</u>

- (b) Kementerian Belia dan Sukan sedang menilai dan mengkaji resolusi-resolusi yang telah diputuskan oleh Kongres Belia Negara yang diadakan baru-baru

ini. Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil tindakan sekiranya resolusi yang diputuskan itu sesuai untuk tindakan dan pelaksanaan.

KOKO—TINDAKAN KERAJAAN TERHADAP PENYAKIT TANAMAN

42. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian sedar bahawa pengusaha-pengusaha tanaman koko khususnya di sepanjang Sungai Rajang sedang mengalami serangan penyakit terhadap tanaman mereka. Kalau sedar apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melawan penyakit koko ini; dan
- (b) sama ada Kementerian ingin menubuhkan sebuah Institut Penyelidikan Koko di Sibu sebagai pusat mencari dan menyelidik penyakit-penyakit koko.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

- (a) Penyakit koko yang serius di negeri Sarawak seperti juga di negeri-negeri lain ialah "Cocoa Pod Moth Borers". Walaupun demikian, keadaan penyakit ini pada masa sekarang adalah terkawal. Mengikut rekod, di Bahagian Sibu, Kapit dan Sarikei di mana kawasan Sungai Rajang adalah terletak, hanya 781 hektar kebun-kebun koko telah diserang oleh penyakit tersebut. Penyakit-penyakit biasa seperti "Vascular Steak Disease (VSD)" memanglah dialami oleh pekebun-pekebun koko. Tetapi penyakit ini boleh dikawal dengan menggunakan racun-racun biasa.

Pekebun-pekebun koko memang sedar terhadap penyakit-penyakit tersebut dan sedar mengenai cara untuk mengawalinya. Jabatan Pertanian Negeri Sarawak mempunyai program latihan yang tertentu termasuk cara-cara untuk mengawal penyakit-penyakit koko untuk pekebun-pekebun koko.

- (b) Pihak Kementerian tidak berhasrat untuk menubuhkan sebuah Institut Penyelidikan di Sibu kerana Jabatan Pertanian Negeri Sarawak sudah mempunyai Pusat Penyelidikan Pertanian di Semongok, Kuching.

Tambahan pula Lembaga Koko Malaysia dan juga pihak MARDI yang mempunyai pejabat masing-masing di negeri Sarawak mempunyai hubungan yang rapat dengan Jabatan Pertanian Sarawak dan perkara-perkara seperti ini dapat diatasi tanpa penubuhan pusat penyelidikan yang baru di Sarawak.

KEBAKARAN—LANGKAH PENCEGAHAN

43. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan kebakaran di negara ini sejak tahun 1980 dan amaun kerugiannya. Apakah sebab-musabab kebakaran. Berapa pasukan petugas telah ditubuhkan di seluruh negara untuk memeriksa langkah-langkah keselamatan di bangunan-bangunan awam dan swasta. Bagaimanakah beliau memastikan sistem pemeriksaan ini dijalankan dengan berkesan.

Menteri Perumahan (Dato' Ting Chew Peh): Bilangan kebakaran di negara ini sejak tahun 1980 hingga April,

1992 ialah \$145,273. Jumlah kerugian yang dialami ialah \$2,627.87 juta.

Sebab-sebab kebakaran adalah berbagai-bagai di antaranya ialah:

- (a) kerosakan elektrik
- (b) puntung rokok
- (c) percikan api
- (d) mercun/bunga api
- (e) ubat nyamuk/colok/lilin
- (f) dapur gas/dapur minyak
- (g) reaksi spontan
- (h) sengaja dibakar (niat baik)
- (i) sengaja dibakar (niat jahat)
- (j) tindak balas kimia
- (k) budak-budak bermain mancis
- (l) lain-lain punca

Pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia mempunyai bahagian khusus di peringkat negeri-negeri dan balai-balai bagi menjalankan pemeriksaan ke atas bangunan swasta dan Kerajaan. Pasukan ini terbahagi dua iaitu:

- (i) Bahagian Pencegahan Kebakaran di Ibu Pejabat Bomba Negeri bertugas memeriksa bangunan-bangunan baru dan memastikannya mematuhi kehendak-kehendak keselamatan kebakaran mengikut undang-undang yang telah ditetapkan;
- (ii) Bahagian Pelesenan peringkat Balai-balai Bomba yang membuat pemeriksaan keselamatan kebakaran bagi bangunan-bangunan yang sudah diduduki untuk tujuan pembaharuan lesen oleh Pihakberkuasa Tempatan.

Pemeriksaan yang dijalankan berdasarkan kepada kehendak-kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Piawaian-piawaian Keselamatan yang diiktiraf yang meng-

gariskan semua peralatan dan sistem pencegahan mesti sentiasa berada dalam keadaan baik setiap masa.

HEPATITIS A—SUNTIKAN PERCUMA

45. Tuan George Sangkin minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menyediakan perkhidmatan suntikan percuma untuk mencegah penyakit Hepatitis A kepada rakyat negara ini yang tidak mampu untuk membayar khidmat suntikan tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli yang Berhormat, vaksin immunisasi untuk mencegah penyakit Hepatitis A belum ada di negara ini.

Penyakit Hepatitis A adalah penyakit bawaan air dan makanan. Pada ketika ini Kementerian Kesihatan mengamalkan strategi-strategi pencegahan dengan menumpukan perhatian kepada pendidikan kesihatan seperti berikut:

- (a) mengamalkan penjagaan kebersihan diri
- (b) mempertingkatkan kebersihan makanan
- (c) memperolehi bekalan air yang selamat
- (d) penyediaan dan penggunaan tandas yang sanitasi

Dengan langkah-langkah seperti tersebut, kejadian penyakit Hepatitis A boleh dikurangkan dengan berkesan sebagai strategi jangka masa panjang.

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN—KELEWATAN MEMBENTANGKAN DRAF

45. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa Majlis Perundangan Akta Pendidikan

mengambil masa begitu lama untuk menggubal draf Rang Undang-undang Pendidikan baru sebelum dibentangkan di Parlimen.

Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Majlis Perundingan Akta Pendidikan telah selesai meneliti draf Rang Undang-undang Pendidikan yang baru dan telah memberi pandangan dan ulasan mereka mengenai peruntukan-peruntukan dalam draf Rang Undang-undang tersebut. Pandangan dan ulasan ini diteliti pula oleh pihak-pihak yang terlibat dalam penggubalan Akta itu, iaitu Kementerian Pendidikan dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Akta Pendidikan. Oleh kerana Akta yang berkenaan merupakan satu Akta yang penting maka sewajarnya penggubalannya perlu memakan sedikit masa.

LALULINTAS—CARA MENGATASI KESESAKAN

46. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar mengenai kesesakan lalulintas di sekitar Kuala Lumpur semakin lama semakin serius. Nyatakan sama ada Perdana Menteri mempunyai blue-print dalam tempoh lima tahun akan datang bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang berterusan di Kuala Lumpur.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Kerajaan memang sedar mengenai kesesakan lalulintas di sekitar Kuala Lumpur semakin serius. Dengan itu adalah menjadi dasar Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk menitik-beratkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih kerap dengan memperkenalkan sistem-sistem pengangkutan awam yang baru untuk masa depan.

Satu sistem pengangkutan awam yang bersepadu telahpun dicadangkan bagi Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah

kesesakan lalulintas. Komponen-komponen utama sistem ini adalah seperti berikut:

1. Sistem Transit Laju Ringan (LRT)

Sistem LRT dicadangkan berdasarkan kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan/pertubuhan di luar pusat bandar dalam Metropolitan Kuala Lumpur ke pusat bandar (commuter service).

Projek Sistem LRT akan merangkumi laluan berikut:

- (i) Sentul ke Petaling Jaya
- (ii) Dayabumi ke Bandar Tun Razak
- (iii) Dayabumi ke Gombak
- (iv) Sentul ke Kepong
- (v) Bandar Tun Razak ke Bukit Jalil
- (vi) Ampang ke Jalan Sultan Ismail

2. Sistem Monorel

Sistem Monorel adalah merupakan sistem pengangkutan "people mover" yang dicadangkan untuk perjalanan dalam pusat bandar (intra-city service) bagi mengurangkan kesesakan dan mempertingkatkan mobiliti di Pusat Bandar.

3. Sistem Rel Komuter (Landasan Berkembar KTM)

Sistem Rel Komuter sedang dilaksanakan oleh KTM untuk perjalanan ulang-alik dari luar Metropolitan Kuala Lumpur ke Pusat Bandar Kuala Lumpur (inter-city services).

Laluan Sistem Rel Komuter akan menghubungkan Rawang ke Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan

Seremban mengikut koridor landasan keretapi KTM yang sedia ada.

4. Memperbaiki Mutu Perkhidmatan Sistem Bas

Beberapa usaha sedang dibuat untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan sistem bas di Kuala Lumpur. Antaranya ialah:

- (i) menjalankan kajian untuk menyusun semula laluan bas yang sedia ada untuk menjadikan perkhidmatan lebih efisien dan menyeluruh.
- (ii) membina terminal bas baru di luar Pusat Bandar dan mempertingkatkan kemudahan terminal-terminal bas yang sedia ada.

KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN—PENGIKTIRAFAN SIJIL

47. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah benar bahawa antara salah satu syarat dalam kebenaran Kolej Tunku Abdul Rahman ditubuhkan dalam Malaysia ialah Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia tidak boleh diterima sebagai salah satu kelayakan untuk murid-murid masuk Kolej itu. Jika tidak, mengapa Kolej TAR sehingga hari ini masih enggan mengiktirafkan kelayakan itu;
- (b) mengapa Kerajaan kita tidak mengiktirafkan kelayakan sijil-sijil tersebut memandangkan Kerajaan telah mengiktirafkan banyak ijazah negara asing; dan
- (c) berapa jenis Sijil dan Diploma Kolej TAR tidak diiktirafkan

oleh Kerajaan setakat ini dan sebutkan nama-namanya dan alasan.

Dr. Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan bagi pelajar-pelajar untuk mengikuti pengajian di Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) adalah sama seperti yang diamalkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang lain. Ia telah diputuskan oleh Majlis Kolej berkenaan setelah diambilkira Dasar Pendidikan Negara. Oleh itu, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut tidak timbul.
- (b) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengiktiraf sijil tersebut. Ini selaras dengan Laporan Razak (1956) yang telah memperaku bahawa semua sekolah menengah dan rendah mengambil peperiksaan yang sama yang dikeluarkan oleh pihak pusat supaya Dasar Pendidikan Negara terlaksana sebagaimana yang dikehendaki. Oleh yang demikian, maka wujudlah Lembaga Peperiksaan sebagai badan ulung yang diiktiraf untuk menjalankan tugas menyediakan dan mengendalikan peperiksaan bagi semua sekolah di negara ini. Penubuhan badan-badan peperiksaan lain untuk menjalankan peperiksaan peringkat persekolahan tertentu adalah di luar dasar Laporan Razak (1956) tersebut.
- (c) Urusan untuk menilai dan seterusnya mengiktiraf sesuatu kelayakan sama ada dari dalam atau luar negara adalah semata-mata untuk tujuan lantikan ke jawatan-jawatan yang bersesuaian serta dinilai mengikut keperluannya dalam Perkhidmatan Awam.

Setakat ini cuma terdapat hanya satu Diploma KTAR yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan iaitu Diploma Sains. Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan telah menolak permohonan ini kerana Diploma berkenaan hanya dinilai sebagai setaraf dengan Diploma ITM dan tidak setaraf dengan Ijazah.

LALULINTAS DI JALAN CHERAS, KUALA LUMPUR—TINDAKAN MENGURANGKAN KESESAKAN

48. **Dr. Kua Kia Soong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang serius tentang kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur terutama sekali sepanjang Jalan Cheras;
- (b) apakah tindakan yang diambil untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang berkesan misalnya landasan keretapi dan landasan ringan ataupun sistem pengangkutan monorel;
- (c) apakah tindakan yang diambil untuk memastikan wujudnya perkhidmatan bas yang bertanggungjawab dan berkesan ke Taman-taman seperti Taman Cuepacs di Batu 8, Jalan Cheras.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Satu tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di sepanjang Jalan Cheras ialah mencadangkan satu laluan Sistem Transit Laju Ringan (LRT) di sepanjang jalan berkenaan.
- (b) Satu sistem pengangkutan bandar yang bersepadu telah dicadangkan bagi Bandaraya Kuala

Lumpur dengan komponen-komponen utama seperti berikut:

1. Sistem Transit Laju Ringan (LRT)

Sistem LRT dicadangkan berdasarkan kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan/pertumbuhan di luar pusat bandar dalam Metropolitan Kuala Lumpur ke pusat bandar (commuter service).

Projek Sistem LRT akan merangkumi laluan berikut:

- (i) Sentul ke Petaling Jaya
- (ii) Dayabumi ke Bandar Tun Razak
- (iii) Dayabumi ke Gombak
- (iv) Sentul ke Kepong
- (v) Bandar Tun Razak ke Bukit Jalil
- (vi) Ampang ke Jalan Sultan Ismail

2. Sistem Monorel

Sistem Monorel adalah merupakan sistem pengangkutan "people mover" yang dicadangkan untuk perjalanan dalam pusat bandar (intra-city) bagi mengurangkan kesesakan dan mempertingkatkan mobiliti di Pusat Bandar.

3. Sistem Rel Komuter (Landasan Berkembar KTM)

Sistem Rel Komuter sedang dilaksanakan oleh KTM untuk perjalanan ulang-alik dari luar Metropolitan Kuala Lumpur ke Pusat Bandar Kuala Lumpur (inter-city services).

Laluan Sistem Rel Komuter akan menghubungkan Rawang ke Pusat Bandar Kuala Lumpur dan Seremban mengikut koridor

landasan keretapi KTM yang sedia ada.

- (c) Untuk memastikan wujudnya perkhidmatan bas yang bertanggungjawab dan berkesan, satu kajian untuk menyusun semula sistem perkhidmatan bas di Kuala Lumpur sedang dijalankan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tindakan-tindakan yang akan diambil berkaitan perkhidmatan bas akan bergantung kepada hasil kajian tersebut.

LALULINTAS DI KUALA LUMPUR—TINDAKAN MENGURANGKAN KESESAKAN

49. Tuan G. Palanivel minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi kesesakan lalulintas yang makin menjadi teruk di Bandaraya ini. Apakah satu rancangan jangka panjang yang memberi perhatian kepada kesesakan lalulintas yang makin bertambah, sistem pengangkutan awam dan kemudahan pengangkutan bagi orang ramai di Bandaraya ini disediakan untuk mengatasi masalah ini.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (a) **Pembinaan Jejambat (Flyover)**

5 buah bulatan yang menjadi punca kesesakan lalulintas telah pun dipertingkatkan dengan membina jejambat. Bulatan-bulatan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Bulatan Jalan Cheras
- (b) Bulatan km 5¹/₂ Jalan Cheras
- (c) Bulatan Jalan Kg. Pandan/Jalan Tun Razak

- (d) Bulatan Jalan Tun Razak/Jalan Pahang

- (e) Bulatan Edinburgh.

- (b) **Melebar dan memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada**

Beberapa jalan utama seperti Jalan Raja Chulan, Jalan Ampang, Jalan Gombak telah dilebar dan dibaiki untuk memudahkan pergerakan lalulintas di dalam Kuala Lumpur.

- (c) **Memperbaiki persimpangan-persimpangan jalan**

Beberapa persimpangan-persimpangan jalan seperti persimpangan Jalan Ipoh/Jalan Perhentian, Persimpangan Jalan Damansara/Jalan Kepong telah dilebarkan untuk memperbaiki pengaliran lalulintas.

Di samping itu juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai rancangan jangka panjang di mana satu sistem pengangkutan awam yang bersepadu telahpun dicadangkan bagi Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Komponen-komponen utama sistem ini adalah seperti berikut:

1. **Sistem Transit Laju Ringan (LRT)**

Sistem LRT dicadangkan berdasarkan kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan/pertumbuhan di luar pusat bandar dalam Metropolitan Kuala Lumpur ke pusat bandar (commuter service).

Projek Sistem LRT akan merangkumi laluan berikut:

- (i) Sentul ke Petaling Jaya
- (ii) Dayabumi ke Bandar Tun Razak

- (iii) Dayabumi ke Gombak
- (iv) Sentul ke Kepong
- (v) Bandar Tun Razak ke Bukit Jalil
- (vi) Ampang ke Jalan Sultan Ismail

2. Sistem Monorel

Sistem Monorel adalah merupakan sistem pengangkutan "people mover" yang dicadangkan untuk perjalanan dalam pusat bandar (intra-city) bagi mengurangkan kesesakan dan mempertingkatkan mobiliti di Pusat Bandar.

3. Sistem Rel Komuter (Landasan Berkembar KTM)

Sistem Rel Komuter sedang dilaksanakan oleh KTM untuk perjalanan ulang-alik dari luar Metropolitan Kuala Lumpur ke Pusat Bandar Kuala Lumpur (inter-city services).

4. Memperbaiki Mutu Perkhidmatan Sistem Bas

Beberapa usaha sedang dibuat untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan sistem bas di Kuala Lumpur. Antaranya ialah:

- (i) menjalankan kajian untuk menyusun semula laluan bas yang sedia ada untuk menjadikan perkhidmatannya lebih efisien dan menyeluruh;
- (ii) membina terminal bas baru di luar Pusat Bandar dan m e m p e r t i n g k a t k a n kemudahan terminal-terminal bas yang sedia ada.

RAKYAT TERMISKIN— PENUBUHAN YAYASAN

50. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) senarai negeri-negeri mengikut jumlah dan peratus rakyat termiskin;

(b) apakah fungsi Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK); dan

(c) apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan yayasan yang sama di negeri-negeri lain mengikut susunan kemiskinan (a) di atas.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:

(a) Senarai negeri-negeri mengikut jumlah dan peratus rakyat termiskin sehingga 1990 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan keluarga Termiskin	Peratus
Johor	7,081	1.6
Kedah	23,769	8.6
Kelantan	16,643	7.3
Melaka	4,059	3.8
Negeri Sembilan	3,067	2.3
Pahang	4,826	2.2
Pulau Pinang	4,736	2.2
Perak	19,981	4.9
Perlis	1,443	3.4
Selangor	5,142	1.1
Terengganu	15,155	10.2
Kuala Lumpur	1,398	0.6
Sabah	24,700	8.7
Sarawak	11,100	3.3
Malaysia	143,100	4.0

(b) Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) adalah sebuah badan bukan Kerajaan. Ianya telah diperbadankan pada 26/3/92 di bawah Ordinan Amanah (Perbadanan) 1952. Mengikut Suratcara Amanah penubuhan YKK fungsinya adalah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan biasiswa, geran, hadiah, fellow dan anjuran dalam bidang latihan, rundingan, penyelidikan, penerbitan dan melaksanakan program-program serta skim-skim bertindak yang menyambung, sama ada secara

langsung atau tidak langsung kepada pembasmian kemiskinan;

- (ii) mengadakan aktiviti-aktiviti amal untuk faedah di bidang sosial, sains, teknologi, pendidikan kebudayaan dengan kerjasama Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan dan pertubuhan sukarela.
- (c) Penubuhan beberapa Yayasan Pembasmian Kemiskinan di negeri-negeri adalah hasil inisiatif individu-individu atau pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan. Kerajaan sememangnya mengalu-alukan inisiatif dan sumbangan pihak swasta dan bukan Kerajaan seumpama ini untuk bersama-sama berusaha untuk membantu orang-orang miskin.

LALULINTAS DI KUALA LUMPUR—LANGKAH MENGATASI MASALAH

51. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang dicadangkan dan diarahkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Kuala Lumpur yang diketuai oleh Perdana Menteri bertujuan untuk meningkatkan aliran lalulintas dalam Kuala Lumpur;
- (b) program-program Kerajaan untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap, pantas dan ekonomik; dan
- (c) sama ada akan diwujudkan pembangunan sistem keretapi bawah tanah bagi Kuala Lumpur.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju pada dasarnya dengan cadangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mewujudkan satu rangkaian sistem pengangkutan bandar yang bersepadu bagi Bandaraya Kuala Lumpur. Komponen-komponen utama sistem berkenaan adalah seperti berikut:

1. Sistem Transit Laju Ringan (LRT)

Sistem LRT dicadangkan berdasarkan kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk tujuan perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan/pertumbuhan di luar pusat bandar dalam Metropolitan Kuala Lumpur ke pusat bandar (commuter service).

Projek Sistem LRT akan merangkumi laluan berikut:

- (i) Sentul ke Petaling Jaya
- (ii) Dayabumi ke Bandar Tun Razak
- (iii) Dayabumi ke Gombak
- (iv) Sentul ke Kepong
- (v) Bandar Tun Razak ke Bukit Jalil
- (vi) Ampang ke Jalan Sultan Ismail

2. Sistem Monorel

Sistem Monorel adalah merupakan sistem pengangkutan "people mover" yang dicadangkan untuk

perjalanan dalam pusat bandar (intra-city) bagi mengurangkan kesesakan dan mempertingkatkan mobiliti di Pusat Bandar.

3. Sistem Rel Komuter (Landasan Berkembar KTM)

Sistem Rel Komuter sedang dilaksanakan oleh KTM untuk perjalanan ulang-alik dari luar Metropolitan Kuala Lumpur ke Pusat Bandar Kuala Lumpur (inter-city services).

Laluan Sistem Rel Komuter akan menghubungkan Rawang ke Pusat Bandar Kuala Lumpur dan Seremban mengikut koridor landasan keretapi KTM yang sedia ada.

4. Memperbaiki Mutu Perkhidmatan Sistem Bas

Beberapa usaha sedang dibuat untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan sistem bas di Kuala Lumpur. Antaranya ialah:

(i) menjalankan kajian untuk menyusun semula laluan bas yang sedia ada untuk menjadikannya perkhidmatannya lebih efisien dan menyeluruh;

(ii) membina terminal bas baru di luar Pusat Bandar dan mempertingkatkan kemudahan terminal-terminal bas yang sedia ada.

(b) Sistem pengangkutan bandar yang bersepadu dengan komponen-kom-

ponen utama seperti yang dinyatakan dalam para (a) di atas adalah merupakan program Kerajaan untuk menjadikan sistem pengangkutan awam lebih cekap, pantas dan ekonomik.

(c) Pembangunan sistem keretapi bawah tanah bagi Kuala Lumpur sedang dikaji kesesuaiannya untuk dilaksanakan di pusat bandar Kuala Lumpur.

(Soalan No. 52 oleh Tuan Wee Choo Keong—Sila lihat Jawapan kepada Soalan No. 20 pada 20hb Julai, 1992)

MIDFCCS—HASIL SIASATAN ATAS KEHILANGAN CEK

53. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan; memandangkan beberapa cek MIDFCCS telah dicuri semasa penghantaran dibuat kepada pelanggannya:

(a) apakah hasil siasatan (MIDFCCS) atas kehilangan cek-cek berkenaan;

(b) apakah langkah-langkah berkesan dan tindakan untuk mengetatkan prosedur bahawa kes bersamaan tidak berlaku lagi;

(c) adakah Kerajaan akan mengadakan garis panduan untuk kawalan ketat terhadap perkara tersebut.

Tuan Mustapa bin Mohamed:

(a) Hasil siasatan MIDFCCS dan kehilangan cek-cek berkenaan adalah seperti berikut:

(i) Kehilangan cek-cek berkenaan hanya melibatkan 1446 cek-cek pemulangan pemohon saham Arab-Malaysia Finance Bhd. (AMFB).

- (ii) Kehilangan cek-cek ini dilakukan oleh satu sindiket yang dirancangan dengan rapi.
 - (iii) Pihak MIDFCCS telah melaksanakan tanggungjawab sebagai "rumah terbitan" mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
 - (iv) Pihak MIDFCCS telah mengambil tindakan sewajarnya dengan segera apabila menerima aduan mengenai kehilangan cek-cek ini.
 - (v) Kes ini telah diserahkan kepada pihak polis untuk mengambil tindakan undang-undang sewajarnya.
 - (vi) Pihak MIDFCCS telah mengambil tindakan segera bagi memperbaiki kelemahan sistem yang ada.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang lebih berkesan telah diambil bagi mengetatkan lagi prosedur yang ada agar kes yang bersamaan tidak berlaku lagi. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:
- (i) MIDFCCS sejak terbitan Saham TNB telah pun mengembalikan cek-cek dengan cara pos berdaftar.
 - (ii) Institusi-institusi kewangan telah mengetatkan prosedur membuka akaun terutama untuk tujuan menunaikan cek-cek yang dikeluarkan oleh MIDFCCS.
- Beberapa langkah seperti berikut juga telah disyorkan dan sedang dikaji sebelum dilaksanakan:
- (i) Nombor akaun bank pemohon-pemohon saham hendaklah dicatatkan di
- cek-cek yang dikeluarkan oleh MIDFCCS (pada masa ini hanya nombor kad pengenalan sahaja yang dicatatkan).
 - (ii) Memadankan wang pemohon dengan cara kredit terus ke dalam akaun pemohon.
 - (iii) Pemohon-pemohon saham dibenarkan menghantar lebih daripada satu draf jikalau mereka memohon lebih daripada satu lot. Sekiranya sebahagian sahaja permohonannya yang berjaya, draf yang lain akan dipulangkan terus kepada pemohon tanpa pihak MIDFCCS menunaikan draf baki draf tersebut.
 - (c) Pihak Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa mengkaji garis panduan yang ada dan akan memperbaiki sekiranya terdapat kekurangan.

**POS—KELEWATAN
MENYAMPAIKAN SURAT
OLEH JABATAN**

54. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab selalu berlakunya kelewatan menghantar surat, seperti contoh, Surat No. rujukan (31) dalam PAR 3/104 (Bahagian 2) bertarikh 18hb Jun, 1992 daripada Yang Berbahagia Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, Setiausaha bagi Parlimen Malaysia telah diterima oleh saya di Sibu pada 29hb Jun, 1992. Kelewatan ini telah menyebabkan tekanan terhadap saya apabila menghantar Pertanyaan Mulut agar sampai ke Parlimen pada hari Rabu 1hb Julai, 1992 jam 4.15 petang.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mel dari Kuala Lumpur ke Sibul biasanya mengambil masa di antara satu hari hingga dua hari bergantung kepada pengangkutan. Sebilangan kecil surat juga diterima pada hari ketiga.

Perkara ini telahpun disiasat dan bagi surat-surat yang dialamatkan ke Peti Surat akan dimasukkan ke dalam Peti Surat pada hari yang sama ia diterima di Sibul. Di samping itu tidak ada masalah penyerahan surat di kawasan penyerahan di Sibul.

Di samping itu terdapat sebilangan syarikat dan agensi Kerajaan yang lewat mengespos surat-surat mereka walaupun surat-surat tersebut telah ditandatangani oleh pegawai-pegawainya lebih awal. Ini menimbulkan kesukaran untuk menentukan tarikh sebenar surat berkenaan dihantar dan biasanya Pos Malaysia disalahkan di dalam perkara ini.

Memandangkan surat berkenaan di dalam hal ini adalah surat biasa, dukacita dimaklumkan tidak ada rekod mengenai setiap surat biasa yang dihantar.

POS—KENAIKAN KADAR PERKHIDMATAN

54. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Peratusan kenaikan bagi semua jenis perkhidmatan pos dan membenaran (justification) kepada kenaikan (seperti kenaikan bagi kadar bungkusan ke seberang laut telah naik sebanyak 10 kali ganda);
- (b) Adakah Menteri sudah mempertimbangkan kesan buruk akan kenaikan yang besar dan tidak berpatutan perkhidmatan

pos terhadap masyarakat dan ekonomi kebangsaan di Malaysia; dan

- (c) Adakah penswastaaan terhadap perkhidmatan pos membawa kebaikan dan perkhidmatan yang murah kepada rakyat atau sebaliknya.

Dato' Seri S. Samy Vellu:

- (a) Oleh kerana jawapan bagi soalan (a) ini adalah panjang dan melibatkan angka-angka yang banyak, saya mohon kebenaran untuk mengemukakan jawapan secara bertulis.
- (b) Kenaikan kadar pos adalah berpatutan kerana ianya berpunca daripada peningkatan kos yang ditanggung oleh Jabatan Perkhidmatan Pos/Pos Malaysia Bhd. sejak beberapa tahun lepas. Kenaikan kadar tersebut tidak membawa apa-apa kesan buruk kepada masyarakat dan ekonomi negara. Malahan kenaikan kadar kos yang ditanggung oleh JPP/PMB dijangka akan membawa kepada perkhidmatan yang lebih cekap dan cepat.
- (c) Hasrat Kerajaan dalam menswastakan Jabatan Pos, sepertimana halnya dengan penswastaaan lain-lain Jabatan Kerajaan, ialah supaya perkhidmatan yang lebih cekap dapat disediakan bagi faedah rakyat dan negara. Pihak Kerajaan yakin Pos Malaysia Bhd. akan dapat memenuhi m a t l a m a t - m a t l a m a t penubuhannya.

SPRATLY—PENDIRIAN MALAYSIA KE ATAS KEPULAUAN

56. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkembangan di dalam menegaskan

tuntutan Malaysia ke atas Kepulauan Spratly dan formula yang Kerajaan akan terima dalam menyelesaikan tuntutan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Malaysia menolak semua tuntutan negara-negara lain ke atas wilayahnya di Laut China Selatan sepertimana terkandung dalam Peta 1979. Sejajar dengan pendirian ini, Malaysia akan terus memajukan potensi ekonomi kawasan wilayahnya termasuk Pulau Layang-Layang. Pulau-pulau, terumbu-terumbu dan beting-beting lain yang terkandung di dalam Peta 1979 seperti Mantanani dan Ubi akan juga dibangunkan untuk membolehkan Malaysia mengeksplotasi sumber dan potensi zon ekonomi eksklusif dan pelantar benuanya.

Bagaimanapun, demi kepentingan keamanan dan keselamatan serantau, Malaysia bersedia untuk membincang dan mencari penyelesaian kepada semua masalah yang timbul mengenai sempadan maritimnya secara aman, melalui rundingan. Malaysia juga menyeru negara-negara terlibat supaya tidak menggunakan kekerasan dan kekuatan ketenteraan untuk memperkukuhkan tuntutan mereka.

PEKAN-PEKAN KECIL DI SARAWAK—MEMBANGUNKAN

57. Tuan Harisson Ngau Laing minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk membangun pekan-pekan kecil dalam kawasan P.179 Baram seperti Belsuru untuk kawasan Bakong; Lapok untuk kawasan Tinjar; Long Lama untuk kawasan Apoh/Baram Tengah; Mulu untuk kawasan Tutoh dan Long Akah untuk kawasan Ulu Baram sebagai Pusat Pembangunan Luar Bandar (Rural Growth Centres);

(b) adakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar sudah menjalankan kajian untuk mengenalpasti potensi-potensi pekan-pekan ini dan apakah hasil kajian tersebut dari segi pembangunan industri kraf-tangan; pelancongan, perladangan seperti pengeluaran buah-buahan, ternakan dan lain-lain; dan

(c) jika cadangan dan kajian seperti di atas belum pernah dibuat oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengapa dan bilakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan program seperti ini di dalam kawasan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato' Mohamed bin Jamrah):

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang belum ada cadangan daripada Kementerian untuk membangun pekan-pekan kecil dalam kawasan-kawasan Parlimen Baram. Bagaimanapun, adalah difahamkan Kerajaan Negeri sedang membuat kajian bagi Long Lama untuk tujuan tersebut.

(b) sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, Kementerian tidak membuat kajian-kajian tersebut. Sebaliknya, adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri pada masa sekarang sedang membuat kajian untuk mengenalpasti potensi-potensi pekan seperti Long Lama dari segi pembangunan industri kraf-tangan, pelancongan, perladangan, ternakan dan lain-lain yang dijangka siap pada pertengahan tahun 1993.

(c) Kementerian tidak bercadang membuat kajian seperti di atas, lagi pula Kerajaan Negeri sendiri sedang membuat kajian tersebut.

**KURSUS/PUSAT TUISYEN
ANJURAN SWASTA—TINDAKAN
KERAJAAN**

58. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian sedar bahawa sejak kebelakangan ini sejumlah besar kolej-kolej swasta serta pusat pengajian tinggi swasta ada mengiklankan kursus-kursus di surat khabar. Ini menyebabkan masyarakat umum berasa keliru atas kursus tersebut serta yurannya. Sekiranya terdapat penyelewengan, apakah tindakan segera yang boleh diambil oleh Kementerian terhadap mereka;
- (b) pusat tuisyen sejak kebelakangan ini tumbuh macam cendawan lepas hujan di seluruh bandar-bandar besar di Sarawak. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian bagi tujuan mengawal pusat-pusat ini supaya matlamat Dasar Pendidikan Negara dapat dicapai; dan
- (c) sama ada guru-guru dari Kementerian Pendidikan dibenarkan memberi tuisyen dan sekiranya ya, apakah syarat yang dikenakan ke atas mereka supaya pengajaran mereka di sekolah tidak merosot.

Dr. Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa menyemak iklan-iklan yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan swasta. Jika terdapat iklan-iklan yang tidak tepat, Kementerian ini boleh mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - (i) meminta pihak institusi memberikan penjelasan kenapa iklan seperti itu dikeluarkan.

- (ii) bekerjasama dengan Bahagian Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya penyiataan dapat dilakukan dan diambil tindakan, jika perlu, di bawah Akta Perihal Dagangan.

(b) Tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengawal pertumbuhan pusat-pusat tuisyen adalah:

- (i) menentukan terdapat keperluan kepada perkhidmatan tuisyen sebelum sesebuah pusat tuisyen didaftarkan;
- (ii) setiap pusat tuisyen perlu memenuhi syarat-syarat penubuhan dan pendaftaran;
- (iii) memastikan supaya pihak pengurusan pusat tuisyen berkeupayaan dan bertanggungjawab;
- (iv) guru-guru tuisyen mempunyai kelulusan dan berpengalaman.

(c) Guru-guru Kerajaan boleh diberi kebenaran untuk mengajar di pusat-pusat tuisyen yang didaftarkan dengan syarat:

- (i) jumlah masa mengajar di pusat-pusat itu tidak melebihi 4 jam seminggu;
- (ii) pengajarannya di pusat tuisyen tidak menjejaskan tugas-tugas sebagai seorang guru di sekolah Kerajaan.

**PEKERJA ASING TANPA IZIN—
KESAN NEGATIF DAN POSITIF**

59. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pada dan

selepas 30.6.92 berapa pendatang tanpa izin telah mendaftarkan diri. Sila sebutkan negara-negara asal dan jenis pekerjaan mereka. Setelah lebih 10 tahun, apakah jumlah pendatang di negara ini. Memandangkan kekurangan pekerja, apakah kesan negatif dan positif yang boleh timbul selepas pendaftaran tersebut. Apakah bilangan polis dan tentera yang dikerah untuk melaksanakan dasar pendaftaran tersebut. Apakah faktor yang menghalang para pendatang daripada pendaftaran.

Tuan Ong Ka Ting: Bilangan Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah mendaftar di Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30.6.92 adalah seramai 353,739 orang. Mereka ini berasal dari 28 buah negara terdiri daripada Indonesia (293,187 orang), Thai (22,315 orang), Bangladesh (17,998 orang), Myanmar (9,236 orang), India (7,926 orang), Pakistan (1,740 orang) dan 22 negara lain yang bilangan PATInya adalah kecil.

Kesan positif akibat daripada program ini ialah Kerajaan dapat mengenalpasti pekerja asing yang berada di negara ini. Namun begitu tidak dinafikan mungkin ada di antara mereka yang memberi maklumat palsu sewaktu pendaftaran.

Operasi mengesan dan menangkap PATI yang tidak mendaftar melibatkan 4 batalion Pasukan Polis Hutan (PPH) dan 565 orang pegawai imigresen. Angkatan Tentera tidak terlibat dalam operasi ini.

Faktor utama yang menyebabkan PATI tidak dapat mendaftar ialah kerana majikan tidak mahu mendaftarkan mereka. Selain daripada itu timbul pula majikan-majikan palsu mengambil kesempatan yang mana selepas disiasat pendaftaran PATI terlibat akan dibatalkan oleh Jabatan Imigresen.

LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL, SENAI JOHOR BAHRU

60. Tuan Mohamed Khalid bin Nordin minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah penumpang dari Singapura dan yang hendak ke Singapura yang menggunakan Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai Johor Bahru. Destinasi manakah yang menjadi tumpuan mereka ini yang melalui lapangan terbang ini.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan dan Penerbangan Malaysia (MAS) tidak ada rekod jumlah penumpang dari Singapura dan yang hendak ke Singapura yang menggunakan Lapangan Terbang Sultan Ismail di Johor Bahru. Ini adalah memandangkan rakyat Singapura boleh membeli tiket penerbangan di Singapura atau di Malaysia sama ada di pejabat MAS atau melalui agen.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain dari perjalanan ke Kuala Lumpur, kebiasaannya rakyat Singapura mengikuti rombongan untuk perjalanan ke destinasi-destinasi seperti destinasi-destinasi di Sabah dan Sarawak semasa musim-musim cuti sekolah. Lain-lain tempat yang mereka lawati ialah Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Ipoh.

PIALA THOMAS-UBER-OLIMPIK—PERSEDIAAN NEGARA

61. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi persediaan untuk kejayaan pertandingan badminton Piala Thomas termasuk latihan, bayaran jurulatih, belanja pertandingan dan sebagainya dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan piala ini terus dipegang oleh negara kita.

Dato' Ismail bin Said: Jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi persediaan untuk kejayaan pertandingan

badminton Piala Thomas ialah sebanyak \$2.8 juta selama 2 tahun bermula dari tahun 1990 hingga 1992.

Langkah-langkah untuk memastikan piala ini terus dipegang oleh negara kita ialah:

- (a) menyediakan program pembangunan untuk sukan badminton di peringkat negeri melalui Projek TUO (Thomas-Uber-Olimpik). Setiap Persatuan Sukan Negeri menerima \$24,000 setahun bagi membiayai program tersebut. Projek TUO dilancarkan secara rasminya dalam tahun 1988 dan projek ini menghasilkan gabungan kerjasama di antara Persatuan Badminton Malaysia, Sports Toto dan MSN;
- (b) mewujudkan pemain-pemain dalam Kumpulan 1, 2 dan 3. Kumpulan 1 terdiri dari pemain-pemain kebangsaan. Kumpulan 2 pula terdiri dari pemain-pemain lepasan sekolah manakala Kumpulan 3 adalah pemain-pemain yang masih bersekolah;
- (c) mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan badminton melalui Program Tunas Cemerlang yang dikendalikan oleh MSN dan MSSM. Setakat ini sebanyak 31 sekolah dijadikan sebagai pusat latihan badminton yang melibatkan penyertaan 628 atlit muda dan 61 jurulatih yang bertauliah untuk mengendalikan latihan.

LIM TEOH KUAN K/P
8475301(M)—PERMOHONAN
KEWARGANEGARAAN

62. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Encik Lim Teoh Kuan K/P 8475301 M yang beralamat di 246 I Mukim 3 Kubang Semang, Bukit Mertajam gagal dalam ujian Bahasa

Kebangsaan dalam permohonan kewarganegaraan selepas perkhidmatan 31 tahun dalam pasukan Polis Di Raja Malaysia, dan apakah pertolongan sedang diberi oleh Kerajaan supaya beliau diakui sebagai seorang warganegara yang mana negara inilah tempat tumpahnya darahnya.

Tuan Ong Ka Ting: Adalah tidak benar bahawa Encik Lim Teoh Kuan gagal ujian bahasa sebagaimana dakwaan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Beliau telah lulus ujian bahasa pada 24hb Mac, 1992 dan permohonannya sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

**KESATUAN SEKERJA—
 TINDAKAN KERAJAAN
 MENGENAI PERANAN
 PEMIMPIN**

63. Tuan Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan berpuashati dengan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, terutamanya pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC);
- (b) apakah Kerajaan berhasrat untuk mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang sering memburukkan imej negara di luar negara; dan
- (c) apakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal peraturan agar pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, demi untuk memperjelaskan lagi tanggungjawab yang hakiki.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Pertanyaan ini telah dijawab di Dewan yang mulia ini semasa menjawab Pertanyaan No. 3 dari Ahli

Yang Berhormat dari Kuala Kedah Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim pada 21.7.1992 mengenai perkara yang sama.

Kementerian Sumber Manusia tiada apa-apa perkara untuk ditambah kepada jawapan yang telah diberi itu.

NILAI MATAWANG SEMASA KONTRAK DENGAN LUAR NEGERI—KERUGIAN

64. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi menentukan bahawa dalam semua kontrak dengan luar negeri bahawa harga tukaran matawang itu telah ditetapkan bukan 'current rate' kerana ini ada masanya merugikan kita dari menguntungkan, seperti US Dollar dan Sterling Pound.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Kelebihan dan keburukan penggunaan nilai matawang semasa atau nilai matawang yang ditetapkan semasa kontrak dibuat adalah bergantung kepada pergerakan nilai ringgit berbanding dengan matawang asing lain pada masa hadapan. Oleh kerana nilai masa depan tidak diketahui, maka jangkaan mengenai nilai masa depan memainkan peranan yang penting dalam menentukan sama ada kita rugi atau untung. Sebagai contoh, jika nilai ringgit dijangka naik kesemua pembayaran kontrak patut dibuat dalam 'current rate', kerana adalah lebih murah untuk membeli sesuatu matawang asing dengan nilai ringgit yang lebih kukuh kelak. Sebaliknya, jika nilai ringgit dijangka turun, kesemua pembayaran kontrak patut dibuat berdasarkan nilai matawang yang ditetapkan semasa kontrak ditandatangani, kerana ia akan menjadi lebih mahal untuk membeli sesuatu matawang asing dengan nilai ringgit yang lemah.

Dengan hal yang demikian, adalah sukar memastikan semua kontrak Kerajaan dengan luar negeri akan menguntungkan pihak Kerajaan sama ada menggunakan kadar pertukaran yang ditetapkan atau kadar pertukaran semasa. Lebih-lebih lagi bagi kontrak yang jangka masa yang agak panjang. Oleh sebab itu kedua-duanya diamalkan. Tetapi bilamana kadar pertukaran tetap dijangka lebih menguntungkan di mana jangkaan yang dijangka lebih reliable maka 'fixed rate' digunakan. Penggunaan kadar pertukaran yang tetap memberi kemudahan kepada Kerajaan yang akan dapat menentukan tanggungannya pada masa depan dengan lebih pasti yang mana akan membantu dalam penyediaan belanjawan Kerajaan.

HUTANG MALAYSIA DI LUAR NEGERI—PEMBAYARAN BALIK

65. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan minta Menteri Kewangan memberitahu setakat manakah Malaysia masih berhutang dengan luar negeri. Dalam pertumbuhan ekonomi yang baik bagaimanakah keupayaan kita membayar balik hutang-hutang itu.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Sehingga akhir bulan Mac, 1992 hutang luar negeri Malaysia ialah sebanyak \$40.2 bilion. Daripada jumlah ini, \$23.1 bilion adalah hutang Kerajaan Persekutuan, \$10.8 bilion adalah hutang Perusahaan Awam Bukan Kewangan dan \$6.3 bilion adalah hutang luar negeri sektor swasta.

Kerajaan tidak menghadapi sebarang masalah untuk membayar balik hutang-hutang itu, malah dari masa ke semasa, Kerajaan pernah membuat beberapa pembayaran lebih awal dari jadual pembayaran pinjaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia tidak pernah gagal untuk membayar balik hutang walaupun negara menghadapi kemelesetan ekonomi seperti pada tahun 1985 dan 1986.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (23hb Julai, 1992)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat dari Maran sambung.

3.36 ptg.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk menyambung apa yang saya cakapkan pada 23hb Julai yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sambungan saya ini berdasarkan kepada *Hansard*. Saya tidak berdasarkan kepada Laporan Parlimen melalui Radio pada 23hb Julai jam 8.45 malam di mana Laporan itu menyatakan bahawa cadangan untuk mengadakan Kementerian khusus iaitu Kementerian Hal Ehwal Dadah perlulah diwujudkan. Laporan menyatakan yang bercakap itu ialah Yang Berhormat dari Padang Terap, bukan daripada Maran; sebenarnya saya bercakap. Ini hanya pembedulan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi penambahan bilangan penagih dadah dari sebulan ke sebulan iaitu dalam satu bulan seramai 500 orang. Kalaulah menjelang tahun 2000 penagih dadah akan meningkat pada 48,000. Apabila sampai ke tahun 2020 maka kita akan berjumpa dengan penagih dadah seramai 600,000 orang. Itu yang cara jelas kalau dikalikan dengan 5, berapa bilangan penagih-penagih dadah yang bertambah. Pada tahun 1990, 928 orang penagih dadah ditangkap, dan pada tahun 1991 seramai 10,750 orang. Jumlah

rampasan dadah ialah 1,246 kilogram. Ini nampaknya penagih makin bertambah dan dadah yang kita rampas juga semakin bertambah. Kemudian kita lihat jangkitan daripada dadah ialah penyakit AIDS. Ada ramalan iaitu sehingga menjelang tahun 2000 usaha merawat penyakit AIDS dan kehilangan produktiviti dan lain-lain belanja di seluruh dunia dianggarkan \$890 sehingga \$1,285 billion akan digunakan oleh dunia bagi mengubati penyakit-penyakit ini. Jadi, selain daripada saya mencadangkan supaya kita mengadakan Kementerian khusus iaitu Kementerian Hal Ehwal Dadah, kalau perlu Kerajaan memikirkan terus diadakan Kementerian Hal Ehwal Dadah dan AIDS kerana kita perlu memerangi penyakit ini bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita mengisytiharkan Darurat pada tahun 1948, kita mengatakan ketika itu ialah komunis adalah merupakan musuh negara nombor satu. Kemudian pada tahun 1983, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa dadah adalah merupakan musuh negara nombor satu. Jadi, tidak keterlaluan kalau saya katakan supaya kita mengadakan Kementerian yang khusus bagi mengatasi perkara ini.

Sekiranya Kerajaan tidak mampu untuk mengadakan Kementerian yang khusus, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan menjalankan tindakan sebagaimana kita menjalankan tindakan semasa kita menghapuskan komunis di masa Darurat tahun 1948. Yang mana kita perlu memerangi dadah secara total berstatuskan darurat, iaitu kuasa-kuasa darurat dianugerahkan kepada Kerajaan menangkap dan menyimpan dalam tahanan tanpa perbicaraan di mahkamah, kuasa yang luas ini musatahak sekali untuk membolehkan ditangkap dan ditahan sesiapa yang disyaki setelah dilaporkan terlibat dengan kegiatan sebagai pengedar. Sekatan dan pemeriksaan yang keras hendaklah diadakan di tiap-tiap pintu jalan masuk

atau sungai yang menyambungkan ke kampung-kampung atau bandar-bandar dalam mana sudah dipastikan terdapat kumpulan-kumpulan penagih dadah. Petugas-petugas hendaklah bersenjata sama ada dengan anggota-anggota RELA, Polis Khas atau Pasukan Kawalan Kampung. Semasa Darurat 1948, semua penumpang bas, semua orang-orang memiliki kereta dipaksa keluar untuk diperiksa. Pemeriksaan untuk menangkap pembawa-pembawa makanan yang berlebihan tanpa pasport atau membawa senjata api. Petugas-petugas, pemegang-pemegang kuasa Darurat, Polis dan Tentera dan semua anggota bersenjata hendaklah diperiksa dahulu bagi kepastian tidak terlibat sebagai penagih atau pengedar. Perbelanjaan kewangan yang besar jumlahnya terpaksa digunakan, dan demikianlah besarnya peruntukan yang dibelanjakan semasa Darurat 1948. Semak sahaja berapa banyak Balai Polis yang terpaksa didirikan di merata-rata ceruk-rantau di negara ini ataupun menumpang di rumah-rumah yang sedia, yang sesuai sebagai pusat kawalan. Selain daripada bangunan untuk pusat kawalan, Kerajaan terpaksa membekalkan senjata-senjata, kenderaan-kenderaan di jalan raya, udara, laut dan sungai.

Majlis Keselamatan Negara hendaklah menjadi badan induk berkuasa eksekutif yang menentukan garis-garis tindakan dan pelaksanaan dan dibantu di peringkat negeri oleh Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Daerah. PEMADAM hanya merupakan medan merebut jawatan dan kadangkala penyelewengan-penyelewengan berlaku. Operasi besar-besaran menggempur hendaklah diadakan dari masa ke semasa. Hadiah-hadiah wang kepada pemberi maklumat dan pampasan-pampasan yang menggalakkan hendaklah diberi ke atas mangsa-mangsa sasaran tindakan balas pengedar.

Bilangan Polis mestilah ditambah. Janganlah mengikut kekerapan jenayah bagi ukuran untuk menambah bilangan anggota Polis dan Pondok Polis ataupun Balai Polis, kerana kita berpendapat mencegah itu lebih baik daripada kita mengubati. Sebab itulah kita perlu kepada bilangan anggota Polis yang ramai, Pondok Polis dan Balai Polis yang banyak bagi mengawal dan mencegah supaya dadah ini tidak merebak.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sekiranya tidak dapat di antara cadangan saya ini supaya mengadakan Kementerian yang khusus, kalau tidak dapat mengadakan Kementerian Hal Ehwal Dadah, tidak dapat mengadakan Kementerian khas mengenai hal ehwal dadah dan AIDS, saya mengharapkan supaya Kerajaan menjalankan operasi memerangi dadah secara total berstatus darurat sebagaimana yang dijalankan pada tahun 1948. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Marang.

3.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bagi menyertai perbahasan berhubung dengan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan), saya berpendapat bahawa kita tidak akan dapat mencapai matlamat untuk mengatasi dan seterusnya membasmi dadah dan jenayah yang berkait dengannya selagi pindaan yang dikemukakan tidak merangkumi segala aspek yang perlu bagi mengatasi masalah tersebut sama ada berhubung dengan dadah yang diharamkan ataupun mereka yang melakukan jenayah itu ataupun mereka yang menguatkuasakan undang-undang, perlu diambil kira daripada semua pihak. Sesuatu undang-

undang yang dikemukakan bukanlah sekadar untuk mendera orang yang melakukan kesalahan tetapi juga untuk mendidik orang yang melakukan jenayah dan mendidik masyarakat supaya tidak melakukan jenayah itu.

Sekiranya kita mengkaji perundangan Islam, kita akan dapati hukum-hukum yang berkait dengan hudud, qisas dan seumpamanya disertakan dengan ayat-ayat dan keterangan yang menunjukkan bahawa undang-undang yang dikuatkuasakan itu adalah mendidik. Umpamanya, berhubung dengan hukuman qisas, hukuman bunuh kepada jenayah membunuh disebut, "Dan bagi kamu dalam perkara hukuman qisas itu adalah membawa kehidupan, wahai orang-orang yang mempunyai fikiran." Apabila penjenayah tidak berani lagi melakukan jenayah membunuh, membawa kehidupan kepada masyarakat dan individu, yang berkait dengan pencurian umpamanya, selepas disebut berkenaan dengan hukumannya mencuri, disebut dengan, "Nakalam minallah"—Cegahan daripada Allah. Begitu juga yang berkait dengan perzinaan, selepasnya disebut dengan, "Nakalam minallah,"—Cegahan daripada Allah.

Apa yang berlaku di dalam negara kita pada hari ini, walaupun dikuatkuasakan undang-undang yang begitu keras, yang begitu hebat dengan pelaksanaan yang bersungguh-sungguh, tetapi tidak dapat mengatasi jenayah daripada berlaku, ini menandakan ketidak berkesan undang-undang yang dilaksanakan. Oleh kerana itu, ia perlu dikaji dengan cara yang sedalam-dalamnya supaya undang-undang yang dikuatkuasakan itu benar-benar mendidik, mengajar, bukan sahaja mendera dan menghukum. Supaya undang-undang yang dikeluarkan itu dapat menguasai hati dan fikiran, bukan sahaja menyakitkan badan, tidak dinafikan bahawa kadang-kadang mendidik itu dengan menyakitkan badan, tetapi menyakitkan sahaja

tidak cukup, mestilah mempunyai syarat-syarat yang penting. Undang-undang yang diluluskan itu mestilah dengan ikhlas, umpamanya dalam masalah dadah, terdapat ketidakikhlasan di dalam mentakrifkan dadah ini. Kerana tujuan kita mengharamkan dadah ini ialah kerana memabukkan, kerana mengkhayalkan, dan akibat yang timbul daripadanya, padahal yang memabukkan itu bukan sahaja dadah, termasuk arak, termasuk beberapa bahan yang lain, yang mungkin dibenarkan. Mengapa kita menyebut dadah sahaja najis dan haram? Kita tidak menyebut arak juga adalah najis dan haram. Di sana ada arak yang berlesen, ada arak yang tidak dianggap najis, ini menandakan ketidak ikhlasan di dalam mengemukakan takrif bagi mengharamkan sesuatu kepada masyarakat.

Oleh kerana ada yang memabukkan dan dibenarkan, ada yang memabukkan dan diharamkan, menyebabkan berlakunya double standard, berlakunya diskriminasi di dalam menguatkuasakan undang-undang dalam masalah dan takrif itu sendiri.

Kedua, undang-undang yang dikuatkuasa, saya masih tetap berpendapat bahawa hukuman mati kepada pengedar dadah yang dilaksanakan sekarang adalah bercanggah dengan Islam, walaupun ada jawapan daripada pihak yang berkenaan yang mengatakan ia tidak bercanggah. Saya suka memberi pandangan dengan cara-cara yang lebih detail. Dadah ini termasuk di dalam perkara takzir, tidak termasuk di dalam perkara qisas dan hudud. Perkara takzir, mengikut pendapat Mazhab Shafie yang menjadi mazhab kita umat Islam di Malaysia, tidak boleh dikenakan mengatasi hukum hudud dan qisas, walaupun di sana ada pendapat-pendapat di kalangan ulama Islam bagi membasmi jenayah yang dikenakan hukuman takzir, sekiranya tidak boleh diatasi dengan hukuman dera, maka boleh dilakukan dengan hukuman bunuh, tetapi hukuman bunuh

itu bukannya hukuman mandatori. Itu bukannya satu-satu hukuman. Mungkin penjenayah itu melakukan kesalahan pada kali yang pertama, dia telah dijatuhkan hukuman bunuh.

Yang kedua, bagi mensabitkan kes ini terdapat kelemahan-kelemahan yang sangat banyak, dan masalah saksi, mengikut Islam orang yang menjadi saksi mestilah orang yang adil, orang yang tidak berbohong, orang yang mempunyai latar belakang yang baik, yang mempunyai maruah yang tinggi. Ini semua orang boleh menjadi saksi bagi menuduh seseorang itu mengedar dadah dan seumpamanya. Di dalam mesabitkan kes melalui pengakuan, kemungkinan pengakuan itu dilakukan dengan paksaan, setelah dipaksa, dipukul dan dibelasah, dia mengaku, pada hal dia tidak melakukan kesalahan itu. Dia mengaku salah kerana dia dibelasah dan dipukul. Maka kemungkinan berlakunya kezaliman di dalam penguatkuasaan undang-undang itu sendiri dan seterusnya masalah orang yang menguatkuasakan undang-undang itu. Kita baca di dalam akbar berlakunya perebutan kuasa di dalam PEMADAM, berlakunya penyelewengan di dalam PEMADAM dan berlakunya pengedaran dadah di tempat-tempat pemulihan dan Pusat Pemulihan terdapat khabar angin yang tersebar dengan luas, menjadi rahsia yang terbongkar bahawa orang yang berada di tempat pemulihan itu ada lagi mendapat bekalan dadah. Ini menjadi perbualan umum.

Terdapat mereka yang menguatkuasakan undang-undang yang melakukan kerja kesalahan yang sama. Ini adalah perkara ketidakikhlasan—pagar makan padi. Apabila tidak wujud keikhlasan di dalam menguatkuasakan undang-undang, maka undang-undang yang diamalkan itu tidak memberi satu kesan yang baik. Oleh kerana itu, saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan mengkaji semula undang-undang dadah yang ada sekarang supaya ia benar-benar menepati prinsip keadilan dan

keikhlasan yang sesungguhnya. Saya ingin menyebut sebagai suatu contoh bagaimana hendak menghapuskan sesuatu kesalahan itu bukan bergantung kepada kerasnya undang-undang, tetapi bergantung bagaimana undang-undang itu dapat mendidik dan mengajar hati manusia.

Sebagai satu contoh dalam masalah mengharamkan hamba abdi, Abraham Lincoln meluluskan undang-undang pengharaman penggunaan hamba abdi, menghukum orang yang memakai hamba abdi. Islam dalam keadaan realiti yang berlaku di masa dahulu memberi keizinan penggunaan hamba abdi, tetapi dengan syarat-syarat yang ketat. Mesti diberi makan dengan makanan yang sama dengan tuannya, diberi pakaian yang sama, layanan yang adil dan menentukan hukuman kepada kesalahan-kesalahan yang tertentu dengan memerdekakan hamba abdi, dijanjikan ganjaran dunia dan akhirat kepada sesiapa yang memerdekakan hamba abdi. Betapa hukum ini memberi kesan yang mendidik di dalam masyarakat Islam dapat menghapuskan penggunaan hamba abdi di dalam segala bentuknya. Tetapi di Amerika, walaupun undang-undangnya keras, pengabdian masih berlaku; rusuhan yang berlaku di Los Angeles adalah sebahagian daripada ciri-ciri yang menunjukkan kegagalan undang-undang Barat. Oleh kerana itu, kita perlu mengkaji semula bagi menyelesaikan masalah sebelum “nasi menjadi bubur.” Saya rasa sekadar itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):
Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah membahaskan Rang Undang-undang ini. Suka saya jelaskan sekali lagi bahawa tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengatasi masalah tafsiran di atas undang-undang yang sedia ada. Di atas hal ini Yang Berhormat dari Jelutong telah merujuk kepada kes Loo Kek Leong, bukannya Loo Kek Keong seperti yang disebutkan olehnya, yang mana di dalam kes tersebut telah timbul keraguan mengenai definisi cannabis yang seterusnya mengatakan bahawa tujuan pindaan ini ialah untuk mengeneppikan keputusan kes Loo Kek Leong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pindaan ini dicadangkan untuk memperjelaskan lagi definisi berhubung dengan kuantiti resin yang boleh didapati daripada tumbuhan-tumbuhan cannabis. Penjelasan ini diperlukan supaya persabitian tidak diragui.

Pada masa yang lalu terdapat beberapa kesulitan di dalam menentukan kuantiti resin di dalam cannabis. Tujuan pindaan ini juga ialah untuk membantu tugas-tugas Jabatan Kimia untuk membuat pencerakinan dan kerja-kerja lain yang berkaitan di dalamnya. Dalam hal ini ianya akan dapat membantu mahkamah untuk membuat keputusan. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menyatakan bahawa Seksyen 2 yang dicadangkan untuk dipinda itu belum pernah dipinda semenjak 40 tahun yang lalu dan definisi cannabis itu diluluskan oleh Lagislative Assembly dan bukannya Parlimen pada masa kini. Teguran Ahli Yang Berhormat ini menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat itu tidak memastikan perkara ini dengan teliti. Sebelum pada itu tiga pindaan telah dibuat bagi definisi cannabis dan pindaan tersebut telah dibuat melalui Akta Dadah Merbahaya Pindaan 1972, iaitu Akta A-112, berkuatkuasa pada 11.11.1972. Pindaan yang kedua dibuat bagi definisi yang berkaitan dengan cannabis iaitu melalui Akta A-492, dikuatkuasa pada 5.5.1980 dan pindaan yang ketiga dibuat....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hendak beri jalan? Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Pindaan yang ada dibuat pada masa dahulu, adakah itu mengenai quantity of resin atau pindaan yang lain? Bolehkah saya dapat tahu? Adakah berkaitan dengan resin di dalam cannabis?

Tuan Ong Ka Ting: Ketiga-tiga pindaan itu ialah untuk mentakrifkan atau mendefinisikan cannabis. Apa yang kita buat sekarang ini juga menakrifkan cannabis.....

Tuan R. Karpal Singh: Resin di dalam cannabis, itu tujuan pindaan sekarang.

Tuan Ong Ka Ting:....tetapi apa Yang Berhormat dari Jelutong masa itu kata berkaitan dengan cannabis ini belum pernah dipinda sejak 40 tahun, itu saya telah dengar dengan teliti.

Tuan R. Karpal Singh: Minta jalan, itu mengenai dengan apa yang ada di hadapan kita sekarang dan mengenai dengan resin di dalam cannabis. Itu pertama kali, bukan?

Tuan Ong Ka Ting: Tidak apa, tidak apa.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan tidak apa-apa, adakah benar, itu pertama kali dibacakan di dalam Dewan ini.

Tuan Ong Ka Ting: Jangan putar belitkan apa yang telah diperkatakan. Definisi ini tidak pernah.....

Tuan R. Karpal Singh: Mengenai resin, adakah benar ini pertama kali?

Tuan Ong Ka Ting: Jangan cuba hendak cover-up lagi, beri saya teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Jawab terus, dan selepas itu duduk.

Tuan Ong Ka Ting: Yang Berhormat tidak ada kuasa untuk panggil saya jawab. Itu hak saya. Kalau minta penjelasan dengan baik, saya akan jawab. (*Tepuk*) Apa yang saya hendak bangkitkan di sini, sebab Yang Berhormat dari Jelutong telah cuba memberitahu Dewan ini bahawa kita sewenang-wenangnya menukarkan definisi ini. Sesuatu yang telah dibuat pada masa 40 tahun yang lalu, tetapi pada hal hakikat ini sudah tiga kali kita pinda dan setiap kali kita pinda itu, sebab ada sesuatu kelonggaran dan sesuatu kelemahan yang kita perlu membetulkannya. Jadi, ini saya kena adakan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun, Yang Berhormat, minta jalan.

Tuan Ong Ka Ting: Okay; semuanya saya beri sekali sahaja.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi sekali sahaja, ini merangkumi kimia-kimia yang banyak. Saya tidak nampak di dalam itu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam penakrifan yang diadakan di dalam Seksyen 2 ini cuma satu "cannabis" dan whatever the name the plant may be designated, memang kita ada sebut hashish, charas, 'bhang', ganja, 'daga', marijuana - ada banyak jenis dan tidak disebutkan bagaimana definisi ini dapat dilaksanakan kerana kita tahu banyak jenis cannabis seperti cannabisativa variety Andiq, "cannabisativa variety Americana", banyak jenis sekali. Dan juga di dalam resin-resin, Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk "cannabinol", "cannabis diadiol, cannabinolic acid", "cannabigerol", "cannabicyclol" dan isomer-isomer "tetrahydrocannabinol". Yang sebenarnya biasa disebutkan ialah "L-Delta-9-tetrahydrocannabinol" yang

disebutkan sebagai resin cannabis. Di sini tidak disebutkan kimia-kimia yang telahpun saya sebutkan tadi mengenai resin-resin dan tidak jelas di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini, kita mesti definitive, mesti jelas dan tidak boleh mewujudkan was-was seperti Wawasan yang mewujudkan was-was. Itulah banyak jenis lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk kesan-kesan resin-resin ini....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tolong singkatkan soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebenarnya itu satu soalan yang merangkumi berbagai kimia, kerana diberi satu chance sahaja, satu peluang. Tidak ada peluang yang kedua—susahlah. Seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan pun dia beri satu peluang sahaja. Kadangkala setengah peluang pun tidak beri. Jadi, kerana itulah saya berharap Yang Berhormat dapat menjelaskan mengenai kesan-kesan kimia-kimia yang telah saya sebutkan tadi ke atas otak, ke atas jantung dan ke atas pelbagai organ di dalam badan kita kerana hanya dengan mengadakan perkataan "cannabis" dan "resin" ini tidak mencukupi untuk melaksanakan undang-undang, untuk menegakkan keadilan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Walaupun dia sudah sebut banyak nama bertujuan untuk menakut-nakutkan saya kononnya saya tidak faham.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah, saya kata 'kononnya'. Tetapi untuk maklumat Ahli dari Kepong, jangan ingat dia seorang sahaja tahu semua istilah-istilah

yang sama ada biologi ataupun kimia itu. Walau bagaimana dia sebutpun, cannabis ini tidak dapat lari dari kesan dadah. Apa yang kita bincangkan hari ini ialah dadah berbahaya dan oleh sebab itulah kita hendak mengelakkan keadaan yang mana nanti sampai ke mahkamah ada peguam-peguam yang pandai memutarbelit sangat, nama lain sedikit, jadi culprit-culprit nanti akan terus dibebaskan. Jadi, tidak kira apa jenis nama dia cannabis, kalau ada resin, ada kesan dadah, kita kena pastikan ini adalah cukup ketat dan tidak longgar sangat.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Tuan Ong Ka Ting: Nanti, saya belum habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Lagipun janganlah ingat sebab dia ialah seorang doktor, dia tahu semua. Saya pun seorang ahli sains. Pada masa dahulu saya belajar biologi dan kimia semasa di Universiti Malaya. Jadi, jangan ingat dia seorang sahaja yang tahu. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak payah kita buang masa. Selama tiga hari saya sudah dengar banyak perbahasan. Pada masa itu, banyak peluang diberi tetapi tidak langsung mereka sentuh tentang kesan cannabis, tidak menafrifkan cannabis ini, berdebat secara sains—tidak, tetapi bangkit macam-macam perkara yang di luar, sampai video pun ada masuk.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Tuan Ong Ka Ting: Jadi, sekarang ini - saya rasa hendak teruskan - tidak payah bahas lagi, dan saya ada banyak jawapan yang hendak dibuat sebab tiga hari sudah bincang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong, dia tidak beri jalan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bagaimana definisi bagi perkataan "cannabis" ini telah berubah dari masa ke semasa berbangkit dari kesukaran Jabatan Kimia membuktikan apakah kuantiti resin yang boleh diperolehi daripada tumbuhan jenis cannabis itu. Akibat daripada kesukaran memberi definisi yang tepat itu telah menyebabkan keputusan-keputusan mahkamah sendiri bercanggah yang juga disebabkan oleh peguam-peguam tertentu sendiri yang selalu boleh memutarbelit dan mengelirukan mahkamah.

Yang Berhormat dari Jelutong telah menyentuh peranan dan sikap Peguam Negara kerana kononnya cadangan pindaan ini akan menjejaskan kewibawaan beliau. Ingin saya menjelaskan bahawa peranan utama Peguam Negara ialah untuk memberi nasihat kepada Kerajaan. Sekiranya terdapat apa-apa dalam tafsiran perundangan yang kurang jelas, Peguam Negara perlu membawanya kepada perhatian Kerajaan.

Dalam hubungan ini, mahkamah pula berperanan di antara lain ialah memberi tafsiran. Jika penafsiran itu tidak konsisten atas perkara yang sama, pindaan Akta perlu dipertimbangkan supaya persabit-an-persabit-an yang pernah dijatuhkan tidak diragui oleh mana-mana pihak. Di samping itu, di dalam pindaan ini khususnya membolehkan Jabatan Kimia mengemukakan analisa tanpa keraguan. Kerajaan sentiasa menghormati akan keputusan mahkamah dan Kerajaan juga akan bertindak dalam semua perkara

mengikut undang-undang yang sedia ada. Di sini, ingin saya

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Tuan Ong Ka Ting: Tidak payahlah. Sudah cukup, banyak sudah cakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jelutong, dia tidak beri jalan.

Tuan Ong Ka Ting: Saya banyak lagi. Kena masa banyak lagi. Di sini ingin saya menafikan tuduhan Yang Berhormat dari Jelutong yang menuduh Kerajaan tidak menghormati akan keputusan mahkamah.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya. Dia tidak beri jalan. Itu hak dia, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Mengenai kes-kes yang berhubung dengan tangkapan, untuk perhatian Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak berkuasa...

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Jelutong bangun lagi.

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri, tidak beri. Dia sudah cakap banyak, cukuplah.

Saya sudah beri peluang.

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan. Yang Berhormat, buat apalah hendak buang masa.

Tuan R. Karpal Singh:....atas kepentingan orang ramai....

Tuan Ong Ka Ting: Okay, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong, duduklah.

Tuan Ong Ka Ting: Semasa you cakap, saya tak ganggu, dan bila saya cakap, you beri peluang pada saya. Okay?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Pihak berkuasa sentiasa memastikan semua tangkapan dan tahanan adalah dibuat dengan mengikut proses dan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri, tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak beri.

Tuan Ong Ka Ting: Okay? You boleh bangun, duduk, bangun, duduk,

tidak apa. Kalau sudah penat sedikit tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Yang Berhormat dari Jelutong juga telah menyentuh mengenai jumlah pemilikan cannabis di mana jumlah yang ditetapkan di dalam undang-undang tersebut adalah tidak setimpal dengan hukuman mati jika didapati bersalah.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*) (*Menyampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri, tidak beri. Saya belum habiskan ayat ini. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan, Jelutong.

Tuan Ong Ka Ting: Pada masa ini.....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan, ya.

Tuan Ong Ka Ting: Pada masa ini pengedaran dan pemilikan dadah masih belum berkurangan. Seseorang yang memiliki dadah jenis ini sebanyak 200 gram....

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kok Lanas bangun, hendak beri?

Tuan Ong Ka Ting: Kok Lanas saya beri. (*Ketawa*)

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berhubung dengan masalah cannabis ini telah terbukti bahawa dari

kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri, daripada jumlah kes pengedaran dadah yang bertambah dari masa ke semasa hukuman mati mandatori yang dikenakan ke atas pengedar dadah ternyata tidak memberi apa-apa kesan. Dalam sidang Parlimen yang lepas, saya telah mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan beliau berjanji untuk mengkaji dan kalau perlu meminda undang-undang iaitu menaikkan jumlah cannabis, jumlah bagi kesalahan memiliki cannabis ataupun mengedar cannabis dari 200 gram yang ada sekarang kepada 500 gram sebabnya kebanyakan daripada kesan yang berlaku akibat daripada penyalahgunaan dadah jenis cannabis ini tidak serius dan jumlah 200 gram adalah terlalu sedikit untuk menjatuhkan hukuman mati ke atas pesalah-pesalah. Bagaimanakah dengan keadaan ini? Adakah pihak Kementerian bersetuju untuk membawa suatu pindaan ke dalam Parlimen ini bagi menaikkan jumlah khususnya bagi cannabis?

Tuan Ong Ka Ting: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas. Kalau cadangan begitu konkrit, kita boleh bincang, bukan sesuatu yang sengaja hendak keluar.

Mengenai jumlah kes cannabis sudah bertambah.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Saya tak sempat jawab lagi, nantilah beri saya jawab dulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sila jawab dulu.

Tuan Ong Ka Ting: Apa yang Kementerian pada masa ini mengambil perhatian yang serius ialah kesan cannabis ini. Pertamanya, cannabis ini

telahpun dikesan di kalangan pelajar-pelajar, mereka selalu mula dengan cannabis ataupun ganja. Kalau kita tidak memastikan pencegahan dari segi pengedaran ini dengan sesuatu hukuman yang serius, maka pengedar-pengedar akan ambil kesempatan dan akan terus masuki bidang pelajar, itu akan jadi satu perkara yang serius. Walaupun nampaknya ada kes-kes keseluruhan dadah - bukan sahaja cannabis - bertambah, itu adalah disebabkan faktor-faktor yang lain dan sebenarnya bukan sebab undang-undang tidak berkesan. Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya dari Pembangkang sudah menyatakan mungkin undang-undang kita tidak berkesan. Sebenarnya ini adalah satu pandangan atau anggapan mereka. Kalau sekiranya tidak ada undang-undang yang cukup berat sekarang ini, mungkin kes-kes akan berlipatganda 3-4 kali, tetapi dengan adanya undang-undang pencegahan yang cukup ketat, kita dapat kawal kes-kes ini dalam satu tahap dan lagi pun Kerajaan akan terus mengkaji jalan-jalan lain supaya culprits ini tidak dilepaskan begitu sahaja. Sebab itu kita kena selalu membaiki undang-undang sejak negara kita merdeka sampai hari ini, dan tujuan itu tidak berubah. Walau bagaimanapun, mengenai apa Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas sudah bangkitkan itu saya rasa, kalau pihak Menteri sudah katakan hendak kaji, memang sudah dalam perhatian beliau, tetapi setakat ini kita belum ada cadangan untuk meminda supaya 200 gram ini ditambahkan.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada jawapan Yang Berhormat tadi dan juga tambahan daripada Yang Berhormat dari Kok Lanas mengenai menetapkan beratnya resin ini, dan memandangkan resin ini terdiri daripada pelbagai kimia, kita mesti tetapkan tiap-tiap kimia itu, bukan

sahaja sekali gus, kerana kesan ke atas organ seperti otak ataupun jantung itu tak serupa. Memang kesan cannabinol dan cannabidiol dan juga kesan tetrahydrocannabinol tak serupa. Jadi macam mana pihak Kerajaan boleh adakan satu quantity of resin macam 200 gram itu? Itu tak cukup dan tak adil bagi pesalah untuk dihukum dengan hukuman mati mandatori. Jadi setakat ini, walaupun sesudah beberapa tahun Akta ini dipinda hari ini, ianya tak lengkap untuk menyaksikan satu keadilan, yang betul-betul melakukan keadilan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun selama ini beberapa orang Ahli Yang Berhormat sudah bincangkan perkara ini di luar daripada apa yang kita bincang sekarang, iaitu definisi, pentakrifan 'cannabis', tetapi mereka sudah bercakap tentang 200 gram atau 500 gram, itu seksyen yang lain, tetapi saya layan juga sebab dia sentuh itu kalau tidak layan dan tidak dibetulkan, nanti mengelirukan orang.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun lagi.

Tuan Ong Ka Ting: Saya belum jawab.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Beri dia jawab dulu, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Sama ada kena atau tak kena, sudah berbangkit, jadi saya jawablah. Yang 200 gram itu, tak kira kesan sama ada cannabinol, tetrahydro atau apa-apa, tak kira kesan macam mana berlainan, tetapi kesan dadah itu memang pasti sudah ada. Jadi 200 gram ini macam mana ringan pun, kalau Yang Berhormat dari Kepong ingat 200 gram ini tak serius, biar dia cuba. (*Ketawa*) 200 gram itu dia makan semua

ataupun hisap semua, tengok apa kesannya! (*Ketawa*) Kalau dia ingat dia hendak tunjukkan, biar dia cuba. Saya boleh cabar dia buat satu ujian bagi habiskan semua 200 gram. Tengok ada kesan buruk, boleh cukup membunuh seseorang atau merosakkan otak seseorang atau tidak.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalankah?

Tuan Ong Ka Ting: Tak payahlah, saya belum habis, dia sudah cakup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskanlah.

Tuan Ong Ka Ting: Itu tujuan.....

Dr Tan Seng Giaw: Point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti, point of order. Duduk sebentar ya!

Dr Tan Seng Giaw: 36 (6) - sangkaan jahat, dan kebetulannya dia itu ahli sains daripada Universiti Malaya, memang universiti ini tidak memberi ilmu yang baiklah (*Ketawa*), ilmunya tak baik sehingga fikiran pun tak baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Saya tak nampak ini ada kena-mengena dengan sangkaan jahat, tetapi apa yang dilafazkan oleh Yang Berhormat sendiri itu saya rasa itu merendahkan martabat universiti yang berkenaan. Ya, teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun dari universiti yang sama, takkan nama terjejas. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itupun tak ada kena-mengena. (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengedaran dan pemilikan dadah masih belum berkurangan. Jadi seseorang yang memiliki dadah jenis itu sebanyak 200 gram atau lebih adalah munasabah untuk dianggap miliki untuk tujuan pengedaran ataupun, dengan izin, trafficking. Adalah sangat menghairankan Ahli Yang Berhormat boleh menganggap bahawa sekiranya cannabis merupakan sah tera, kita boleh menganggap perkara itu perkara yang ringan.

Ahli Yang Berhormat juga mengheboh-hebohkan soal morality. Penyalahgunaan dadah meninggalkan kesan-kesan yang buruk ke atas mereka yang menjadi penagih, dan ini termasuklah kesan-kesan yang boleh dikatakan immoral. Negara tidak mahu melihat lebih ramai muda-mudi terlibat dengan penagihan dadah dan memberikan kesan buruk kepada keluarga-keluarga penagih. Mereka yang terlibat dalam penagihan akan menjadi mangsa keruntuhan moral dan kesusahan kepada keluarga-keluarga mereka.

Sebagai sebuah negara Malaysia yang mengamalkan nilai kehidupan yang murni seharusnya tidak boleh dibanding dengan negara-negara lain. Kita mestilah mempunyai sistem sosial yang tersendiri yang mana pada masa ini telah menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.

Secara keseluruhannya, kesan pengedaran dadah akan mengakibatkan keruntuhan moral, kerosakan sosial dan menjejaskan keselamatan dan ekonomi negara. Sekiranya tiada pengawalan dan perundangan yang ketat, ia akan mengancam kestabilan dan keselamatan negara. Pada masa ini Kerajaan akan segera memperbaiki sekiranya terdapat beberapa kelemahan dalam undang-undang yang sedia ada. Undang-undang yang sedia ada di negara ini adalah

merupakan undang-undang yang baik dan sesuai untuk keadaan negara kita sekarang.

Yang Berhormat dari Jelutong juga sebagai seorang pakar undang-undang saya rasa, tentu tahu dan memahami kandungan pindaan Rang Undang-undang ini, sebab dalam Rang Undang-undang ini tidak sebut di mana-mana bahawa Rang Undang-undang ini akan dikebelakangkan, dengan izin, retrospective penguatkuasaannya. Ini bermakna Rang Undang-undang ini akan dikuatkuasakan satu hari selepas ianya diwartakan setelah jadi Akta. Jadi soal 'retrospective' itu tidak timbul langsung.

Tuan Yang di-Pertua, kempen anti dadah merupakan kegiatan dalam bidang pencegahan awal dijadikan satu strategi utama dalam usaha Kerajaan untuk membanteras penyalahgunaan dadah. Kerajaan tidak pernah mengurangkan sebarang kempen dan aktiviti anti dadah. Mungkin kebelakangan ini.....

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kok Lanas bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa memang ini substantive law, jadi tidak boleh dikuatkuasa kebelakangan, itu kita faham. Cuma masalah yang timbul sekarang ialah ketidakadilan yang saya rasa akan berlaku selepas daripada ini, kesalahan-kesalahan yang berlaku sebelum daripada undang-undang ini akan berkuatkuasa. Katakan keterangan timbul selepas daripada ini di mahkamah tentang kandungan resin yang dimaksudkan oleh pindaan kepada definisi 'cannabis' ini. Sebelum daripada ini, yang tertuduh, kalau itulah alasan yang dibawa ke mahkamah, akan mendapat acquitted and discharged,

dilepas dan dibebaskan. Tetapi kemungkinan selepas daripada ini dia akan mendapat suatu sabitan. Jadi akan timbul satu suasana di mana apabila pindaan ini dibuat, kes-kes yang telah berlaku tetapi masih pending di mahkamah dan belum dibicarakan lagi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini saya rasa satu ketidakadilan akan berlaku nanti.

Tuan Ong Ka Ting: Itulah tujuan kita pinda dan pastikan seseorang yang benar-benar pengedar tidak dapat dilepaskan. Kalau sekiranya mereka itu benar-benar mempunyai cannabis seperti ditakrifkan, mengapa pula kita benarkan dia lepas begitu sahaja. Kalau sekiranya mereka yang terlebih dahulu itu telahpun dilepaskan atas sebab dan definisi yang ada kelemahan atau kelonggaran, maka mereka itu memang sudah dilepaskan, kalau tidak mereka akan masuk dalam suatu keadaan yang lain. Saya rasa mereka itu memang kita tidak boleh berbuat apa-apa, tetapi kita tidak mahu pula orang yang akan datang itu dilepaskan begitu sahaja. Kita tidak nampak ada apa-apa masalah dengan adanya pindaan ini akan mengakibatkan atau membawa apa-apa ketidakadilan kepada siapa-siapa, pada hal ianya akan membawa lebih keadilan kepada mangsa-mangsa dadah. Itu pada pandangan Kerajaan dan saya rasa Dewan yang mulia ini terima....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Jelutong bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Penjelasan?

Tuan R. Karpal Singh: Ya. Apa yang dikatakan tadi, definisi ini akan berkuatkuasa untuk kes-kes yang sekarang dalam perbicaraan atau kes-kes yang berlaku selepas definisi ini dikuatkuasakan. Bolehkah saya mendapat tahu dengan tepat oleh kerana ini tentu

akan digunakan di dalam mahkamah pada masa akan datang, dengan tepat?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, macam mana dia tidak tahu, dia lebih tahu daripada saya. Saya sudah kata apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan menjadi satu Akta, satu hari selepas diwartakan dan dikuatkuasa, tidak kira kes apa. Jadi apabila ada apa-apa kes melibatkan perkara ini, mahkamah akan menggunakan undang-undang yang telahpun diwartakan. Itu saya rasa sebagai pakar undang-undang dia memang sudah tahu dan saya baru tadi saya sudah terangkan.....

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, ini tidak jelas.... (*Menyampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Kena jujur.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Kea): Nanti dahulu, hendak beri jalan?

Tuan Ong Ka Ting: Okay. Ini last sekali.

Tuan R. Karpal Singh: Peguam-peguam dalam negara adalah penting. Kes-kes yang ada dalam perbicaraan sekarang atau 'pending cases', would those be affected by this definition, dengan izin.

Tuan Ong Ka Ting: Jawapan saya sudah jelas, apa-apa kes selepas satu hari diwartakan akan kita gunakan undang-undang ini. Jadi tidak payahlah kita kata kes apa - kes apa, itu dia sudah tahu.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*) (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Jelutong bangun lagi.

Tuan Ong Ka Ting: Saya tidak boleh jawab soalan itu, sebab cara soalan itu dikemukakan, saya kena jawab dalam keadaan yang saya fikirkan perlu....

Tuan R. Karpal Singh: Kes ini, adakah terlibat dengan.....(*Menyampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Iaitu apa-apa kes selepas.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sabar.

Tuan Ong Ka Ting:... satu hari diwartakan. Itulah tetap jawapan saya.

Tuan R. Karpal Singh: Bagi kes-kes yang ada kaitan.....

Tuan Ong Ka Ting: Saya tidak mahu jawab soalan yang dibangkitkan seperti dalam bentuk itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan R. Karpal Singh: Perkara ini penting....

Beberapa Ahli: Duduklah.

Tuan R. Karpal Singh: Ini penting.....

Tuan Ong Ka Ting: Cukup, cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Ini penting kepada semua peguam-peguam dalam negara kita.

Tuan Ong Ka Ting: Peguam-peguam sahaja, jadi mangsa-mangsa dadah tidak penting....

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Ha! itulah. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat, ya...

Tuan R. Karpal Singh:
(*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Tadi dia kata, akan dibuat kajian...

Tuan Ong Ka Ting: Okay.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau bukan untuk semua pihak, untuk siapa?
(*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Jawapan saya ialah saya pegang kepada apa yang telah saya jawab tadi, di dalam usaha itu Kerajaan mengadakan kegiatan anti dadah berpanjangan dengan menggunakan segala saluran. Ini bagi meningkatkan kesedaran dan ke-sefahaman kepada segenap lapisan dan golongan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat usaha-usaha itu digerakkan oleh Pasukan Petugas Anti-Dadah Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama lain-lain Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Pada waktu Pasukan Petugas Anti-Dadah ditubuhkan purata penagih-penagih baru yang dikesan adalah dalam lingkungan 1,200 orang setiap bulan, kini bilangan itu sudah dapat dikurangkan kepada kadar hanya 400 orang penagih dadah sebulan. Kerajaan masih tidak puas hati dengan pengurangan ini dan masih terus berusaha untuk mengurangkannya lagi.

Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyarankan supaya ditubuhkan satu kumpulan kerja yang dapat membantu memberi ceramah-ceramah mengenai dadah berbahaya.

Pada masa ini kumpulan-kumpulan penceramah telah ditubuhkan di semua negeri bagi membantu memberi ceramah

kepada golongan-golongan sasar. Untuk menjayakan usaha-usaha ini penceramah-penceramah telah diberikan buku panduan yang berjodol "Dadah: Apa Anda Perlu Tahu". Pihak Polis akan sentiasa dan terus membendung kegiatan penyalahgunaan dadah di kawasan-kawasan tertentu dengan mengadakan beberapa serbuan dengan kerjasama pihak pemulihan.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan Marang telah menyatakan bahawa undang-undang yang sedia ada tidak berkesan dan seolah-olah semua undang-undang adalah mendera dan juga dakwaan bahawa program-program pemulihan yang dijalankan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah tidak berkesan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa ini adalah satu dakwaan yang tidak tepat. Saya ingin menjelaskan bahawa walaupun perdebatan yang telahpun diadakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu kebanyakannya terkeluar daripada tajuk pindaan ini. Tetapi saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan telah dan akan teruskan usaha melalui program-program pemulihan untuk mengelakkan mereka yang telah dipulihkan terlibat semula dengan penagihan dadah. Dan ingin juga saya menjelaskan bahawa program-program keagamaan telah disediakan seperti kelas-kelas agama termasuk amalan-amalan harian, syarahan-syarahan agama dan program tahunan seperti menyambut hari kebesaran agama. Untuk memperbanyakkan lagi program-program ini, Kerajaan menyeru supaya lebih ramai guru agama memberi khidmat sukarela kepada penagih-penagih dadah di Pusat-pusat Pemulihan.

Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan mengenai kekurangan Pusat Pemulihan bagi menampung keperluan. Pada masa ini Kerajaan akan terus menambah Pusat-pusat Pemulihan yang sedia ada.

Pada tahun 1992 sejumlah 23 buah Pusat Serenti yang sedia ada dan pada tahun 1993 akan ditambah kepada 25 Pusat Serenti, manakala Pusat Jagaan Lanjutan pada masa ini berjumlah 43 buah dan akan ditambah kepada 83 buah pada tahun 1994. Kerajaan juga telah menggunakan kemudahan pusat atau kawasan bekas kem tentera, polis dan rumah Kerajaan untuk dijadikan Pusat Serenti dan Pusat Jagaan Lanjutan.

Kerajaan belum bercadang mewujudkan projek in-situ bagi memulihkan penagih-penagih dadah kerana projek-projek ini menelan kos yang besar, melibatkan pertambahan kakitangan serta projek-projek begini memerlukan kawalan yang rapi.

Ingin saya tegaskan bahawa dasar pemulihan penagih-penagih dadah ialah dengan menempatkan mereka berada dalam masyarakat. Tujuan untuk mengintegrasikan mereka dalam masyarakat tidak dapat dilaksanakan sekiranya mereka ditempatkan jauh dari masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha penguatkuasaan terdapat beberapa faktor yang di luar kawalan agensi penguatkuasaan terutamanya penyeludupan dadah. Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan keberkesanan dengan mengadakan latihan tertentu dan membekalkan peralatan yang lebih canggih kepada agensi-agensi penguatkuasa. Baru-baru ini Kerajaan telah menerima alat penggelidahan kapal dan 'kit' ujian dadah dari Kerajaan British untuk digunakan oleh agensi-agensi penguatkuasa bagi membantu mereka mengesan dan menghapuskan penganjur-penganjur dadah.

Yang Berhormat dari Pasir Mas juga telah menyentuh mengenai penglibatan murid-murid sekolah dalam penagihan dadah.

Suka saya jelaskan bahawa pihak sekolah sentiasa peka dengan masalah ini, namun demikian kerjasama ibu bapa

dan masyarakat adalah diharapkan bagi membantu pihak sekolah mengatasi gejala ini. Sekiranya terdapat pelajar-pelajar yang disyaki penagih dadah mereka akan dihantar ke hospital untuk menjalani ujian air kencing. Untuk memberi kesedaran secara berterusan mengenai bahaya dadah kepada pelajar-pelajar sekolah, beberapa program pencegahan telah dilaksanakan melalui kurikulum dan aktiviti ko-kurikulum. Salah satu program ini ialah dengan memperuntukkan masa selama 5 minit waktu pertama persekolahan bermula untuk guru menyampaikan ceramah penyalahgunaan dadah. Di samping itu program-program khas pencegahan dijayakan melalui projek rakan sebaya atau PRS, Skim Rencana Anti-Dadah, Kuiz Anti-Dadah, Menulis Essay Anti-Dadah, Kolokiam Ketabahan Diri, Program Motivasi dan Kem Jaya Diri, Sesi Bimbingan dan Kaunseling Peribadi, Tema Pembangunan Insan dan Ceramah Agama dan Motivasi.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyentuh mengenai proses kenaikan pangkat guru-guru serta pengetua-pengetua sekolah yang terlibat dengan anti dadah ini, ingin saya jelaskan bahawa kenaikan pangkat guru-guru serta pengetua sekolah adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu termasuk prestasi dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Kerajaan memang berhasrat melibatkan semua lapisan masyarakat menyertai aktiviti Kempen Anti-Dadah. Di sini ingin saya menyeru supaya pemimpin-pemimpin masyarakat, Wakil-wakil Rakyat mengambil inisiatif untuk menjayakan kempen anti dadah tersebut. Beberapa pandangan dan cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Maran akan diberi perhatian dan akan dikaji oleh Kerajaan.

Untuk pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat yang lain, Kementerian saya telah ambil maklum dan akan terus diberi perhatian yang wajar. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memperuntukkan definisi baru “cannabis” yang terkandung dalam Seksyen 2 Rang Undang-undang ini. Tujuannya ialah untuk membuat tafsiran,

“cannabis” means any part of any plant of the genus cannabis from which there is found to be present resin irrespective of its quantity,— I stress “irrespective of its quantity”—and by whatever name the plant may be designated;’

Dalam kes ini, Tuan Pengerusi, kes Loo Kek Leong vs Public Prosecutor yang ada diputuskan oleh Mahkamah Agung pada 24 April tahun ini. Izinkan saya baca apa yang ada dalam penghakiman di Mahkamah Agung di muka surat 133.

“The point in question has arisen in connection with the definition of “cannabis” in the Dangerous Drugs Act

1952, hereinafter called the Act, in connection with the evidence of the chemist in this case”.

The “cannabis” is defined in section 2 as follows—ini adalah apa yang ada didefinisikan dulu daripada pindaan ini:

“Cannabis” means any part of any plant of the genus cannabis from which the resin has not been extracted”—I repeat “has not been extracted.”

Di sini, “..is found to be present resin irrespective of its quantity..”

Apa yang saya tanya tadi, Tuan Pengerusi, ialah dalam kes-kes yang tidak ada dibicara sampai hari ini, kes-kes yang ada “pending”, apa definisi yang boleh digunakan? Bolehkah saya dapat tahu daripada Setiausaha Parlimen? Apa definisi? Definisi lama atau definisi yang baru apabila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila Setiausaha Parlimen.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, seperti telah saya sebutkan tadi apabila undang-undang pindaan ini diwartakan nanti maka mahkamah akan terus menggunakan undang-undang yang telah diwartakan nanti. Jadi itu tertakluk kepada bila akta ini akan diwartakan untuk semua kes-kes yang terlibat.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Adakah definisi ini bagi kes-kes yang tidak ada dibicarakan sampai sekarang? Adakah apa yang ada dalam seksyen 2 ini, procedural atau substantive law? Oleh kerana procedural law adalah retrospective, Tuan Pengerusi. Tetapi substantive law adalah bukan retrospective. Adakah ini substantive law atau procedural law? Bolehkah saya dapat tahu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tidak payah dapat jawapan daripada saya. Dia pergi

mahkamah nanti, hakim-hakim akan beritahu dia yang mana satu boleh pakai.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu. Jelutong dulu.

Tuan R. Karpal Singh: Lebih baik, Tuan Pengerusi, kami selesaikan perkara ini di sini dulu. Tidak payah tunggu bagi hakim-hakim tafsirkan apa yang diluluskan oleh Dewan ini. Kalau begitu nanti balik ke Parlimen lagi sekali barangkali.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya rasa kita hari ini untuk meluluskan sama ada definisi ini boleh diluluskan atau tidak. Kita tidak bincang apa-apa perkataan yang lain. Jadi bukanlah tugas saya untuk menjawab apa-apa yang telah dia tokok tambah. Lagi pun dia sudah bacakan judgement tadi. Judgement itu dia hanya baca sebahagian. Judgement ini begitu panjang, ada juga hakim telah mengatakan, dengan izin, "We are of the view that the Parliament has defined 'cannabis'. The definition should be adhered to as closely as possible". Apa yang mahkamah selama ini telah buat keputusan mereka bergantung kepada definisi dan tujuan asal yang dibuat oleh Parlimen. Parlimen ditugaskan bagi 'define' ini betul-betul supaya ianya digunakan oleh mahkamah. Jadi sama ada procedural atau apa-apa soal perundangan yang lain tidak seharusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, dia tidak faham, dia langsung tidak faham apa yang dia cakap tadi. Tidak faham langsung! Apa yang dikatakan oleh Yang Arif Hakim dalam kes di Mahkamah Agung ini adalah mengenai definisi "cannabis" dulu, Tuan Pengerusi. Tetapi ini mengenai definisi sekarang dalam Rang Undang-undang

ini, adakah ini procedural atau substantive? Dan adakah ini berkuatkuasa atas kes-kes yang 'pending', yang tidak dibicarakan sampai hari ini? Adakah faham? Can you understand? Please try to understand, this is a very serious matter.

Tuan Ong Ka Ting: Apa yang dia kata serius...*(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat yang lain jangan mencelah.

Tuan Ong Ka Ting: Apabila dia cakap dengan cara itu, ingat semua orang lain tidak tahu undang-undang. Dia seorang yang tahu jadi semua orang lain itu tidak tahu, dia paling bagus. Ini sikap dia selama ini. Kalau dia hendak guna cara itu, dia boleh gunakan di mahkamah. Dia boleh tunjuk jari ke mana-mana di dalam mahkamah tetapi di dalam Dewan yang mulia ini dia kena hormat dan sopan-santun kepada sesiapa yang bercakap. Tidak payah dia tunjukkan jari dan kata "Understand", "tak understand?" Itu bukan perangai dia sepatutnya. Lebih-lebih lagi sebagai seorang Ahli Parlimen yang lebih senior daripada saya tentu dia tahu kalau senior, kalau saya baru sedikit, kalau ada apa-apa dia ingat saya tidak tahu, dia beritahu saya. Apa susah sangat. Hendak tunjukkan dia lebih superior daripada saya di sini. Tetapi tidak apalah, saya sudah biasa dengan perangai itu. *(Ketawa)*

Definisi lama yang pending itu masih kita pakai. Dia mahu saya jawab, saya jawablah.

Tuan R. Karpal Singh: Masih pakai? Sila rekodkan "masih pakai".

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar.

Tuan Ong Ka Ting: Jangan takut-takutkan saya. Saya tidak takut sama you. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak ada sesiapa yang takut. Teruskan.

Tuan R.Karpal Singh: Masih pakai!

Tuan Ong Ka Ting: Itu bergantung kepada cara dia tanya. Dia tanya baik-baik macam Kok Lanas saya jawab baik-baik. Kita ada maruah sendiri, bukan suka-suka untuk dia semata-mata.

Untuk kes yang lama atau yang pending, masih boleh pakai. Yang pending masih boleh pakai, okay?

Jadi, apa lagi dia hendak?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, ini Kok Lanas bangun pula.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Ini satu perkara yang saya rasa cukup pentinglah. Tadi dalam jawapan Setiausaha Parlimen ada kata kes-kes yang lama atau pending masih terpakai definisi lama.

Masalah yang akan timbul sekarang ini, barangkali Yang Berhormat dari Jelutong pun bermaksud kepada perkara yang sama. Satu perkara yang ketidakadilan akan berlaku. Katakan sekarang ini Dewan Rakyat lulus Rang Undang-undang ini, masuk ke Dewan Negara, kemudian Yang di-Pertuan Agong tandatangan, lulus. Kes-kes yang setakat ini masih belum lagi dibicarakan banyak di Mahkamah Tinggi. Memang banyak. Banyak kes-kes yang berlaku pada tahun yang sama dengan kes yang dirujuk oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi. Satu suasana yang akan berlaku, bila undang-undang ini dikuatkuasa, masalahnya pada masa itu, pada masa Hakim hendak membuat keputusan sudah tentulah tafsiran kepada undang-undang, definisi

'cannabis' yang ada sekarang akan dipakai. Pada masa itu bila undang-undang tafsiran ini dipakai, masalah yang dibangkitkan di dalam kes yang dirujuk oleh Yang Berhormat dari Jelutong tidak akan timbul. Bermakna kemungkinan tertuduh akan mendapat sabitan sedangkan sebelum daripada ini dia telahpun dibebaskan. Ini masalah. Bila undang-undang ini akan dikuatkuasakan nanti, ianya sudah tentu akan memberi kesan ke atas kes-kes yang masih pending di mahkamah yang ada pada hari ini. Saya hendak minta penjelasan bagaimana penguatkuasaan definisi ini selepas daripada undang-undang ini berkuatkuasa nanti.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, apa yang saya jelaskan tadi, definisi lama masih dipakai bagi kes-kes yang pending dan dari segi undang-undang substantive, apabila undang-undang berkuatkuasa barulah kes-kes yang subseksyennya telah dipinda akan dipakai untuk kes yang berlaku selepas undang-undang ini. Itulah apa yang setakat ini dapat saya jelaskan. Kalau hendak masuk kepada yang rumit-rumit sangat, minta maaf, saya tidak akan jawab untuk memasuki dalam perangkap di sini.

Fasal 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
HIBURAN (WILAYAH
PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan hiburan dan tempat-tempat hiburan dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 ini bertujuan untuk membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan hiburan dan tempat-tempat hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memandangkan pelesenan pertunjukan dan hiburan awam tidak dapat dibuat di bawah undang-undang yang sedia ada. Undang-undang asal bagi mengawal panggung dan tempat hiburan awam di Wilayah Persekutuan ialah Enakmen Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1936. Pada tahun 1937, Kaedah-kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam telah diperbuat di bawah Enakmen tersebut dan dikuatkuasakan bagi mengawal pelesenan pertunjukan dan hiburan awam. Pada tahun 1977 pula, Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam Wilayah Persekutuan 1977 telah menggantikan Enakmen Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1936 dan ianya sedang berkuatkuasa hinggalah sekarang.

Satu deraf kaedah-kaedah telah dicadangkan untuk dibuat di bawah Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977 bagi menggantikan Kaedah-kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1937. Walau bagaimanapun, deraf Kaedah-kaedah tersebut telah ditolak oleh Jabatan Peguam Negara atas alasan berikut:

- (i) Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977 tidak mempunyai peruntukan bagi pelesenan pertunjukan;
- (ii) lesen hanya boleh dikeluarkan untuk membuka panggung dan tempat hiburan awam bagi

sesuatu tempoh dan bayaran fee boleh dikenakan sekali untuk lesen itu bagi tempoh tersebut; dan

- (iii) kaedah-kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1937 membuat peruntukan mengenai bayaran fee pertunjukan yang tidak selaras dengan Enakmen Panggung dan Tempat Hiburan 1936

Selama ini pertunjukan dan hiburan awam adalah dikawal dengan pelesenan di bawah Kaedah-kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1937. Sementara itu, panggung dan tempat hiburan awam pula dilesenkan di bawah Bahagian VIII Undang-undang Kecil Perbandaran. Berpandukan kepada pandangan Jabatan Peguam Negara tersebut pelesenan pertunjukan dan hiburan awam tidak dapat diteruskan di bawah undang-undang yang sedia ada sekarang. Oleh yang demikian, bagi membolehkan pengawalan dan pelesenan pertunjukan dan hiburan awam diteruskan, satu Akta baru perlu diperbuat. Akta baru tersebut akan memansuhkan dan menggantikan Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini sukacita juga saya memberi sedikit penjelasan mengenai Rang Undang-undang ini:

- (a) Fasal 2 mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan di dalam Akta. Perkataan 'hiburan' ditakrifkan secara umum supaya meliputi lingkungan aktiviti di mana tempat-tempat hiburan yang orang ramai dibenarkan masuk ke situ;
- (b) Fasal 3 membuat peruntukan bagi Menteri memberi arahan-arahan kepada Dato Bandar tentang perjalanan kuasa-kuasa dan budibicara yang diberikan kepadanya;

- (c) Fasal 4 melarang apa-apa hiburan diadakan di mana-mana tempat hiburan melainkan lesen-lesen ada dikeluarkan berkenaan dengan hiburan dan tempat hiburan itu. Pelanggaran peruntukan ini menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi \$20,000 atau pemenjaraan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya;
- (d) Fasal 5 menyatakan kehendak-kehendak perhubungan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan dan lesen untuk membuka tempat hiburan. Permohonan hendaklah dibuat kepada Dato Bandar dalam borang yang akan ditetapkan. Dato Bandar mempunyai budibicara sama ada hendak memberi lesen atau tidak. Jika permohonan dibenarkan, lesen akan dikeluarkan apabila dibayar fee yang ditetapkan.
- Di bawah sub-Fasal (5), wang yang dikutip dari pemberian lesen hendaklah dibayar masuk ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan Kerajaan
- (e) Fasal 6 memberi kuasa kepada Dato Bandar untuk menghendaki pemohon memberi skrip, jika ada, dan maklumat lain yang dikehendakinya bagi maksud memutuskan sama ada hendak memberi lesen atau tidak.
- (f) Fasal 7 memperuntukkan bahawa sesuatu lesen yang dikeluarkan adalah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Dato Bandar.
- (g) Fasal 8 memperuntukkan supaya lesen dipamerkan di tempat ketara di tempat hiburan itu pada setiap masa.
- (h) Fasal 9 memperuntukkan bahawa lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak.
- (i) Fasal 10 memberikan kuasa kepada Dato Bandar untuk menghendaki seseorang pemegang lesen memberikan jaminan bagi pematuhan syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen serta juga peruntukan-peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Sekiranya berlaku pelanggaran, jaminan yang diberikan boleh dilucutkan kesemuanya atau sebahagiannya.
- (j) Fasal 11 memberi kuasa kepada Dato Bandar untuk membatalkan sesuatu lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau kedua-duanya jika telah berlaku pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Akta atau kaedah-kaedah dibuat di bawahnya.
- Sub-Fasal (2) menyatakan cara bagaimana penyampaian notis pembatalan hendak dilaksanakan.
- (k) Rayuan kepada Menteri terhadap keengganan untuk memberikan lesen atau pembatalan lesen atau pengenaan syarat-syarat atau sekatan-sekatan ke atas lesen adalah diperuntukkan dalam Fasal 12. Rayuan itu mesti diserahkan dalam tempoh 30 hari selepas diberitahu tentang keengganan pembatalan atau pengenaan syarat-syarat atau sekatan-sekatan atau perlucutan itu mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (l) Fasal 13 melarang mana-mana orang memberikan, membahagi-bahagikan, menjual atau menawar untuk dijual apa-apa tiket untuk menghadiri sesuatu hiburan atau mengeluarkan undangan ke mana-mana hiburan, melainkan satu lesen telah dikeluarkan di bawah Fasal 4. Ia juga melarang mana-mana hiburan melainkan jika lesen yang serupa telah dikeluarkan.

Seperti suatu tempat hiburan atau pub yang bernama 'Betelnuts'. Saya harap Timbalan Menteri boleh ambil nama ini. 'Betelnuts', di Jalan Sungai Pinang. Kalau tidak tahu di mana Sungai Pinang, iaitu di depan Holiday Inn in the park yang juga dikawal oleh sepupu Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan sangat famous sekarang. Di sana boleh dibuka sampai pukul 3.00 dan pukul 4.00. DBKL buat tuli, buta-membuta, tuli-menuli, tidak berani hendak ambil tindakan. Ataupun DBKL sudah dapat sumbangan. Itu saya tidak faham. Kalau DBKL tidak ambil tindakan, walaupun mereka tidak dapat rasuah, orang ramai akan buat satu tuduhan bahawa Pegawai-pegawai DBKL sudah makan wang, kalau rakyat Kelantan kata, 'makan pith', makan wang, rasuah. Oleh kerana tidak ambil tindakan dan ditempat yang lain lebih 10 minit diambil tindakan. Sebentar-sebentar pergi "raid" oleh kerana budak-budak di bawah umur 18 masuk terpaksa diambil tindakan.

Selepas saya dapat Rang Undang-undang ini, saya pergi tengok- tengok di kawasan Bukit Bintang. Boleh dikatakan banyak tempat yang buka hampir pagi pada hari Sabtu hingga pukul 4 atau pukul 5 pagi. Ini termasuk hotel besar, berapa banyak "five star" hotel pun begitu juga.

Apa DBKL buat sekarang? Apa? Saya hendak menyoal Timbalan Menteri, apakah tindakan pegawai DBKL? Apa mereka ini buat? Pengarah-pengarahnya diberi Volvo baru oleh DBKL, bukan Volvo biasa tetapi Volvo Turbo. Turbo kepada mereka untuk apa? Tujuannya yang saya tahu untuk mereka menjalankan tugas mereka. Dapat Volvo yang baik, mereka tidak menggunakan Volvonya untuk buat inspection di kawasanya. Yang mereka gunakan Volvonya di mana? Untuk pergi ke....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Sila.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah pihak Yang Berhormat menjelaskan sedikit, apakah bukti-bukti yang lebih jelas daripada apa Yang Berhormat tuduh tadi bahawasanya orang-orang tertentu telah menerima Volvo jenis apa tadi, supaya tuduhan Yang Berhormat itu berasas. Jangan Yang Berhormat buat tuduhan yang tidak berasas dalam Dewan ini.

Tuan Wee Choo Keong: Tuduhan itu berasas, oleh kerana soal Volvo yang diberi kepada pegawai itu sudah diakui oleh DBKL dan DBKL sudah memberitahu secara umum bahawa kereta Volvo ini diberi kepada pegawainya untuk menjalankan tugas mereka dengan licin dan senang dan kereta Volvo ini juga mesti diletak logo DBKL supaya mereka tidak menggunakan kereta ini untuk private use, dengan izin, tetapi sampai hari ini pada kereta-kereta Volvo yang diberi kepada pengarah-pengarah semuanya tidak diletakkan logo DBKL dan ianya digunakan secara persendirian mereka sahaja.

Jadi, dengan Volvo itu, mereka boleh pergi inspection, pergi buat satu checking di dalam ibukota dan mereka akan nampak semua.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dalam satu ketika dia mengatakan Volvo digunakan untuk sendiri dan satu ketika yang lain dikatakan untuk membuat inspection. Bolehkah beri penerangan? Point of order 36(1) - balik ke tajuk dan order

36(6) - menyakitkan hati pegawai-pegawai Dewan Bandaraya. *(Ketawa)*

Tuan Wee Choo Keong: Kawan dari Larut ini, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak berapa faham akan order 36(6), sebab pegawai DBKL bukanlah Ahli dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, order itu tidak tepat dengan apa yang kita bincang. Apa yang saya cakap ini adalah dalam tajuk yang kita bahas pada masa ini iaitu hiburan, dan Akta ini ialah untuk mengawal hiburan di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Tan Kok Wai: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sungai Besi.

Tuan Tan Kok Wai: Ini mengenai subject Volvo jugalah. Saya ingin minta penjelasan dari rakan saya dari Bukit Bintang, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebelum semua pengarah-pengarah Jabatan-jabatan Dewan Bandaraya ini yang berjumlah lebih daripada 20 orang, sebelum mereka diberikan kereta Volvo Turbo dengan pemandu yang juga dimajikan oleh DBKL, mereka sebenarnya ditawarkan kereta-kereta Trooper dan Trooper ini apabila dibeli, sebentar sahaja didapati tidak sesuai dan ditukar kepada Volvo baru dan dalam proses ini, bukankah wang rakyat yang berjuta-juta ringgit telah dibazirkan? Bukankah ini hanya untuk keseronokan pegawai-pegawai kanan DBKL tanpa mengira kesusahan dan korban orang ramai dari segi wang peruntukan awam?

Tuan Wee Choo Keong: Memang saya sangat setuju dengan apa yang disebutkan oleh kawan saya dari Sungai Besi. Pada halnya kalau mereka hendak jalankan tugas DBKL, saya rasa Trooper lebih sesuai oleh kerana Trooper ini lebih kukuh untuk rough use, untuk buat inspection dan sebagainya. Kalau Volvo Turbo ini untuk gaya sahajalah sebab itu logo DBKL pun tidak dilekatkan di pintu walaupun Dato' Bandar sudah

mengeluarkan satu arahan supaya semua Volvo yang baru-baru ini dibeli oleh DBKL mesti dilekatkan logo DBKL. Tetapi yang saya tahu, tidak ada seorang pengarah pun yang sudah lekatkan logo DBKL di kereta Volvo ini. Jadi, saya hendak tahu daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kenapa pub "Betelnuts" ini boleh menjalankan operasinya lebih daripada jam 2, hampir jam 3, jam 4, jam 5 pagi, oleh kerana syarat-syarat DBKL sejauhmana yang saya tahu iaitu yang paling lewat sehingga jam 2 pagi untuk hari biasa dan untuk hari Sabtu hingga jam 3 pagi, tetapi Betelnut ini terbuka hingga jam 4....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut bangun pula.

Tuan Wee Choo Keong: Kacau sahaja!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bolehkah Ahli yang berkenaan memberitahu saya, apakah Ahli yang berkenaan buat pada pukul 2 pagi di situ? *(Ketawa)*

Tuan Wee Choo Keong: Sebab Rang Undang-undang ini, saya telah pergi check dan dapat maklumat daripada orang ramai, dan juga kerana hendak menjalankan tugas menjaga kawasan saya. Itulah menunjukkan bahawa Ahli-ahli Parlimen DAP ini serius dan bertanggungjawab walaupun sehingga jam 2 pagi atau 3 pagi - kita menjalankan tugas kita - tidak seperti Larut yang minat jadi director sahaja dan tidak mahu jaga kawasan dan rakyat jelata.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd Hassan: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut bangun. *(Ketawa)*

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Di Larut tidak ada orang yang mengarut sampai pukul 2 pagi. Pada pukul 11, lepas sembahyang Isyak, kita semua sudah tidur. Bukan macam Ahli DAP di Kuala Lumpur, merayau semua. *(Ketawa)* Sudahlah merayau, tidak mahu bayar tol pula. *(Ketawa)*

Tuan Wee Choo Keong: Tetapi itulah satu hakikat yang kita boleh menunjukkan kepada rakyat bahawa Ahli-ahli Parlimen DAP bertanggungjawab dan bekerja kuat semua di dalam kawasan mereka masing-masing, tidak seperti Larut, walaupun ada masalah pada awal pagi, dia tidak peduli langsung sebab dia lebih minat duduk di Kuala Lumpur, sebab kita ada banyak hiburan di Kuala Lumpur. Dia minat duduk di Kuala Lumpur sahaja.

Jadi, saya hendak tahu daripada Menteri yang berkenaan kenapa Betelnuts ini boleh beroperasi lebih daripada syarat-syarat masa yang sudah ditetapkan oleh DBKL dan sama ada oleh kerana Betelnuts ini ada connection yang paling rapat dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ataupun DBKL dapat sumbangan yang terlampau istimewa.

Saya hendak cadangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kalau kita hendak kawalkan hiburan di Kuala Lumpur dan sekitarnya dan juga kita hendak buat satu syarat yang beruniform, dalam Akta ini kita mesti tetapkan masa pembukaan tempat hiburan dan tetapkan juga masa untuk mereka tutup supaya semua rakyat tahu bahawa mereka ada hak membuka dari masa begini kepada hampir masa yang sudah ditetapkan di dalam Rang Undang-undang ini dan juga supaya kita boleh mengawal, DBKL tak boleh menyalahgunakan kuasa dan juga susah sedikitlah hendak dapat sumbangan daripada orang awam. Sebab ini satu hakikat, satu faktor yang saya tiap-tiap hari dapat rayuan daripada rakyat jelata, DBKL begini, dapat sumbangan begini, minta rasuah begini

dan saya nampak dengan mata sendiri, di hadapan saya pegawai DBKL minta \$5 juga di Pudu.

Jadi, kita tidak boleh memberikan kuasa yang sebegini besar kepada DBKL untuk menetapkan semua syarat-syarat sukarela oleh DBKL dan juga memberi kuasa kepada Menteri dengan mengeluarkan directive dengan sukarela kepada DBKL. Kita mesti tetapkan syarat-syarat yang penting, seperti pembukaan pub, disco ataupun concert dan waktu tutupnya. Kita mesti sanggup bahawa operator-operator pub atau tempat hiburan, tujuan mereka itu untuk apa, dapat keuntungan. Kalau mereka tidak dapat keuntungan saya rasa jam 11.00 pun mereka akan tutup. Kita mesti jangan kawal sampai begitu. Kalau kita hendak kawal, kita masukkan syarat-syaratnya di dalam Akta ini supaya DBKL tidak boleh pilih bulu, orang ini kawan baik dia, dia beri lesen ataupun ada jalan untuk memberi sumbangan kepada mereka, lesennya dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya. Sesiapa yang tidak memberi cukup sumbangan ataupun tidak melalui channel yang ditetapkan, lesennya tak diberi, dan akhirnya mereka boleh buat rayuan kepada Menteri. Menteri tolak, beres, tak boleh pergi ke mahkamah. Ini satu undang-undang yang saya tak boleh sokong.

Saya harap Menteri yang berkenaan boleh menimbangkan sekali lagi dan jadi gentlemanlah. Apa yang kita beritahu tak baik, tolong batalkan dan kaji semua, tidak memalukan. Kita dapat lebih hormat daripada rakyat dan daripada pihak di sebelah sini kalau Barisan Nasional, Menteri yang berkenaan gentleman, mana yang kita sudah sebut di dalam Dewan ini yang tidak baik seperti keputusan Menteri jadi muktamad yang tidak dicabar, dipersoalkan di mahkamah, tarik balik, jadi gentleman, oleh kerana semua rakyat pun tak boleh sanggup. Kenapa jadi satu Kerajaan hendak halang rakyat pergi ke mahkamah. Mahkamah itu

untuk apa? Untuk rayuan daripada rakyat. Oleh kerana Kerajaan sudah ada banyak kuasa sekarang, ISA pun ada, OSA pun ada, semua ada. Hendak tahan orang pun boleh, makan rasuah masuk OSA—no problem juga. Kenapa hendak ini lagi, satu keputusan jadi muktamad. Ini kes hiburan sahaja, bukan kes yang lain. Tolonglah. Saya merayu kepada Barisan Nasional, let's be gentlemen. Akta yang begini dalam hiburan tak payah sekat hak-hak rakyat pergi ke mahkamah.

Saya harap Menteri yang berkenaan menarik balik seksyen 12 ini ataupun taruh satu seksyen yang baru, menetapkan satu positive provision bahawa semua pemohon yang ditolak dalam Akta ini boleh merayu kepada mahkamah.....

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, ekor apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, adakah pihak Kerajaan mendapatkan sumbangan daripada ahli-ahli DAP oleh kerana kebanyakan kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan semua nampaknya dikawali oleh DAP dan kebanyakan rakyat di Wilayah Persekutuan nampaknya sokong DAP. Adakah pihak Kerajaan bertanya atau mendapatkan apa-apa sumbangan atau pendapat daripada ahli-ahli DAP mengenai Akta ini?

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak DAP tak beri apa-apa sumbangan tetapi kalau Menteri yang berkenaan mahu atau minta pendapat (opinion) daripada Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan memang kita akan bekerjasama dengan mereka, tetapi Menteri yang berkenaan tidak langsung minta pandangan daripada kita, panggil kita untuk berbincang Akta ini untuk kepentingan semua penduduk di Wilayah Persekutuan, tak ada. Mereka teruskan seperti yang selalu mereka buat, mereka hendak tukar Akta mereka tukar ikut suka mereka, hendak tukar apa ikut suka,

ikut suka mereka. Oleh kerana mereka tahu mereka ada majority di sini, tak peduli langsung. Akta yang teruk begini pun dia steamroll, dengan izin, di Dewan yang mulia ini. Kalau tidak, bagaimana satu seksyen yang begini boleh timbul, hampir hendak pergi ke mahkamah pun tak boleh. Ini satu hak yang mesti dipertahankan oleh mana-mana pihak, termasuk Kerajaan oleh kerana Kerajaan selalu kata, kita hendak jaga kepentingan rakyat, kita hendak jaga kepentingan negara dan sebagainya. Kalau kita hendak jaga kepentingan rakyat, kenapa kita hendak halang rakyat untuk sekatkan hak rakyat pergi ke mahkamah. Ini menunjukkan Barisan Nasional ini sudah takut, tidak mahu beri peluang kepada rakyat pergi ke mahkamah, bawa kes ke mahkamah. Oleh kerana mereka tahu kalau pergi ke mahkamah, semua akan timbulkan dan akan mencemarkan nama Kerajaan Barisan Nasional. Kalau tidak, mereka tidak akan ada satu peruntukan yang sebegini, sekatkan hak-hak rakyat.

Akhirnya, saya harap Menteri yang berkenaan tarik balik clause 12 ini ataupun batalkan cuma last sentence yang berbunyi, "keputusan Menteri itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah". Saya rasa ini tak sesuai dan ini satu Rang Undang-undang Hiburan dan bukan mengenai dengan sekuriti dalam negara kita. Saya juga harap Menteri boleh menetapkan syarat-syarat untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada operator, jangan diberi kepada pihak Dato Bandar sahaja, mereka akan menyalahgunakan kuasa, seperti apa yang saya sebutkan tadi. Menteri yang berkenaan mesti mengeluarkan syarat itu tetap dalam Akta ini juga apa yang mesti dipatuhi dan bukannya memberi hak kepada DBKL untuk mengeluarkan syarat-syarat ikut suka mereka.

Dengan itu saya harap Menteri yang berkenaan mengambil berat apa yang saya timbulkan tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

5.40 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengalu-alukan Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bercadang untuk mengambil bahagian untuk bercakap bagi memberi pandangan-pandangan yang saya kira perlu dan wajar.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang takrif hak asasi ataupun kebebasan yang telah ataupun yang sentiasa disebut dalam Dewan yang mulia ini bagi mempertahankan hak rakyat, perlu sekali lagi kita memberi penekanan dan penjelasan. Kalau merujuk kepada Fasal 12 Rang Undang-undang ini, di mana sebarang keputusan yang telah dibuat oleh Dato Bandar, pihak yang memohon boleh merayu dalam tempoh 30 hari dan kemudian keputusan itu tidak boleh dicabar.

Saya cukup menghormati dan saya salah seorang penjuang hak asasi, tetapi dalam banyak hal kita juga perlu mempunyai definasi yang jelas bersabit dengan hak asasi ini. Kalau saya bertanya dalam Dewan yang mulia ini atas nama hak asasi kita boleh mengizinkan sesiapa sahaja rakyat Malaysia berbogel dan berjalan di mana sahaja dia suka, apakah itu satu hak asasi yang boleh diizinkan? Sebab itu haknya apa sahaja dia hendak buat—dia boleh buat, kerana masalah hiburan ini saya mengalu-alukan malah ingin mencadangkan supaya peraturan lebih ketat mesti dibuat. Dato Bandar yang telah diberi kuasa mesti bukan sahaja tegas dan mesti mempunyai takrif yang jelas dari segi pengertian dalam konteks hiburan yang kita dapat izinkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyarankan supaya kita turut membasmi apa yang

dinamakan budaya 'Rock' dan seumpamanya. Tetapi memandangkan perkembangan sekarang kalau sesiapa sahaja ingin melakukan atau ingin mengadakan sebarang pertunjukan dan permohonan lesen yang dibuat itu nyata bertentangan dengan nilai-nilai dan norma-norma kita di Timur ini, maka setiap kali ditolak, kes ini akan dibawa ke mahkamah. Cuba kita bayangkan berapa banyak rakyat dan negara akan terpaksa menanggung kalau setiap kes seumpama ini yang bersangkutan-paut dengan keputusan Dato Bandar menolak sesuatu lesen yang terpaksa dilayani di mahkamah, berapa banyak kos? Maka sebab itu, saya percaya ini ada kait-mengait dengan kepentingan negara. Soal hiburan bukan soal perkara yang begitu besar, tetapi soalnya ada orang hendak mengadakan pertunjukan hiburan maka kesnya ditolak, kalau boleh dibawa di mahkamah, pendek kata saya percaya kes-kes yang bertimbun di mahkamah akan bertambah. Apabila kumpulan-kumpulan dari luar negeri yang ditaja oleh mereka atau penganjur-penganjur tempatan bila memohon untuk sesuatu pertunjukkan tempatan dan ditolak saya tidak dapat bayangkan akan berlaku perbicaraan di mahkamah yang berlarutan yang boleh mengakibatkan belanja yang banyak. Jadi, sebab itu saya percaya pihak Kerajaan sudah memikirkan perkara ini dengan masak-masak, maka sebab itulah perlunya dibuat keputusan supaya perkara seumpama ini tidak perlu dicabar di mahkamah.

Kita percaya Dato Bandar yang kita harap tegas dan juga pegawai-pegawainya yang bertanggungjawab akan meneliti setiap permohonan dengan wajar, dengan mengambilkira yang pentingnya ialah dalam pembentukan moral dan akhlak negara kita. Sebab kita tahu Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dari segi budaya di negara kita sekarang ini terutamanya pengaruh budaya Barat sememangnya cukup mengancam.

Saya hendak tunggu wakil dari PAS bercakap, tetapi dia hendak bercakap besok, dia hendak dengar apa orang lain cakap dahulu. Apa yang PAS hendak cakap sayapun tidak tahu, tetapi soal hiburan ini satu perkara yang kita lihat seolah-olah sukar dikawal lagi kerana timbul banyak pertentangan pendapat di kalangan sama ada daripada berbagai pertubuhan ataupun masyarakat ramai. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, apabila RTM mengharamkan artis-artis menyimpan rambut panjang, ada juga yang tidak bersetuju, tidak mudah bila kita mengamalkan demokrasi, maka sebab itulah kita memerlukan satu norma yang jelas, satu nilai yang jelas dalam kita memperkatakan hak kebebasan, hak asasi.

Pertamanya kita mesti menentukan dahulu bentuk identiti negara yang macamana yang kita mahu, bentuk identiti negara yang seumpama mana yang kita mahu. Dan saya percaya kita jelas dalam soal ini, cuma PAS iaitu rakan saya dari Nilam Puri mungkin samar-samar dalam bab ini, dia tidak boleh bercakap banyak bab hiburan. Saya tahu dia akan bercakap banyak masalah-masalah atau perkara-perkara yang tidak diingini, tetapi dia tidak boleh bercakap banyak sebab di Kelantan baru-baru inipun baru berlangsung 'Sarkas Islam' namanya. Sarkas Islam iaitu satu sarkas daripada Royal London of Circus yang diadakan di Kota Bharu baru-baru ini dan diizinkan oleh Kerajaan Kelantan. Mereka mengatakan sarkas itu diizinkan setelah mereka mematuhi syarat-syarat yang ada kena-mengena dengan syariat Islam, macamana Ahli Nilai Puri? Saya ada bawa, saya hendak tunjuk (*Menunjukkan makalah*), sarkas yang dilangsungkan di negeri Kelantan, cuba tengok gambar-gambar ini. Kata Pengerusi Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu, Ahli EXCO Dato' Abdul Halim Mohamed, mereka ini sudahpun dikenakan syarat-syarat yang berasaskan kepada tuntutan agama Islam. Sarkas ini dibuat untuk memungut

derma kononnya bagi menyiapkan astaka di hadapan Kota Lama di Kota Bharu yang baru dirasmikan semalam, yang kita lihat dengan pancaran lampu dan di atasnya ada satu jenis kalau di negeri Kelantan dipanggil tempat membaca Al-Quran. Dan dia kata belanja itu bukan daripada peruntukan Kerajaan, itu sumbangan orang ramai termasuk diadakan sarkas ini. Kalau kita tengok gambar-gambar ini, walaupun mereka ini memakai seluar tidak telanjang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak tunjuk kepada Ahli Parlimen dari PAS ini apa benda? Ini saya hendak beritahu, ini 'barang' (*Ketawa*) sebagai contoh, kalau hendak tengok ada gambar di belakangnya—ini tengok gambar...

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ahli dari Pasir Mas ini boleh beritahu kepada saya, PAS ini main sarkas Londonkah atau sarkas Islam? Saya confuse.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kata PAS, sarkas ini, sarkas yang sudah ditentukan dari segi syariat tuntutan Islam. Saya terpaksa bawa perkara ini sebab saya menjangka wakil PAS akan bercakap dan akan menyerang pihak Kerajaan habis-habisan. Jadi, saya bercakap dahulu, saya ingat wakil PAS hendak cakap dahulu supaya tidak hipokrit.

Saya bersetuju dengan apa sahaja saranan untuk kita kawal segala jenis bentuk hiburan yang boleh merosakkan imej dan moral di kalangan rakyat. Tetapi yang saya hendak dedahkan ialah betapa, saya pun tidak tahu apa hendak cakap, bila saya tengok gambar sarkas ini ditunjuk di Kelantan dengan pakaian sebegini, saya tidak tahulah sama ada Ahli Parlimen Nilam Purikah atau

Pengkalan Chepa pergi tengok wallahu-alam.

Ini baru berlaku tidak sampai seminggu lepas. Tetapi dikatakan, sekarang Kelantan sudah dikawal, segala undang-undang Islam sudah dilaksanakan. Mana lagi hendak dipertahankan credibility? Tidak ada credibility lagi. Sudah cukup bersandiwara dengan Islam. Ini yang dikatakan menggunakan Islam untuk kepentingan diri. Ini kadang-kadang bercanggah. Ada disebut oleh Ahli Parlimen Marang waktu bercakap Akta Dadah tadi. Bercakap, "dadah ini haram, tidak boleh" tetapi arak benar! Boleh jual arak. Di Kelantan pun orang masih jual arak. Memang, kalau diharam, haram betul. Tetapi masih ada jualan arak di Kelantan. Sama juga ini. Boleh diizinkan.

Tetapi di dalam *Harakah*, dalam ucapan, dalam ceramah kita sahajalah yang menjadi penyebar-penyebar kepada maksiat ini. Ini tanggungjawab bersama.

Sekarang ini pun sudah jadi pertentangan. Satu pihak kita hendak menegakkan dari segi soal perkara-perkara yang haram. Satu pihak kita bercakap soal hak asasi seperti wakil DAP bercakap. Jadi, yang mana satu yang kita hendak ikut. Akhir sekali terpaksa Kerajaan mengamalkan dasar yang seimbang yang dirasakan tidak menjolok sangat asalkan menetapkan nilai-nilai norma maka itu harus dipatuhi. Tetapi banyak juga orang yang tidak patuh. Ini, orang yang bercakap bab Islam sendiri pun akhir terpaksa mengizinkan sarkas ini diadakan. Cara pakai itu dia suruh tutup. Kalau pekerja-pekerja di Hotel Perdana sekarang ini mesti pakai tudung di Kelantan. Jadi main sarkas tidak payah pakai tudung. Seluar dipakai, tutup aurat tetapi punya ketat masya Allah, tidak boleh cakap dah. Jadi saya cadangkan wakil PAS tidak payah cakaplah bab Akta ini, sokong sahajalah. Tidak boleh

hendak bercakap lagi. Sebab apa dia hendak bercakap lagi? Sebab sudah pun baru berlangsung.

Saya pun tidak tahu sama ada segala keuntungan cukai yang didapati ini dibiayai untuk membina astaka ini yang hendak diletak "rehal" iaitu tempat letak Al-Quran, daripada hasil duit sarkas.

Jadi saya hanya baca laporan dan saya diberitahu saya baru balik dari Kelantan saya dapat laporan dan dapat ini. (*Menunjukkan makalah*) Terkejut saya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sekarang ini, kalau saya hendak bantai saya boleh bantai habis-habis. Memang kalau saya hendak bantai, habis—cukup ini. Cuma saya hendak bercakap dalam bentuk nada yang sederhana supaya Ahli Parlimen Nilam Puri, Ahli Parlimen Marang, Pengkalan Chepa dan rakan-rakan kita yang ada di sini supaya apabila Allah s.w.t. sudah beri kuasa kepada kita, tahu tidak? Selama ini kita sudah bercakap banyak, Allah s.w.t. sudah beri kuasa, buatlah betul-betul supaya orang boleh tengok contoh dan jangan bercakap tidak serupa bikin. Seluar orang kita hendak baiki. Pakaian orang kita hendak baiki. Manakala kita sendiri yang ada kuasa pun kita tidak buat. Kita tidak buat. Memalukan.

Tetapi, akhbar Barat boleh puji. Akhbar Barat puji, Islam yang dijalankan di Kelantan sekarang Islam yang betul. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada buat kenyataan terkejut tengok, orientalis Barat, penulis Barat boleh memuji tentang Islam di Kelantan termasuk soal-soal hiburan ini. Oh, betul dia keluar dalam *Far Eastern Economic Review* yang sudah diingat supaya kita berhati-hati, ini mungkin satu usaha hendak memecah-belahkan umat Islam. Jawab Menteri Besar semalam, "saya menganggap pandangan penulis-penulis Barat itu betul." Semalam dia jawab, saya tengok semalam. Dia kata betul, tidak ada yang salah. Betul apa benda

macam ini. Sampai bulu ketiak pun boleh bilang. (*Ketawa*) Bulu ketiak pun boleh bilang! Tengok gambar yang belakang ini lagi masya Allah.

Seorang Ahli: Beri kepada Tuan Speaker.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya memang hendak beri kepada Tuan Speaker. Tetapi Tuan Speaker pun tengok gambar apa yang Ahli Parlimen Pasir Mas pegang. Dia hendak tengok, saya hendak berilah. Sebagai exhibit. Sebab video tidak boleh tengok, ini boleh tengok. (*Ketawa*)

Ini bukan saya hendak memperkecil-kecilkan, hendak menidakkan PAS tetapi saya tegur dengan cara yang tulus ikhlas demi kebaikan Islam. Sama sebagaimana saya percaya usaha pihak Kerajaan membawa Rang Undang-undang ini untuk mengawal. Dan perkara untuk mengawal hiburan ini bukan senang. Kalau kita semua tidak bekerjasama, kalau tanya saya, saya baca undang-undang ini, masih longgar. Kalau ikut saya lagi ketat. Sebab susah hendak kawal, bukan senang kita mempunyai masyarakat berbilang kaum. Kita tahu.

Tadi kita dengar wakil DAP dari Bukit Bintang bercakap. Saya malas bangun sebab saya malas buang masa. Kalau hendak berdebat sepanjang masa pun boleh berdebat dalam soal takrif nilai ini. Soal demokrasi, soal hak asasi. Tetapi soalnya mahu tidak mahu memang ada usaha dan usaha ini nyata untuk kebaikan supaya kita mengadakan undang-undang dan peraturan supaya dengan adanya peraturan dan undang-undang seumpama ini, kita boleh kawal segala kegiatan hiburan. Yang sekurang-kurangnya kita boleh menolak melalui undang-undang yang kita rasa bercanggah dengan prinsip-prinsip dan norma-norma nilai budaya kita.

Katakanlah Datuk Bandar tolak satu keputusan—ada permohonan. Takkanlah sampai hendak pergi ke

mahkamah, “ini, mesti ada sesuatu di belakangnya,” saya percaya. Apa benda sangat yang Kerajaan dapat? Tidak ada benda pun. Nobody have the interest dalam perkara-perkara seumpama ini. Bukan ada kepentingan politik pun maka ditolak. Tetapi kalau itu ditolak, ini pun hendak bawa pergi ke mahkamah, berapa banyak kes-kes di mahkamah nanti. Hakim pun tidak cukup, mahkamah pun tidak cukup. Wang rakyat lagi banyak dibelanjakan. Hanya bicara kerana kes satu permohonan ditolak.

Jadi perkara-perkara seumpama ini biarlah kita rasional. Biarlah objektif. Ada perkara kita boleh bertentangan pendapat. Misalnya soal-soal perkara pokok, boleh. Itu tidak ada masalah dalam dunia demokrasi. Tetapi perkara-perkara seumpama ini pun bagi saya tidaklah sampai kita jadikan begitu panik. Kita kena tanya soal pendirian di antara parti-parti pembangkang seumpamanya.

Saya ini, (*menunjukkan makalah*) ini yang saya sebutkan tadi, contoh di Kelantan ini. Tidak tahulah takut PAS sekarang ini sudah dengar nasihat-nasihat yang mengatakan bahawa ini sudah selari dengan Islam, wallahu-‘alam. Tetapi sekarang sekurang-kurangnya Allah s.w.t. sudah menunjuk kebenaran demi kebenaran. Satu demi satu. Contoh, tidak lama. Tidak sampai dua tahun.

Begitu juga saya minta supaya semua pihak termasuk parti-parti pembangkang terutamanya macam DAP di Wilayah Persekutuan, sebab banyak kawasan di Wilayah Persekutuan ini diwakili oleh DAP supaya dapat bekerjasama membanteras segala budaya-budaya yang menjolok mata, yang bertentangan dengan nilai-nilai budaya Timur kita ini.

Kalau kita sebut Islam sensitif, sekurang-kurangnya budaya Timur kita ini yang tidak menjolok mata. Kita tengok cukup bermaharajalela. Dan kalau tidak diberi lesen mereka buat cara haram dan kita pula kena cari pegawai-

pegawai enforcement officer, banyak lagi belanja. Tetapi kita minta supaya lebih tegas dan lebih berhati-hati.

Saya hendak menyarankan kepada Dewan Bandaraya, terutamanya bahagian Jabatan Pembangunan Wilayah Persekutuan—Timbalan Menteri ada di sini—supaya kegiatan lesen-lesen yang hendak diberi ini lebih berhati-hati. Sebagai contoh, apa sahaja pertunjukan hiburan di Dataran Merdeka hendaklah dikawal dari segi waktunya. Sekarang kalau diberi waktu atau apapun perjumpaan setakat pukul 12.00 malam. Kalau tamat pukul 12.00 malam hendakkan mereka bersurai mengambil masa satu jam atau dua jam. Jadi anak muda berkeliaran, kita hadkan masa. Selain daripada itu, jenis dan bentuk pertunjukan itu juga mesti dikawal terutama dari segi budaya rock ini. Bukan sahaja dari segi bentuknya, pakaiannya tetapi semua sekali. Jenis-jenis macam ini dari segi cultural shock sekejap sahaja lepas itu tiada apa. Yang lama bertahan ialah Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Nama Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sampai sekarang masih lagi diingati, masih lagi berkumandang, walaupun Allahyarham sudah hampir beberapa belas tahun tidak ada. Jenis-jenis yang panas-panas ini sekejap sahaja tetapi kesan kepada muda-mudi kita cukup teruk sekali. Dia ada kaitannya dengan dadah, AIDS dan seumpamanya.

Saya minta supaya bukan sahaja Dato Bandar tetapi melalui Jawatankuasa ini supaya mengawal betul-betul, kalau tidak teruk. Umpamanya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan asyik sibuk mengenai soal dakwah, macam PEMADAM kempen anti-dadah, satu pihak asyik membesarkan soal budaya-budaya yang tidak mendatangkan faedah ini. Jadi, sampai bilapun kita tidak akan selesai, mesti diselaraskan supaya ada nilainya ini. Dengan ini, saya percaya kerjanya mudah dan menghalakan generasi muda negara kita ini ke arah cita-cita Wawasan 2020. Saya harap ini diberi perhatian

sungguh-sungguh. Saya cukup menyokong bila RTM tidak membenarkan pertunjukan artis-artis rambut panjang disiarkan. Sampai ramai yang merungut termasuk tokoh Sasterawan Negara, A. Samad Said. Ini hak soal asasi. Memang betul, tidak salah rambut panjang ini, cuma tidak sedap tengok sahaja, sebab tidak ada orang berambut panjang sekarang ini, buruk nampaknya. Sebab nilai rambut panjang ini dibawa oleh orang-orang Barat.

Begitu juga dalam menentukan lesen-lesen hiburan ini, saya hendak tanya syaratnya sebab tidak ada dalam undang-undang ini. Apabila hendak dibuat sesuatu permohonan lesen, sebelum diluluskan, apakah peraturan-peraturannya yang mesti dikenakan. Saya hendak tahu? Adakah bentuk pertunjukannya? Macam mana syaratnya? Pakaian macam mana syaratnya? Lagu-lagu macam mana bentuknya? Ini semua kena ambil kira—waktu dia mula pukul berapa, tamat pukul berapa? Semua ini kita hendak tahu syarat-syarat dari segi peraturan. Kita percaya artis-artis kita, penganjur-penganjur hiburan kita perlu peka dan menyahut tujuan baik ini dan saya percaya tidak akan menjejaskan dari segi pendapatan mereka. Mereka tidak semestinya membawa budaya-budaya yang saya sebutkan tadi untuk mendapat keuntungan, kecuali PAS Kelantan sahaja, dia fikir Sarkas Islam, yang disebutkan tadi yang akan membawa keuntungan—tidak semestinya. Saya percaya kalau kita halakan ke arah itu banyak kerja senang, malah pertubuhan-pertubuhan budaya negara kitapun akan hidup dengan lebih subur. Kita bagi peluang lebih banyak, umpamanya kumpulan budaya yang ditubuhkan oleh masyarakat kita cukup banyak tetapi mereka tidak berkesempatan untuk menunjukkan kebolehan dan bakat mereka sebab jarang dijemput.

Saya hendak bertanya pihak Dewan Bandaraya, saya diberitahu setiap minggu ada hiburan dibuat di tiap-tiap kawasan macam Taman Tasik

Titiwangsa, Taman Perdana diadakan panggung budaya tiap-tiap minggu. Berapa belanja digunakan untuk itu? Saya tahu ini untuk kepentingan pelancongan dan juga untuk menghidupkan suasana di kota kita yang memang dikawal. Tetapi pada masa yang sama apakah kita perlu membelanjakan perkara ini dan kalau belanja berapa banyak? Sebab saya hendak menyarankan supaya kegiatan-kegiatan hiburan seumpama ini diserahkan kepada pihak swasta. Tidak perlu lagi Kerajaan menanggung kos ini, pihak swasta boleh menaja. Kita boleh menyelamatkan banyak wang untuk tujuan-tujuan lain, daripada kita membelanjakan ke jalan ini dan kita serahkan perkara ini kepada pihak swasta. Mereka selalu ada penaja-penaja yang hendak mengiklankan hasil keluaran mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan ini supaya seruan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu disahut oleh semua pihak supaya dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kita akan lihat bahawa pusat bandar kita, Kuala Lumpur akan berkembang dan dari segi budayanya mungkin satu identiti yang satu hari nanti dipertuturkan bukan sahaja oleh negara kita tetapi oleh dunia Barat. Yang kita asyik heboh dan susah dengan rock-rock ini buat apa? Manakala kalau kita lihat rombongan budaya kita pergi ke luar negeri mereka cukup kagum dengan budaya yang ada di negara kita ini. Saya harap perkara ini mesti diambil perhatian.

Sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak bangkitkan di sini supaya pihak PAS terutamanya, jangan terperangkap dengan perencanaan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu untuk melihat perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini. Saya menyebut tadi mengenai masalah media Barat. Media Barat sudah nyata menunjukkan belang mereka dengan menulis kononnya mem-

pertahankan dan menganggap fundamentalis Islam kononnya yang memerintah Kelantan sekarang ini adalah sesuatu yang betul, manakala di satu pihak berpandangan yang lain. Tetapi kita tahu niat mereka ialah untuk memecah-belahkan seperti yang berlaku di Barat, di Yugoslavia sekarang ini. Itulah niat mereka.

Saya nampak wakil-wakil PAS tadi teragak-agak hendak bercakap, tetapi saya percaya mereka akan bercakap esok dan mereka akan menjawab apa yang saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini tetapi saya harap seluruh rakyat terutamanya dapat tahu dan saya harap pihak media dalam negara kita ini memberi liputan ataupun mendedahkan berita-berita seumpama ini dengan lebih jelas lagi supaya rakyat tidak keliru. Mungkin PAS terpaksa meluluskan 'sarkas' yang saya sebutkan tadi semata-mata hendak memenuhi selera ataupun supaya mereka ada alasan dari segi bentuk kerjasama di antara DAP. Itupun wallahu'alam. Tetapi saya percaya mereka sudah berjaya ke satu tahap untuk memecah-belahkan perpaduan umat di kalangan umat Islam kita di sini.

Begitu jugalah dengan surat-surat layang yang dibuat dan saya membentangkan perkara ini supaya pihak PAS lebih-lebih lagi menyedari supaya mereka tidak terperangkap dan menjadi alat oleh pihak Barat dan Barat akan mengambil segala kesempatan untuk merosakkan imej negara kita sesudah Malaysia berjaya satu tahap ke satu tahap. Kita lihat yang terakhir kita berjaya menjadi tuanrumah kepada Sukan Komanwel. Sebelum ini di Sidang Earth Summit di Rio, kita lihat bagaimana negara Malaysia mendapat penghormatan di kalangan negara-negara membangun sebagai jurubicara kepada persoalan-persoalan yang dihadapi oleh masyarakat sejagat sekarang ini.

Oleh kerana mertabat dan kedudukan negara Malaysia di peringkat

antarabangsa sudah mula mendapat perhatian, maka sebab itu orientalist Barat tidak akan berdiam diri dan tempat yang paling rapuh mereka gunakan ialah menggunakan apa yang dinamakan kumpulan fundamentalist Islam. Pada mula-mulanya mereka akan beri sokongan, mereka akan memuji dan memberi perangsang kepada mereka ini dengan harapan supaya mereka dapat memecah-belahkan kedudukan kestabilan pemimpin-pemimpin politik negara kita yang ada sekarang ini dan selepas itu mereka akan melanyak pula golongan-golongan fundamentalis Islam itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja pandangan saya. Saya harap sekali lagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan juga pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bertanggungjawab mengawal hiburan dalam Wilayah Persekutuan ini supaya lebih berhati-hati, lebih bertanggungjawab supaya segala cita-cita kita membentuk sebuah negara yang bermoral, berakhlak, bermartabat dapat kita langsunikan dengan secepat mungkin yang boleh. Sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sungai Besi.
6.11 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sokongan saya pada pandangan dan cadangan rakan saya daripada Bukit Bintang tadi yang menyeru supaya bahagian daripada Fasal 12 yang memberi kuasa kepada Menteri di mana keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak dipersoalkan di mana-mana mahkamah itu adalah satu peruntukan yang paling obnoxious, paling tidak adil dan patutlah dipinda dan dibatalkan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal sebab banyak tempat-tempat hiburan di Wilayah Persekutuan ini telah menjadikan tempat-tempat yang tidak

terkawal selain daripada pub lounge, disko, nite club dan lain-lain. Saya ingin menyentuhkan satu tempat hiburan di mana menunjukkan kekurangan kawalan dan penguatkuasaan yang tidak mempunyai keberkesanan, dan ini memang menunjukkan masalah rasuah di kalangan pegawai-pegawai penguatkuasaan terhadap tempat-tempat hiburan. Dan tempat hiburan yang saya ingin sebut di sini adalah pusat video game.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini permainan video merupakan perniagaan yang berkembang di seluruh negara. Ia bukan sahaja dijalankan oleh orang perseorangan, syarikat, kelab sukan atau rumah persatuan tetapi sesiapa sahaja yang mempunyai modal dan minat dalam perniagaan ini. Pelanggan-pelanggan permainan video lazimnya ialah golongan kanak-kanak, murid-murid sekolah dan orang-orang muda belasan tahun. Permainan ini sudah menjadi semacam satu ketagihan bagi murid-murid sekolah dan orang-orang muda. Mereka memenuhi pusat permainan video sama ada waktu siang mahupun malam, dan para pengusaha video mengaut keuntungan dari saku kanak-kanak dan murid-murid sekolah yang dibekalkan oleh ibu bapa mereka atau meminjam dari rakan-rakan sekolah, rakan sebaya mereka, malah ada yang terpaksa memeras ugut, mencuri dan merompak dari rakan-rakan sekolah. Ini adalah satu masalah sosial yang membimbangkan, di samping keruntuhan akhlak muda-mudi, merokok di kalangan pelajar, menagih najis dadah yang mana jika tidak dikawal dengan tegas dan keras akan menjadi tenat di belakang hari.

Walaupun ada peraturan bahawa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dilarang memasuki pusat-pusat permainan video dan para pengusaha menampal notis atau papantanda di luar premis mereka, tetapi apa yang menyedihkan ialah kita dapati kanak-kanak dan murid-murid sekolah masih boleh masuk ke dalam pusat-pusat pusat

permainan video berdepan dengan situasi ini dan para pengusaha termasuklah pihak berkuasa nampaknya tidak nampak berusaha untuk menghalang kanak-kanak, murid-murid sekolah dan anak-anak muda di bawah 18 tahun ini datang dan melanggan video-video pusat ini tanpa apa-apa masalah. Meski-pun pihak Polis, Dewan Bandaraya dan Jabatan Pendidikan juga termasuk guru-guru sekolah mereka serta ibu bapa mereka menyerbu ke pusat-pusat permainan video ini, tetapi lawatan pemeriksaan mengejut dan sebagainya ini tidak memberi apa-apa kesan, kerana pihak berkuasa masing-masing tidak mempunyai kekuatan diri dan kesungguhan untuk melaksanakan peraturan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa meskipun ibu bapa membuat aduan pada pihak-pihak berkuasa yang terlibat, tetapi sikap kanak-kanak dan murid-murid sekolah yang ketagihan permainan video ini tidak dapat diubah. Peringkat yang merbahaya dalam permainan video ini dan menjadi suatu tarikan utama kanak-kanak dan murid-murid sekolah termasuk belia belasan tahun ialah adanya permainan video berimej lucu, seperti imej wanita seksi. Mereka yang bermain video akan mendapat markah yang tinggi dan banyak, jika mereka berjaya menanggalkan pakaian yang dipakai oleh wanita yang ditayang dalam screen video itu secara helai demi helai atau bahagian demi bahagian. Saya bimbang kerana tidak mustahil jika pada suatu masa nanti imej video lucu bekas Timbalan Speaker D.P. Vijandran juga akan timbul dalam screen dan menjadi daya tarikan dan tontonan kanak-kanak sekolah. Siapa tahu ada kemungkinan. Sebab tape lucu ini disebar dengan luasnya. Saya khuatir jika tidak dibanteras mulai sekarang, permainan video imej lucu ini akan sampai ke peringkat yang saya sebutkan tadi, dan tatkala itu perasaan dan fikiran murid-murid sekolah dan anak-anak muda sudah diracuni.

Sebagai Wakil Rakyat, Tuan Yang di-Pertua, saya sering menerima aduan-aduan daripada ibu bapa dan penjaga yang menyatakan anak-anak mereka terlalu asyik bermain video di pusat-pusat video. Kadangkala mereka berbohong dengan ibu bapa mereka semata-mata untuk pergi ke sekolah. Apabila mereka tidak mempunyai wang yang cukup, mereka terpaksa berhutang, dan jika kalah dalam perjudian video dan ini mendorong mereka melakukan perkara-perkara buruk seperti mencuri dan merompak rakan-rakan sekolah. Ini juga menjelaskan kemunculan gangsterism di sekolah, di kebanyakan sekolah sekarang, khasnya di Wilayah Persekutuan.

Saya merasa amat kesal terhadap Dewan Bandaraya, memang - ini adalah satu tanda yang kurang sihat sebab saya dapati sebuah pusat permainan video yang bertempat di sebuah pusat membeli-belah di Pudu, di mana di sekelilingnya terdapat lebih kurang 10 buah sekolah rendah dan menengah, dan murid-murid gemar ke situ selepas waktu sekolah kerana boleh sampai ke situ dengan berjalan kaki. Saya tidak faham mengapa satu pusat video game dapat dibenarkan beroperasi di tengah 10 buah sekolah. Bukankah ini satu act of corruption oleh Dewan Bandaraya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu rayuan kepada Dewan Bandaraya. Kekurangan pusat-pusat hiburan dan rekreasi, tempat-tempat permainan yang sihat untuk pemuda-pemudi dan kanak-kanak di Kuala Lumpur adalah amat kurang. Dan adalah satu tanggungjawab untuk Jabatan Perdana Menteri bagi menyelesaikan masalah ini. Saya ingin juga menimbulkan bantahan saya ke atas satu projek gergasi yang akan dijalankan di Kuala Lumpur di Golden Triangle, Kuala Lumpur, di mana tapak Kelab Lumba Kuda Jalan Ampang akan digunakan untuk memajukan sebuah pusat komersial yang terbesar di Kuala Lumpur. Tapak Lumba Kuda Jalan

Ampang ini sebenarnya telahpun diumumkan pada 10 tahun yang lalu sebelum keputusan untuk memindah Kelab Lumba Kuda ini ke Sungai Besi bahawa tapak ini akan dijadikan satu taman hijau yang besar untuk kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Tetapi sekarang apa jadinya? Tapak ini akan dijadikan satu pusat komersial, satu concrete jungle, concrete monster dan kontrak ini, tanah ini telahpun dijual kepada seorang kawan baik kepada pemimpin-pemimpin atasan UMNO, khususnya Perdana Menteri sendiri, iaitu seorang raja judi; Ananda Krishnan, raja judi.

Tempat ini dikorbankan, satu tapak yang amat sesuai, satu tapak yang baik untuk dijadikan sebagai, the last remaining "Green Lung" for Kuala Lumpur, telah dikorbankan. Satu taman rekreasi, tetapi sekarang ini aset kepada semua rakyat Kuala Lumpur telahpun dijadikan aset raja judi, aset kepentingan UMNO. Satu aset kepada pemuda pemudi, satu taman rekreasi yang akan memberikan kemudahan-kemudahan hiburan yang sihat kepada pemuda pemudi sekarang dijadikan satu aset yang akan memberi keuntungan yang besar kepada UMNO dan penyokong-penyokongnya.

Saya harap kalau Barisan Nasional ada political conscience, patutlah membatalkan projek pusat komersial di tapak Kelab Lumba Kuda Jalan Ampang dan dijadikannya satu taman rekreasi, taman hijau supaya rakyat Kuala Lumpur dapat menikmati satu kawasan hiburan, satu taman rekreasi yang sihat. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Arau.

6.22 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana pihak Kerajaan yang amat arif

tentang kedudukan manusia sejagat, manusia yang hidupnya di samping bekerja, dia juga memerlukan hiburan. Jadi, pihak Kerajaan yang lebih waras tentang perkara ini telah menunjukkan sikap yang terbuka dan menentukan supaya hiburan ini terkawal dengan pernyataan melalui undang-undang. Kita bersyukur kerana pihak Kerajaan juga di sini menentukan supaya, yang saya takut saya terlupa, menentukan supaya hiburan ini bukan sahaja terkawal tetapi tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak dengan menentukan supaya dimasukkan di bawah Perkara 12, supaya keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yang bertanggungjawab bukan sahaja bertanggungjawab dari segi pentadbirannya dan lain-lain lagi, tetapi bertanggungjawab dari segi aspek-aspek sosial rakyatnya. Saya percaya kalau sekiranya, kita mempertikaikan, kita membenarkan soal hiburan ini dipertikaikan di mahkamah, maka Kerajaan yang seharusnya menentukan soal-soal sosial, soal-soal moral rakyatnya, tidak dapat mengawal dengan secara sepenuhnya. Sebab sudah pasti bila ianya dibawa ke tempat terbuka, ianya akan dibincang dengan cara terbuka dan mungkin boleh ditafsirkan dengan cara yang berlainan.

Jadi, saya minta supaya pihak Pembangkang terutamanya DAP yang saya baru dengar ini, supaya memikirkan betul-betul, kalau sekiranya mereka mementingkan apa perkara-perkara yang mereka telah sebutkan, soal moral anak-anak sekolah dan sebagainya, kita mesti buat sesuatu supaya pihak Kerajaan diberi kuasa penuh untuk menentukan supaya hiburan ini terkawal. Kalau sekiranya hiburan tidak terkawal, maka ianya terjadilah perkara-perkara yang kita selalu sebutkan, perkara-perkara yang semua pihak tidak bersetuju iaitu moral anak-anak kita sampai ke tahap yang tidak terkawal. Jadi, saya bersyukur dan amat

menyokong supaya Akta ini dipertahankan sampai hari kiamat, kecuali bila Pembangkang memerintah, dia tidak akan memerintah, supaya Kerajaan dapat mengawal terus, berhubung dengan hiburan ini supaya kita dapat mengawal aspek-aspek lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma memikirkan, hendak hubungkaitkan perkara ini dengan satu masalah yang penting, yang merupakan masalah utama dalam negara sekarang iaitu berhubung dengan dadah. Ada terdapat di dua buah negara di dunia, yang pertamanya di Holland, iaitu sebuah bandar yang tempat tinggal bekas orang Islam dahulu namanya Natrah, sekarang nama Belandanya saya lupa, tetapi di bandar itu dia tinggal sekarang. Di bandar ini ganja dibenarkan, orang yang hendak hisap ganja dibenarkan tetapi dengan syarat ganja ini mesti dibeli daripada Kerajaan, daripada Balai Polis. Ini hendak tunjukkan di antara bandar dalam Belanda ini, inilah bandar yang paling rendah sekali orang yang menghisap ganja, sebab ianya dibuat dalam bentuk terkawal dan tidak ramai orang yang sanggup pergi ke Balai Polis ataupun pihak Kerajaan untuk membeli ganja.

Kemudian ada lagi satu bandar di Negeri China, saya kurang pasti, sebab orang yang selalu melawat Negeri China mungkin boleh cerita kepada saya tetapi saya mendengar orang yang balik daripada Negeri China menceritakan kepada saya, di mana benda-benda yang berbentuk demikian, yang saya akan hubungkaitkan dengan hiburan yang dibuat dengan terkawal, kita nampak benda itu dapat dikawal. Penduduk Negeri China ada 1 billion, tetapi kita kurang pasti tentang jumlah yang menghisap dadah, tetapi di sana, sesiapa yang menghisap candu, sebab di sana banyak orang suka hisap candu, mereka hanya boleh beli candu di tempat yang dihaskan. Kerajaan mengkhaskan tempat untuk mereka membeli candu. Jadi, tiap-tiap orang yang akan membeli

candu akan memakai topi ataupun tanda-tanda yang menunjukkan berapa banyak yang dia hendak bulan itu. Macam 10 gram, jadi, cuma satu hari dibenarkan sebulan, dia terpaksa berbaris panjang, jadi orang akan nampak, orang ini hendak 10 gram, yang teruk sedikit hendak 100 gram dan sebagainya.

Jadi, ini hendak menunjukkan di mana, saya tidak mahu kata ini di antara perkara yang terbaik, saya hendak tunjukkan di mana perkara yang tidak baik tetapi dibuat dengan secara terkawal, akhirnya ianya telah dapat dikawal.

Jadi, di Malaysia ini kita belum lagi memikirkan perkara ini dan kalau saya keluarkan, kawan-kawan saya semua baik-baik, saya takut pihak Pembangkang mempolitikkan perkara ini. Kalau sekiranya benda ini dibuat dengan secara terkawal, saya sudah pasti orang-orang, mereka yang terlibat dengan pengedaran dadah dan termasuk mereka yang menghisap dadah, saya sudah pasti Kerajaan yang pertama dapat mengenalpasti, yang keduanya, Kerajaan dapat mengawal.

Saya hendak hubungkaitkan cerita yang menarik mengenai di Belanda dan juga di Negeri China ini tentang hiburan. Hiburan, kalau sekiranya kita tidak kawal, kita sedia maklum, orang-orang yang di bawah umur tertentu, dan juga di peringkat umur tertentu termasuk orang-orang yang dewasa juga, dia tidak dapat lari daripada hakikat dan juga kenyataan berhubung dengan hiburan. Macam manapun dia akan cuba melibatkan diri. Jadi, kita tidak ada pilihan. Semua ini mesti dibuat dalam cara terkawal termasuk perjudian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung besok?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PENYALAHGUNAAN KUASA OLEH POLIS

6.30 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, tajuk ucapan penangguhan saya adalah berterus-terang. Ini adalah mengenai penyalahgunaan kuasa oleh Polis kerana menangkap semula mereka yang telah dibebaskan oleh Mahkamah. Kerap kali ini terjadi. Oleh itu saya minta Menteri memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelutong. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mempertikaikan penyalahgunaan kuasa oleh Polis kerana menangkap semula mereka yang telah dibebaskan oleh Mahkamah. Sukalah dijelaskan bahawa mana-mana Pegawai Polis boleh menangkap dan menahan tanpa waran sementara

menanti siasatan seseorang yang ia ada sebab untuk mempercayai bahawa alasan-alasan ada bagi mematutkan orang itu di tahan di bawah Seksyen 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Kuasa Polis berbuat demikian adalah mengikut lunas undang-undang.

Mengenai kes-kes yang berhubung dengan penangkapan semula, untuk perhatian Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak berkuasa sentiasa memastikan semua tangkapan dan penahanan adalah dibuat mengikut proses dan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan. Oleh itu tidak timbul masalah penyalahgunaan kuasa oleh Polis dalam kes-kes tangkapan semula itu. Pihak Polis sentiasa menilai sesuatu kes sebelum tangkapan semula dibuat sama ada jenayah yang dilakukan adalah serius yang memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kes-kes tersebut adalah mengenai kekerasan kongsi gelap, tahanan ISA dan dadah. Pengedaran dadah akan mengakibatkan keruntuhan moral, kerosakan sosial dan menjejaskan keselamatan dan ekonomi negara. Dengan itu, pengedar-pengedar dadah perlu ditangkap di bawah undang-undang berkaitan. Tangkapan oleh Polis perlu dibuat terhadap orang-orang yang terlibat di dalam kegiatan yang serius yang menjadi ancaman kepada keselamatan negara.....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong minta jalan.

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri. Jumlah kes yang ditangkap semula dari tahun 1990 hingga Jun 1992 adalah seperti berikut:

- 33 kes Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969;

- 307 kes Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985; dan
- 3 kes Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa penahanan semula itu dibuat memandangkan mereka adalah benar-benar terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang menjejaskan keselamatan dan ketenteraman negara. Terima kasih.

Tuan Yim Chee Cheong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Petua: Tidak boleh Yang Berhormat. Yang Behormat dari Seremban tidak boleh.

Tuan Yim Chee Cheong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Ucapan Penangguhan, tidak boleh Yang Berhormat. Baik, Seputeh.

LAWATAN DATO BANDAR KUALA LUMPUR DAN ROMBONGAN KE BARCELONA DAN CASABLANCA

6.34 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya adalah seperti dalam tajuk. Sila Menteri jawab.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, rombongan sukan Olimpik ke Barcelona adalah di bawah kelolaan Majlis Olimpik Malaysia di mana Dato Bandar telah di lantik sebagai Ketua Kontingen Malaysia. Perbelanjaan Dato Bandar ke Barcelona ini adalah dibiayai oleh Majlis Olimpik Malaysia dan bukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur turut menghantar 6 orang pegawai ke Barcelona dalam usaha Kuala Lumpur menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998 di bawah kelolaan Jawatankuasa Penawaran yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Dato Bandar adalah juga Pengerusi Jawatankuasa Penginapan dan Pengerusi Jawatankuasa Tajaan dan Sokongan Sukan Komanwel 1998.

Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berkenaan adalah membantu Dato Bandar di dalam Majlis taklimat dan persembahan kepada Persekutuan Sukan Komanwel yang bersidang pada 21hb Julai, 1992 bagi memilih sama ada Adelaide atau Kuala Lumpur menjadi tuan rumah bagi Sukan Komanwel 1998. Kejayaan Kuala Lumpur dipilih sebagai tuan rumah bagi Sukan Komanwel 1998 dapat menarik pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong untuk datang ke Kuala Lumpur.

Lawatan Dato Bandar ke Casablanca telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia sebagai kunjung balas kepada Presiden Casablanca Urban Community Council dan untuk menandatangani perjanjian persefahaman dan kerjasama di antara Casablanca dan Kuala Lumpur. Rombongan Dato Bandar ke Casablanca adalah terdiri daripada 26 orang pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan 46 orang ahli Kumpulan Kebudayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang terdiri daripada penyanyi, penari dan pemain-pemain muzik untuk menjayakan pertunjukan kebudayaan di 'Malaysian Trade Night' di Casablanca. Pegawai-pegawai dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah tanggungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan perbelanjaan Rombongan Kebudayaan ditaja oleh pihak-pihak swasta.

Oleh kerana Dato Bandar sudah berada di Casablanca, beliau juga akan

mengadakan lawatan sambil belajar ke Tivoli Park di Copenhagen, Denmark. Tivoli Park merupakan sebuah taman hiburan dan rekreasi yang unik dan terkenal dan terletak di tengah-tengah Pusat Bandaraya Copenhagen. Walaupun ia kecil tetapi mempunyai ciri-ciri seperti Disneyland. Taman ini dilengkapi dengan restoran dan kemudahan-kemudahan hiburan dan rekreasi yang mempunyai satu daya tarik yang istimewa kepada kanak-kanak dan pelancong. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merancang untuk membina satu konsep taman hiburan seumpama itu. Lawatan ini dapat membantu dalam usaha membuat kajian kemungkinan dan mempelajari konsep pendekatan

perancangan sebuah taman yang menarik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada Usul iaitu Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.